Bursa Depository	:	Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd (No. Pendaftaran: 198701006854 [165570-W])
Bursa Securities	:	Bursa Malaysia Securities Berhad (No. Pendaftaran: 200301033577 [635998-W])
Hari(hari-hari) Perniagaan	:	Hari (selain dari hari Sabtu, Ahad atau cuti umum) di mana: (i) Institusi Kewangan dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur dan urus niaga pasaran wang dijalankan di Kuala Lumpur; dan (ii) Bursa Securities dibuka untuk dagangan sekuriti; dan (iii) Penanda Aras disusun dan disiarkan; atau lain-lain hari sebagaimana mungkin dipersetujui di antara Pengurus dan Pemegang Amanah dan dimaklumkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian dari masa ke masa
CDS	:	Sistem Depositori Pusat
Akaun CDS	:	Akaun yang ditubuhkan di Bursa Depository untuk pendeposit bagi merekodkan deposit sekuriti dan bagi urus niaga dalam sekuriti-sekuriti tersebut oleh pendeposit
Rumah Penjelasan	:	Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd (No. Pendaftaran: 198301014323 [109716-D])
Akta Depositori Pusat	:	Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), 1991 atau mana-mana ubahsuaian berkanun, pindaan atau gubalan semulanya yang buat masa ini berkuatkuasa
CMSA	:	Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007
Kustodian	:	Orang atau orang-orang yang pada masa ini dilantik oleh Pemegang Amanah sebagai kustodian Dana untuk memegang semua Aset Dana atau mana-mana bahagiannya
Hari Urus Niaga	:	Setiap Hari Perniagaan semasa keberterusan Dana dan/atau hari lain sebagaimana Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah mungkin, tentukan dari masa ke masa tetapi tidak termasuk Hari Perniagaan bila mana peristiwa <i>force majeure</i> berlaku atau berterusan
Surat Ikatan	:	Surat ikatan bertarikh 12 Julai 2005 sebagai dipinda melalui surat ikatan

tambahan bertarikh 30 Jun 2006, surat ikatan tambahan bertarikh 20 Jun 2007, surat ikatan tambahan kedua bertarikh 24 Februari 2015 dan surat ikatan tambahan ketiga bertarikh 16 November 2020 yang ditandatangani di antara Pengurus, Pemegang Amanah dan Pemegang-pemegang Unit membentuk Dana sebagai dipinda melalui apa-apa surat ikatan tambahan lain kepadanya

Prospektus Elektronik	:	Salinan Prospektus ini yang dikeluarkan, diedarkan atau disebarikan melalui internet, dan/atau medium penstoran elektronik, termasuk tetapi tidak terhad kepada CD-ROM
EMEAP	:	Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Asia Tenggara dan Bank-bank Asia Pasifik
ETF	:	Dana didagang pada Bursa
Garis Panduan ETF	:	Garis Panduan Dana Didagang pada Bursa dikeluarkan oleh SC dan apa-apa pindaan selepas itu
Institusi(Institusi-institusi) Kewangan	:	Sekiranya – <ul style="list-style-type: none"> (i) Institusi-institusi di Malaysia, mana-mana Bank Berlesen, Bank Pelaburan Berlesen atau Bank Islam Berlesen; atau (ii) institusi terletak di luar Malaysia, mana-mana institusi yang dilesenkan, didaftarkan, diluluskan atau dibenarkan untuk menyediakan perkhidmatan kewangan.
Dana	:	ETF sebagaimana ditubuhkan oleh Surat Ikatan sebagaimana diubah atau ditambah dari masa ke masa dan dipanggil “ABF Malaysia Bond Index Fund” atau melalui nama lain sebagaimana Pengurus akan putuskan, dan Pemegang Amanah telah bersetuju untuk bertindak sebagai Pemegang Amanah atas terma-terma yang dikemukakan dalam Surat Ikatan
Kerajaan	:	Kerajaan Malaysia
Kumpulan HSBC	:	HSBC Holdings plc, anak-anak syarikatnya (merupakan entiti undang-undang dari masa ke masa (1) dalam mana HSBC Holdings plc memiliki sekurang-kurangnya 50% atau lebih saham-saham atau (2) ke atas mana HSBC Holdings plc melaksanakan pengaruh penting, tanpa mengambil kira pemegangan sahamnya dalam entiti tersebut), atau anak-anak syarikat kepada anak-anak syarikat tersebut
IOPV	:	Nilai Portfolio Dioptimum Indikatif yang bertindak sebagai lebih kurang menyamai NAV setiap Unit Dana di antara Masa Penilaian yang dinyatakan dalam Seksyen 2.8 Prospektus ini.
Tarikh Terakhir Paling Munasabah / LPD	:	31 Mei 2021, merupakan tarikh terakhir paling munasabah untuk tujuan memastikan maklumat tertentu yang terkandung dalam Prospektus ini
Bank Berlesen	:	Mempunyai maksud yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013
Bank Pelaburan Berlesen	:	Mempunyai maksud yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013
Bank Islam Berlesen	:	Mempunyai maksud yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
Penyenaraian	:	Kemasukan ke Senarai Rasmi dan penyenaraian dan sebut harga bagi Unit-unit pada Pasaran Utama Bursa Securities
Syarat-syarat Penyenaraian	:	Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama yang dikeluarkan oleh Bursa Securities

Yuran Pengurus	: Yuran Pengurus sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 4.3 Prospektus ini
Prospektus	: Merujuk kepada Prospektus ini bagi ABF Malaysia Bond Index Fund
RM dan sen	: Unit-unit monetari dalam mata wang Malaysia yang sah
SC	: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
Pemegang Amanah	: HSBC (Malaysia) Trustee Berhad (No. Pendaftaran: 193701000084 [1281-T])
Yuran Pemegang Amanah	: Yuran Pemegang Amanah sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 4.3 Prospektus ini
Unit(Unit-unit)	: Bermaksud bahagian tidak dipecah bahagi dalam kepentingan benefisial dan/atau hak dalam Dana dan ukuran kepentingan dan/atau hak Pemegang Unit dalam Dana dan bermaksud Unit Dana
Pemegang(Pemegang-pemegang) Unit	: Mana-mana orang yang didaftarkan sebagai memegang Unit selaras dengan peruntukan Surat Ikatan
USD	: Dolar Amerika Syarikat

GLOSARI TERMA-TERMA BERHUBUNG DENGAN DANA

ABF	: Asian Bond Fund
Penanda Aras	: Indeks Markit iBoxx® ABF Malaysia Bond disediakan oleh MIG atau lain-lain indeks penggantian tertentu sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus, selaras dengan Surat Ikatan, tertakluk kepada kelulusan terdahulu SC
Pembentukan Tunai	: Pembentukan Unit-unit di bursa bagi Jumlah Langganan yang diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian
Komponen Terbitan Tunai	: Atas Pembentukan <i>In-Kind</i> Unit-unit, jumlah tunai yang diperlukan untuk dibayar setiap Unit Pembentukan ke atas terbitan Unit-unit tersebut, jumlah yang mana hendaklah bersamaan dengan perbezaan di antara Nilai Langganan Unit-unit Pembentukan pada Masa Penilaian pada Tarikh Dagangan berkenaan dan nilai Sekuriti Indeks, Sekuriti Bukan Indeks dan/atau lain-lain pelaburan yang ditukarkan dalam spesie bagi Unit-unit tersebut dan diletak hak dalam Pemegang Amanah selaras dengan Surat Ikatan, dikira pada Masa Penilaian pada Tarikh Dagangan
Penebusan Tunai	: Penebusan Unit-unit sedia ada yang diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian sebagai pertukaran bagi Jumlah Penebusan
Komponen Penebusan Tunai	: Jumlah tunai yang diperlukan untuk dibayar setiap Unit Penebusan ke atas Unit-unit Penebusan <i>In-Kind</i> , jumlah yang mana hendaklah bersamaan dengan perbezaan di antara nilai Unit-unit Penebusan pada Masa Penilaian pada Tarikh Dagangan berkenaan di mana Unit-unit tertentu ditebus dan nilai Sekuriti Indeks, Sekuriti Bukan Indeks dan/atau lain-lain pelaburan yang dipindahkan dalam spesie kepada Pemegang Unit yang menebus berhubung dengan Unit-unit tersebut selaras dengan Surat Ikatan, dikira pada Masa Penilaian pada Tarikh Dagangan tersebut
Permohonan Pembentukan	: Permohonan dibuat oleh Peniaga-peniaga yang Mengambil Bahagian untuk membentuk Unit(Unit-unit) baru
Sekuriti Pembentukan	: Berhubung dengan mana-mana terbitan Unit-unit, Sekuriti Indeks, Sekuriti Bukan Indeks dan/atau lain-lain pelaburan bersama dengan Komponen

Terbitan Tunai (sekiranya ada), terdiri daripada Pembentukan *In-Kind Basket* atau agregatnya yang akan didepositkan, tertakluk kepada Surat Ikatan, dengan Dana oleh atau bagi akaun Peniaga yang Mengambil Bahagian selaras dengan Permohonan Pembentukan yang dikemukakan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian tersebut selaras dengan Surat Ikatan dan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian

- Unit Pembentukan : Unit-unit yang akan diterbitkan atas Permohonan Pembentukan yang berjaya berhubung dengan:
- (a) satu (1) Pembentukan *In-Kind Basket* genap bagi Pembentukan *In-Kind*; dan
 - (b) Jumlah Langganan bagi Pembentukan Tunai.
- Saiz Unit Pembentukan mungkin berubah dari masa ke masa sebagaimana ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa, dimaklumkan kepada Pemegang Amanah dan Peniaga yang Mengambil Bahagian dan dinyatakan dalam Prospektus ini (mengikut keadaan) dan “Unit-unit Pembentukan” bermaksud gandaannya
- Tarikh Akhir Urus Niaga : Bagi tujuan Permohonan(Permohonan-permohonan) Pembentukan dan/atau Permohonan(Permohonan-permohonan) Penebusan, jam 4.30 petang pada mana-mana Hari Urus Niaga tertentu atau lain-lain masa tertentu sebagaimana Pengurus mungkin dari masa ke masa tentukan dan maklumkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian
- Harta Dideposit : Semua aset (termasuk tunai) yang buat masa ini dipegang atau dianggap sebagai dipegang selaras dengan Surat Ikatan tidak termasuk (i) pendapatan dan (ii) mana-mana jumlah yang pada ketika ini berada pada kredit Akaun Pengagihan
- Akaun Pengagihan : Akaun (yang mungkin merupakan sub-akaun kepada akaun bank) kepada mana dikreditkan Keberhakan Pendapatan
- Aset Dana : Semua aset yang buat masa ini atau dari masa ke masa dipegang atau dianggap sebagai dipegang selaras dengan Surat Ikatan termasuk semua Harta Dideposit dan Pendapatan tetapi tidak termasuk mana-mana jumlah yang pada ketika ini berada pada kredit Akaun Pengagihan
- Pendapatan : Pendapatan Dana yang terdiri daripada semua faedah, dividen dan lain-lain pengagihan/pendapatan yang terakru berhubung dengan Aset Dana termasuk semua atau mana-mana bahagian daripada keuntungan modal yang direalis dan kerugian ke atas jualan atau realisasi atau pelupusan Aset Dana sebagaimana Pengurus mungkin, dengan kebenaran Pemegang Amanah mungkin, tetapi tidak perlu, dari masa ke masa dan pada bila-bila masa tentukan juga akan dimasukkan dalam pengiraan pendapatan Dana
- Keberhakan Pendapatan : Jumlah mana-mana pendapatan atau keuntungan Dana yang dikira berhubung dengan Unit pada Hari Perniagaan dan diperuntukkan kepada Pemegang Unit
- Pemberi Lesen Indeks : Penyedia perkhidmatan indeks, pada masa ini MIG atau lain-lain penyedia perkhidmatan indeks sebagaimana ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa dengan kelulusan Pemegang Amanah
- Sekuriti Indeks : Obligasi hutang didenominasikan dalam RM yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan (atau mana-mana Kerajaan Asia lain), melalui agensi atau instrumentaliti Kerajaan (atau mana-mana Kerajaan Asia lain), oleh kerajaan (atau mana-mana Kerajaan Asia lain) entiti yang ditaja atau entiti separa kerajaan (atau entiti separa kerajaan daripada mana-mana Kerajaan Asia lain) dan obligasi hutang didenominasikan dalam RM yang diterbitkan oleh supranasional dan sekuriti pendapatan tetap lain, dalam setiap kes yang

mana adalah buat masa ini membentuk sekuriti Penanda Aras

- Pembentukan *In-Kind Basket* : Pembentukan Unit-unit baru sebagai tukaran bagi Pembentukan *In-kind Basket* yang diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian
- Pembentukan *In-Kind Basket* : Portfolio Sekuriti Pembentukan dan Komponen Terbitan Tunai (sekiranya ada) ditentukan oleh Pengurus berhubung dengan setiap Hari Urus Niaga, yang mesti diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian selaras dengan Permohonan Pembentukan sebagai tukaran bagi Unit Pembentukan
- Penebusan *In-Kind Basket* : Penebusan Unit-unit sedia ada yang diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian sebagai tukaran bagi Penebusan *In-kind Basket*
- Penebusan *In-Kind Basket* : Portfolio Sekuriti Penebusan dan Komponen Penebusan Tunai (sekiranya ada) ditentukan oleh Pengurus berhubung dengan setiap Hari Urus Niaga, yang akan diterima oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian selaras dengan Permohonan Penebusan sebagai tukaran bagi Unit Penebusan
- Harga Terbitan : Harga setiap Unit pada mana Unit-unit adalah dari masa ke masa diterbitkan atau akan diterbitkan, dalam agregat Unit Pembentukan, dan hendaklah merupakan harga setiap Unit dipastikan selaras dengan peruntukan Surat Ikatan
- Perjanjian Lesen : Perjanjian bertarikh 8 Julai 2005 yang ditandatangani di antara MIG dan Pengurus
- MIG : Markit Indices GmbH
- Sekuriti Bukan Indeks : Sekuriti didenominasikan dalam RM yang bukan merupakan Sekuriti Indeks tetapi diterbitkan oleh penerbit mana-mana Sekuriti Indeks dan adalah pada pendapat Pengurus, hampir sama dengan Sekuriti Indeks sebanding dan yang berkemungkinan bertindak dalam cara yang konsisten dengan objektif pelaburan Dana
- Peniaga yang Mengambil Bahagian : Organisasi Bursa Securities atau Institusi Kewangan yang mengambil bahagian, yang dilantik oleh Pengurus sebagai Peniaga yang Mengambil Bahagian selaras dengan terma-terma Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian
- Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian : Perjanjian yang ditandatangani di antara Peniaga yang Mengambil Bahagian, Pengurus dan Pemegang Amanah menyatakan, antara lain, pengaturan berhubung dengan pembentukan dan penerbitan Unit(Unit-unit) dan penebusan dan pembatalan Unit(Unit-unit)
- Jumlah Penebusan : Jumlah tunai untuk diserahkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian berhubung dengan Penebusan Tunai bersamaan dengan Harga Penebusan didarab dengan bilangan Unit untuk ditebus
- Permohonan Penebusan : Permohonan dibuat oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk menebus Unit(Unit-unit) sedia ada
- Harga Penebusan : Harga setiap Unit di mana Unit-unit adalah dari masa ke masa ditebus, dalam agregat Unit Penebusan, dan yang hendaklah dipastikan selaras dengan peruntukan Surat Ikatan
- Sekuriti Penebusan : Berhubung dengan mana-mana penebusan Unit-unit, Sekuriti Indeks, Sekuriti Bukan Indeks dan/atau lain-lain pelaburan bersama dengan Komponen Penebusan Tunai (sekiranya ada), terdiri daripada Penebusan *In-Kind Basket* atau agregatnya untuk diagihkan, tertakluk kepada Surat Ikatan, daripada Dana kepada atau bagi akaun Peniaga yang Mengambil Bahagian selaras dengan Permohonan Penebusan yang dikemukakan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian selaras dengan Surat Ikatan dan

Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian

- Unit Penebusan : Unit-unit yang akan diserahkan kepada Pemegang Amanah apabila Permohonan Penebusan berjaya ditukar bagi:
- (i) satu (1) Penebusan *In-Kind Basket* genap bagi Penebusan *In-Kind*; dan
 - (ii) Jumlah Penebusan bagi Penebusan Tunai.
- Saiz Unit Penebusan mungkin berubah dari masa ke masa sebagaimana ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa, dimaklumkan kepada Pemegang Amanah dan Peniaga yang Mengambil Bahagian dan dinyatakan dalam Prospektus ini (mengikut keadaan) dan “Unit-unit Penebusan” bermaksud gandaannya
- Agensi Penarafan Berkeajaan : Sama ada -
- (a) RAM Holdings Berhad (No. Pendaftaran: 199001016426 [208095-U]);
 - (b) Malaysian Rating Corporation Berhad (No. Pendaftaran: 199501035601 [364803V]); atau
 - (c) Lain-lain agensi penarafan bersamaan tertentu sebagaimana ditentukan oleh Pengurus dengan kelulusan Pemegang Amanah dari masa ke masa
- Repo Berbalik : Urus niaga perjanjian pembelian balik berbalik selaras dengan undang-undang terpakai selaras dengan yang mana Dana boleh menjual Aset Dana kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian dengan penarafan jangka panjang minimum di atas gred pelaburan oleh Agensi Penarafan Berkeajaan, dengan Peniaga yang Mengambil Bahagian menjadi bertanggungjawab untuk menjual semula kepada Dana, pelaburan yang bersamaan dengan Aset Dana yang dijual itu
- Jumlah Langgan : Balasan dalam tunai, untuk diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian berhubung dengan Pembentukan Tunai
- Resolusi Khas : Satu resolusi yang diluluskan oleh majoriti tidak kurang 75% daripada jumlah hak mengundi Pemegang-pemegang Unit yang berhak untuk mengundi ke atas resolusi mesyuarat Pemegang-pemegang Unit, dengan syarat bahawa bagi tujuan penamatan Dana, resolusi khas diluluskan oleh majoriti dalam bilangan yang mewakili sekurang-kurangnya 75% daripada hak mengundi Pemegang-pemegang Unit yang mengundi pada mesyuarat Pemegang-pemegang Unit, kesemuanya dipegang selaras dengan peruntukan Surat Ikatan
- Jawatankuasa Penyeliaan : Jawatankuasa penyelia dibentuk selaras dengan, dan mempunyai kuasa yang dinyatakan, dalam Surat Ikatan
- Nilai Langgan : Nilai setiap Unit Pembentukan pada Masa Penilaian berkeajaan
- Tarikh Dagangan : Hari Urus Niaga bila mana Pengurus menerima/dianggap telah menerima Permohonan Pembentukan yang sah atau Permohonan Penebusan yang sah selaras dengan peruntukan Surat Ikatan dan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dengan syarat bahawa sekiranya Permohonan Pembentukan yang sah atau Permohonan Penebusan yang sah diterima selepas Tarikh Akhir Urus Niaga Pembentukan atau Tarikh Akhir Urus Niaga Penebusan, Hari Urus Niaga berikutnya akan menjadi Tarikh Dagangan
- Masa Penilaian : Masa atau masa-masa tertentu pada setiap Hari Urus Niaga sebagaimana ditentukan oleh pengurus dari masa ke masa

TERMA-TERMA KEWANGAN

korelasi : Ukuran tahap sehingga mana jumlah pulangan diukur secara berkala sesuatu pelaburan menyamai pulangan satu lagi pelaburan. Indeks adalah pengiraan kewangan teoretikal manakala Dana adalah portfolio pelaburan sebenar. Prestasi Dana dan Penanda Aras akan berubah sedikit sebanyak disebabkan yuran dan perbelanjaan, kos urus niaga, variasi dalam sekuriti pembentukannya, kesan pasaran dan varians pemaasaan

korelasi tidak sempurna : Apabila tahap diukur jumlah pulangan sesuatu pelaburan tidak menyerupai sepenuhnya satu lagi pelaburan yang pelaburan sebelumnya dijangka dapat cerminkan

Liabiliti : Liabiliti, kos dan perbelanjaan Dana yang belum dijelaskan termasuk (tanpa had): -

- (a) yuran dan perbelanjaan pentadbiran belum dibayar termasuk Yuran Pengurus dan Yuran Pemegang Amanah;
- (b) semua yuran dan perbelanjaan yang dinyatakan dalam Surat Ikatan dan semua duti, cukai, caj kerajaan, yuran pembrokeran, pemindahan, atau lain-lain caj atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berkaitan dengan atau berhubung dengan mana-mana urus niaga, urusan atau instrumen atau akibat daripada urus niaga, urusan atau instrumen tersebut;
- (c) caj yang terakru berhubung dengan atau yang terhutang berkaitan dengan mana-mana Sekuriti Indeks, Sekuriti Bukan Indeks dan/atau lain-lain pelaburan;
- (d) jumlah yang diperlukan untuk memenuhi semua liabiliti semasa dan peruntukan yang sesuai bagi mana-mana liabiliti kontigen;
- (e) apa-apa peruntukan bagi cukai yang pada pendapat Pengurus hendaklah diambil kira dan jumlah tertentu (sekiranya ada) sebagaimana yang dianggarkan Pengurus akan termasuk untuk dibayar atau dituntut semula berhubung dengan cukai yang berkaitan dengan pendapatan dan urus niaga sebelum tarikh berkenaan;
- (f) jumlah yang belum dijelaskan berhubung dengan apa-apa pinjaman yang dibenarkan oleh undang-undang terpakai dan jumlah mana-mana faedah dan perbelanjaan yang belum dibayar berhubung dengannya;
- (g) apa-apa kos atau perbelanjaan lain yang perlu dibayar tetapi tidak dibayar yang secara nyata dibenarkan oleh mana-mana peruntukan Surat Ikatan sebagai perlu dibayar daripada Aset-aset Dana;
- (h) apa-apa jumlah lain yang diperlukan untuk memenuhi liabiliti atau lain-lain perbelanjaan yang pada pendapat Pengurus dengan kelulusan Pemegang Amanah, harus diambil kira dan yang tidak sebaliknya diambil kira dalam menentukan jumlah liabiliti dalam mana-mana perenggan definisi ini; dan

Liabiliti akan (di mana berkenaan) dianggap sebagai terakru dari hari ke hari

NAV : Nilai kesemua Aset Dana tolak nilai kesemua Liabiliti, pada Masa Penilaian

NAV setiap Unit : NAV dibahagi dengan bilangan Unit dalam terbitan, pada Masa Penilaian

PANDUAN KORPORAT

PENGURUS

AmFunds Management Berhad (No. Pendaftaran: 198601005272 [154432-A])

Pejabat Berdaftar:

Tingkat 22, Bangunan AmBank Group
No. 55, Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur
No. Tel.: 03 – 2036 2633

Ibu Pejabat:

Tingkat 9 & 10, Bangunan AmBank Group
No. 55, Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur
No. Tel.: 03 – 2032 2888
No. Faks.: 03 – 2031 5210
E-mel: enquiries@aminvest.com
Laman web: www.aminvest.com

PEMEGANG AMANAH

HSBC (Malaysia) Trustee Berhad (No. Pendaftaran: 193701000084 [1281-T])

Pejabat Berdaftar & Perniagaan:

Tingkat 13, Bangunan HSBC, South Tower
No. 2 Leboh Ampang
50100 Kuala Lumpur
No. Tel.: 03 – 2075 7800
No. Faks.: 03 – 8894 2611

WAKIL PEMEGANG AMANAH

Aset tempatan dan asing:

The Hongkong And Shanghai Banking Corporation Limited (sebagai Kustodian)
6/F, Tower 1, HSBC Centre
1 Sham Mong Road, Hong Kong
No. Tel.: (852) 2288 1111

Aset tempatan (bagi pelaburan tempatan yang disebut harga dan tidak disebut harga Dana):

The Hongkong And Shanghai Banking Corporation Limited (sebagai Kustodian) dan aset-aset dipegang melalui HSBC Bank Malaysia Berhad (No. Pendaftaran: 198401015221 [127776-V])
No. 2, Leboh Ampang, 50100 Kuala Lumpur
Tel: (03) 2075 3000
Faks: (03) 8894 2588
Laman web: www.hsbc.com.my

The Hongkong And Shanghai Banking Corporation Limited (sebagai Kustodian) dan aset-aset dipegang melalui HSBC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (No. Pendaftaran: 199301004117 [258854-D])
No. 2, Leboh Ampang
50100 Kuala Lumpur
Tel: (03) 2075 3000
Faks: (03) 8894 2588

JURUAUDIT DANA DAN PENGURUS

Ernst & Young PLT (202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039)
Aras 23A, Menara Milenium
Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara
50490 Kuala Lumpur

PENASIHAT CUKAI

Deloitte Tax Services Sdn Bhd (No. Pendaftaran: 197701005407 [36421-T])

Aras 16, Menara LGB
1 Jalan Wan Kadir
Taman Tun Dr Ismail
60000 Kuala Lumpur

PENIAGA YANG MENGAMBIL BAHAGIAN

AmBank (M) Berhad (No. Pendaftaran: 196901000166 [8515-D])

Tingkat 22, Bangunan AmBank Group
No. 55, Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur

Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran: 196001000142 [3813-K])

Tingkat 4, Menara Maybank
100, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur

CIMB Bank Berhad (No. Pendaftaran: 197201001799 [13941-P])

Tingkat 13, Menara CIMB
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur

PEMBUAT PASARAN

Maklumat berhubung dengan pembuat pasaran boleh diperolehi daripada laman web Dana di www.abfmy1.com.my.

PENDAFTAR

AmFunds Management Berhad (No. Pendaftaran: 198601005272 [154432-A])

Tingkat 9, Bangunan AmBank Group
No. 55, Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur

PEMBERI LESEN INDEKS

Markit Indices GmbH
4th Floor, 25 Ropemaker Street
London EC2Y 9LY
England

PEGUAM CARA

Tetuan Wei Chien & Partners
D-20-02, Menara Suezcap 1, No. 2, Jalan Kerinchi
Gerbang Kerinchi Lestari
59200 Kuala Lumpur

DISENARAIKAN PADA

Pasaran Utama Bursa Securities

JAWATANKUASA PENYELIA

Bermaksud jawatankuasa penyelia dibentuk selaras dengan, dan mempunyai kuasa yang dinyatakan, dalam Surat Ikatan

1. RINGKASAN EKSEKUTIF

Maklumat yang dikemukakan dalam seksyen ini hanyalah ringkasan maklumat penting mengenai Dana sebagaimana diperoleh daripada teks penuh Prospektus ini. Pelabur-pelabur hendaklah membaca dan memahami keseluruhan Prospektus sebelum memutuskan sama ada untuk melabur. Walau bagaimanapun, perlu diingat, bahawa tidak ada dana harus dianggap sebagai program pelaburan lengkap.

1.1 Butir-butir Ringkas Dana

Perkara	Keterangan Ringkas	Rujukan dalam Prospektus
Nama Dana	: ABF Malaysia Bond Index Fund	2
Kategori Dana	: ETF Pendapatan Tetap	-
Jenis Dana	: Pendapatan	-
Mata Wang Asas	: RM	-
Akhir Tahun Kewangan Dana	31 Disember	-
Penanda Aras	: Markit iBoxx® ABF Malaysia Bond Index	2.4
Objektif Pelaburan	Objektif pelaburan Dana adalah untuk mencapai jumlah pulangan bagi Aset-aset Dana yang menjejaki dengan rapat jumlah pulangan Penanda Aras. <i>Sebarang perubahan material kepada objektif pelaburan Dana akan memerlukan kelulusan Pemegang-pemegang Unit melalui resolusi tidak kurang dua pertiga daripada semua Pemegang Unit pada mesyuarat Pemegang-pemegang Unit yang dipanggil dan diadakan sewajarnya selaras dengan Surat Ikatan.</i>	2.2
Strategi Pelaburan	: Strategi pasif di mana Pengurus berhasrat, melalui cara pensampelan representatif, untuk mencapai pulangan ke atas Aset-aset Dana yang menjejaki dengan rapat pulangan Penanda Aras.	2.2
Skop Pelaburan	: Pengurus dibenarkan untuk melabur dalam jenis aset-aset atau instrumen berikut tertakluk kepada sekatan pelaburan terutamanya yang dikemukakan dengan lebih lanjut dalam Surat Ikatan: - (i) Sekuriti Indeks; (ii) Sekuriti Bukan Indeks; (iii) tunai, akaun deposit (pusingan), deposit tetap dengan bank-bank dan setara tunai yang didenominasikan dalam Ringgit Malaysia ("RM"); (iv) derivatif dibenarkan di bawah Garis Panduan ETF dan SC yang termasuk opsyen dan niagaan hadapan ke atas kadar faedah Malaysia, sekuriti yang mendasari dan/atau pada Penanda Aras tidak termasuk pembuatan opsyen yang tidak diliputi yang didenominasikan dalam RM. Dana berhasrat untuk melabur dalam swap dan	2.3

Perkara	Keterangan Ringkas	Rujukan dalam Prospektus
	<p>perniagaan hadapan pada kadar faedah Malaysia, sekuriti yang mendasari dan/atau ke atas Penanda Aras tertakluk kepada kelulusan SC dan atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana mungkin dikenakan; dan</p> <p>(v) lain-lain pelaburan ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa dan pada bila-bila masa dengan kelulusan Jawatankuasa Penyeliaan dengan syarat bahawa pelaburan tersebut adalah dibenarkan oleh pihak berkuasa berperaturan berkenaan dan adalah konsisten dengan objektif pelaburan Dana.</p>	
<p>Sekatan Pelaburan</p>	<p>: Berikut adalah beberapa sekatan pelaburan (yang bukan menyeluruh):-</p> <ul style="list-style-type: none"> ◆ Dana hendaklah mengekalkan pelaburan yang mencukupi dalam tunai dan setara tunai bagi tujuan operasi Dana biasa; ◆ Pelaburan dalam tunai dan setara tunai adalah biasanya terbatas kepada maksimum sebanyak 10% daripada NAV Dana; ◆ Dana boleh melabur dalam derivatif sehingga tahap dibenarkan oleh Garis Panduan ETF, SC dan undang-undang terpakai lain. Pendedahan derivatif tidak boleh lebih daripada 20% daripada NAV Dana; ◆ Pelaburan derivatif hanya boleh dilaksanakan untuk membolehkan Dana mengurus tempoh dan memperbaiki penjejakan; ◆ Pelaburan Dana dalam tunai dan setara tunai adalah terbatas kepada pemegangan maksimum lima peratus (5%) NAV Dana dalam satu institusi sahaja; ◆ Pelaburan dalam Sekuriti Bukan Indeks tidak boleh lebih daripada 30% NAV Dana; ◆ Dalam usaha memastikan prestasi Dana untuk menjejaki prestasi Penanda Aras sejajar dengan sasaran kesilapan penjejakan, bilangan sekuriti yang dipegang oleh Dana mungkin bersamaan dengan atau kurang daripada bilangan sekuriti konstituen Penanda Aras. Dengan itu, pewajaran sekuriti-sekuriti tersebut dalam Dana mungkin bersamaan dengan atau lebih tinggi daripada pewajaran sekuriti-sekuriti yang sama dalam Penanda Aras. Di bawah keadaan biasa, semakin kecil sasaran kesilapan penjejakan, semakin kurang lencongan daripada bilangan dan pewajaran sekuriti konstituen dalam Penanda Aras. 	<p>2.3</p>
<p>Profil Pelabur</p>	<p>: Dana direka bentuk untuk pelabur-pelabur yang mencari pendekatan “berdasarkan indeks” untuk melabur dalam portfolio Kerajaan didenominasikan RM dan sekuriti hutang separa Kerajaan. Unit-unit juga boleh digunakan sebagai komponen peruntukan aset atau sebagai instrumen perdagangan. Manakala Dana terutamanya yang dilaburkan dalam portfolio bon-bon yang diterbitkan oleh Kerajaan dan Sekuriti Indeks lain, Dana sendiri tidak dijamin oleh Kerajaan atau mana-mana agensi Kerajaan. Tidak seperti kebanyakan dana-dana amanah saham konvensional dan dana-dana amanah mutual, yang hanya dibeli dan dijual pada penutupan</p>	<p>-</p>

Perkara	Keterangan Ringkas	Rujukan dalam Prospektus
	<p>NAV, Unit-unit telah direka bentuk untuk diniagakan dalam pasaran sekunder pada Bursa Securities atas dasar dalam hari, dan akan dibentuk dan ditebus terutamanya bukan dalam bentuk tunai dalam Unit pembentukan dan Unit Penebusan atau gandaannya dikira pada NAV berhubung dengan setiap Hari Urus Niaga. Pengaturan Pembentukan dan Penebusan <i>In-Kind</i> ini adalah direka bentuk untuk melindungi pelabur-pelabur secara berterusan daripada kesan kurang baik ke atas portfolio Dana yang mungkin timbul daripada urus niaga Pembentukan dan Penebusan Tunai yang kerap.</p>	
Saiz Dana Dibenarkan	: Pada Tarikh Terakhir Paling Munasabah, 3,375,000,000 Unit (Saiz Dana awal dibenarkan adalah 1,000,000,000 Unit)	2.1
Unit-unit dalam Edaran	: Pada Tarikh Terakhir Paling Munasabah, 1,347,921,800.00 Unit	-
Pembentukan/ Penebusan Unit-unit	<p>Pembentukan Unit-unit</p> <p>Peniaga yang Mengambil Bahagian (sama ada untuk akaun mereka sendiri atau untuk akaun klien-klien mereka) boleh memohon Unit-unit dalam cara yang berikut: -</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pembentukan <i>In-Kind</i> Unit-unit baru iaitu melalui penyerahan Pembentukan <i>In-Kind Basket</i>; atau - Pembentukan Tunai Unit-unit baru melalui penyerahan Jumlah Langgan 	5.1
	<p>Penebusan Unit-unit</p> <p>Peniaga yang Mengambil Bahagian (sama ada untuk akaun mereka sendiri atau untuk akaun klien-klien mereka) boleh menebus Unit-unit dalam cara yang berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penebusan <i>In-Kind</i> Unit-unit iaitu melalui penyerahan Penebusan <i>In-Kind Basket</i>; atau - Penebusan Tuai melalui penyerahan Unit-unit sedia ada dalam pertukaran bagi Jumlah Penebusan. 	5.1
Saiz Blok Unit Pembentukan / Saiz Blok Unit Penebusan	: Pada masa ini, 27,500,000 Unit. Kuantiti Unit-unit ini boleh diubah dari masa ke masa sebagaimana ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa, dimaklumkan kepada Pemegang Amanah dan Peniaga yang Mengambil Bahagian.	-
Ringkasan Faktor-Faktor Risiko	<p>Berikut adalah senarai faktor-faktor risiko (yang mungkin tidak menyeluruh) yang perlu dipertimbangkan dengan berhati-hati sebelum melabur dalam Dana:-</p> <p>Faktor-faktor Risiko Khusus kepada Dana</p> <ul style="list-style-type: none"> ◆ Pasaran ◆ Kadar faedah ◆ Pendapatan ◆ Kredit dan penyelesaian ◆ Kecairan ◆ Penggunaan kontrak niaga hadapan dan opsi yang 	3.1

Perkara	Keterangan Ringkas	Rujukan dalam Prospektus
	<ul style="list-style-type: none"> melibatkan risiko-risiko tertentu ◆ Penggunaan perjanjian pembelian balik yang melibatkan risiko-risiko tertentu ◆ Kelas aset ◆ Modal Tidak Dijamin ◆ Unit-unit mungkin dinyahsenaraikan daripada Bursa Securities ◆ Unit-unit boleh didagang pada harga selain daripada NAV ◆ Unit-unit yang didagang pada Bursa Securities mungkin digantung ◆ Kebergantungan pada Peniaga yang Mengambil Bahagian/pembuat pasaran ◆ Risiko pihak satu lagi dan penyelesaian ◆ Risiko dikaitkan dengan pemberian pinjaman sekuriti ◆ Pelaburan EMEAP dalam Dana ◆ Risiko penarikan balik kelulusan oleh SC 	3.2
	<p>Faktor-faktor Risiko Khusus kepada Melabur dalam Pelaburan Pasif</p> <ul style="list-style-type: none"> ◆ Kesilapan penjejakan ◆ Kekurangan budi bicara Pengurus untuk menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran ◆ Penumpuan Penanda Aras dalam penerbit tertentu 	3.3
	<p>Faktor-faktor Risiko Berkaitan dengan Penanda Aras</p> <ul style="list-style-type: none"> ◆ Penamatan lesen untuk mengguna Penanda Aras ◆ Penyusunan Penanda Aras ◆ Perubahan Penyusunan Penanda Aras ◆ Kesilapan atau ketidaktepatan dalam Penanda Aras 	3.4
	<p>Faktor-faktor Risiko Lain</p> <ul style="list-style-type: none"> ◆ Politik, Ekonomi dan Sosial ◆ Mata wang 	
Perdagangan Unit-unit	: Pemegang-pemegang Unit boleh berdagang (membeli atau menjual) Unit-unit pada Pasaran Utama Bursa Securities	5.3
Saiz Lot Niaga Perdagangan	: 100 Unit	5.3
Polisi Pengagihan Pendapatan	: Kekerapan Dua kali setahun, sekiranya ada	2.5

Perkara	Keterangan Ringkas	Rujukan dalam Prospektus
	<p>Cara pengagihan pendapatan</p> <p>(i) Melalui cek;</p> <p>(ii) Pemindahan telegrafik ke akaun bank anda yang dinamakan); atau</p> <p>(iii) Kaedah lain yang boleh diterima oleh Pengurus atau Pemegang Amanah (mengikut keadaan) seperti Pemegang Unit dari masa ke masa tertentu.</p> <p>Melainkan permintaan bertulis yang bertentangan diterima daripada Pemegang-pemegang Unit sebelumnya, Pengurus boleh melaburkan semula pengagihan pendapatan di Unit-unit selanjutnya selaras dengan peruntukan Surat Ikatan.</p>	
Pengurus	AmFunds Management Berhad	6
Peniaga yang Mengambil Bahagian	: AmBank (M) Berhad, Malayan Banking Berhad dan CIMB Bank Berhad dan orang-orang lain yang akan dilantik oleh Pengurus dari masa ke masa	-
Pemegang Amanah	: HSBC (Malaysia) Trustee Berhad	7

Sila rujuk kepada seksyen berkenaan dalam Prospektus ini sebagaimana dikemukakan di atas bagi maklumat khusus tambahan kepada perkara-perkara masing-masing bagi Dana.

Memandangkan yang di atas semata-mata mewakili ringkasan butir-butir Dana, sila baca dan fahami Prospektus ini sebelum melabur dalam Unit-unit.

Terdapat yuran yang terlibat dan pelabur-pelabur adalah dinasihatkan untuk menimbangkannya sebelum melabur dalam Dana. Harga unit dan pengagihan perlu dibayar, sekiranya ada, mungkin turun naik. Bagi maklumat berhubung dengan faktor-faktor risiko yang harus dipertimbangkan oleh bakal-bakal pelabur, lihat "Faktor-faktor Risiko" bermula pada muka surat 17.

1.2 Yuran, Caj dan Perbelanjaan

(a) Yuran dan caj yang perlu dibayar oleh pelabur biasa

Jadual ini menerangkan caj-caj yang pelabur biasa mungkin tanggung (berdasarkan caj-caj yang dikenakan oleh Bursa Securities pada Tarikh Terakhir Paling Munasabah caj-caj yang mana mungkin diubah dari masa ke masa) apabila anda membeli atau menjual Unit-unit dalam Dana pada Bursa Securities.

Caj daripada dagangan Unit-unit pada Bursa Securities	% / RM
Yuran Pembrokeran	: Maksimum 0.30% nilai kontrak (tertakluk kepada minimum sebanyak RM12) atau sebagaimana ditetapkan oleh Bursa Securities.
Yuran Penjelasan Bursa Securities	: Urus niaga di pasaran: 0.03% (tertakluk kepada maksimum sebanyak RM1000 setiap kontrak). Urus niaga perniagaan secara langsung: 0.03% (tertakluk kepada minimum sebanyak RM10 dan maksimum sebanyak RM1000 setiap kontrak).

Caj daripada dagangan Unit-unit pada Bursa Securities	% / RM
Duti Setem	: 0.10% nilai kontrak (dibundarkan kepada RM terdekat), tertakluk kepada maksimum sebanyak RM200

Maklumat lanjut mengenai caj-caj yang pelabur akan tanggung daripada perdagangan Unit-unit pada Bursa Securities boleh didapati di www.bursamalaysia.com.

(b) Yuran dan caj yang perlu dibayar oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian

Hanya Peniaga yang Mengambil Bahagian dibenarkan untuk meminta Pengurus membentuk dan/atau menebus Unit-unit dalam Dana. Ini akan dilakukan selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dikemukakan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian. Peniaga yang Mengambil Bahagian akan menanggung yuran tambahan sekiranya mereka meminta bagi pembentukan dan/atau penebusan Unit-unit dengan Pengurus.

Yuran yang dikenakan oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah bagi pembentukan dan penebusan Unit-unit yang dikemukakan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dan termasuk mana-mana perbelanjaan hangus yang ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah timbul daripada permintaan bagi pembentukan dan/atau penebusan Unit-unit oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Jadual di bawah menerangkan yuran-yuran tersebut: -

Jenis yuran/caj	Keterangan
Yuran Pemprosesan	: RM200 perlu dibayar kepada Pengurus atau jumlah tertentu sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus.
Yuran Pentadbiran	: RM50 perlu dibayar kepada Pemegang Amanah atau jumlah tertentu sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pemegang Amanah.
Yuran Pembatalan Permohonan	RM200 perlu dibayar kepada Pengurus atau jumlah tertentu sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus, selepas berunding dengan Peniaga yang Mengambil Bahagian.
Duti dan Caj	Jumlah sebagaimana mungkin ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah dari masa ke masa berhubung dengan Permohonan Pembentukan dan/atau Penebusan termasuk mana-mana yuran yang dicajkan oleh Bursa Depository ke atas setiap akaun yang diperuntukkan dengan Unit-unit baru dan setiap akaun didebitkan dengan Unit-unit yang ditebus yang pada masa ini, dan tertakluk kepada perubahan dari masa ke masa oleh Bursa Depository, RM2.20 setiap akaun yang diperuntukkan atau didebitkan tertakluk kepada minimum sebanyak RM50. Caj pencairan sehingga 80 mata asas (0.80%) atas nilai nominal Dana yang juga boleh dilevikan. [#]

Untuk menghalang apa-apa "pencairan" harta Dana, Pengurus juga mempunyai budi bicara untuk mengenakan yuran tambahan berhubung dengan duti dan caj Dana yang berkaitan dengan perbezaan antara harga membeli dan menjual sekuriti, nilai pasaran sekuriti-sekuriti ini dan kos pencairan lain yang ditanggung oleh Dana ("caj pencairan"), khususnya bagi pesanan yang besar. Yuran tambahan ini adalah sebagaimana diterangkan lebih terperinci dalam Seksyen 4 – Yuran, Caj dan Perbelanjaan Prospektus ini. Sehingga tahap peruntukan tersebut bagi caj biasa dan caj pencairan adalah lebih besar daripada duti dan caj sebenar dan pencairan yang ditanggung maka lebihan tersebut hendaklah untuk akaun Dana. Sehingga tahap peruntukan tersebut bagi caj biasa dan caj pencairan kurang daripada duti

dan caj sebenar dan pencairan yang ditanggung maka Dana akan menanggung apa-apa kekurangan tersebut.

Adalah tidak dijangkakan bahawa akan terdapat apa-apa yuran dan caj lain yang akan dikenakan oleh Pengurus dalam perjalanan biasa berhubung dengan Pembentukan dan Penebusan In-Kind Unit-unit. Namun demikian, Pengurus mempunyai budi bicara untuk mengenakan jumlah sebagaimana ia anggap mewakili peruntukan yang sesuai bagi yuran dan caj setakat mana Komponen Terbitan Tunai atau mana-mana gantian Komponen Penebusan Tunai yang perlu dibayar semasa pembentukan atau penebusan Unit-unit dan semasa Pembentukan atau Penebusan Tunai Unit-unit.

(c) Yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Dana

Jadual ini menerangkan mengenai yuran dan perbelanjaan yang Dana tanggung: -

Caj	% / RM
Yuran Pengurus Tahunan	0.10% ⁽¹⁾
Yuran Pemegang Amanah Tahunan ⁽²⁾	0.04% ⁽¹⁾
Yuran Lesen ⁽³⁾	
◆ Bagi jumlah sehingga jumlah pembiayaan awal	0.0175% setahun x jumlah pembiayaan awal
◆ Bagi jumlah melebihi jumlah pembiayaan awal, tetapi kurang daripada 275% jumlah pembiayaan awal	0.01% setahun ⁽¹⁾
◆ Bagi jumlah melebihi 275% daripada jumlah pembiayaan awal tertakluk kepada yuran minimum sebanyak USD21,234 (Lebih kurang RM73,979 pada Tarikh Terakhir Paling Munasabah)	Tiada caj
Jumlah pembiayaan awal adalah USD115,400,000 (Lebih kurang RM438,520,000 pada pelancaran dana)	
Lain-lain perbelanjaan dana ⁽⁴⁾	0.04% ⁽¹⁾ (anggaran)

Nota-nota: -

⁽¹⁾ Terpakai pada NAV Dana.

⁽²⁾ Yuran Pemegang Amanah tahunan termasuk yuran kustodian tempatan dan tidak termasuk yuran kustodian asing (sekiranya ada).

⁽³⁾ Yuran lesen perlu dibayar kepada MIG, penyedia Penanda Aras.

⁽⁴⁾ Akan terdapat lain-lain yuran atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Dana seperti yuran audit, yuran ejen cukai, pencetakan dan alat tulis, caj bank, yuran jawatankuasa pelaburan bagi ahli-ahli bebas, yuran penyerahan simpan bagi laporan tahunan, perbelanjaan hangus Jawatankuasa Penyelia dan lain-lain perbelanjaan yang dibenarkan oleh Surat Ikatan.

1.3 Maklumat Lain

Surat ikatan bertarikh 12 Julai 2005 sebagaimana dipinda melalui surat ikatan tambahan bertarikh 30 Jun 2006, surat ikatan tambahan bertarikh 20 Jun 2007, surat ikatan tambahan kedua bertarikh 24 Februari 2015 dan surat ikatan tambahan ketiga bertarikh 16 November 2020 dan telah ditandatangani di antara Pengurus, Pemegang Amanah dan Pemegang-pemegang Unit.

Bagi pertanyaan mengenai Dana ini, sila hubungi 2032 2888 antara jam 8.45 pagi hingga 5.45 petang. (Isnin-Khamis) dan jam 8.45 pagi hingga 5.00 petang. (Jumaat).

Sila rujuk kepada Seksyen 4 Prospektus ini bagi butir-butir lanjut mengenai yuran, caj dan perbelanjaan yang berkaitan dengan pelaburan dalam Dana. Anda hendaklah membaca dan memahami kandungan Prospektus ini dan, sekiranya perlu, meminta nasihat penasihat anda.

Terdapat yuran yang terlibat dan pelabur-pelabur adalah dinasihatkan untuk menimbangkannya sebelum melabur dalam Dana. Harga unit dan pengagihan perlu dibayar, sekiranya ada, mungkin turun naik. Bagi maklumat berhubung dengan faktor-faktor risiko yang harus dipertimbangkan oleh bakal-bakal pelabur, lihat "Faktor-faktor Risiko" bermula pada muka surat 17.

2. ABF MALAYSIA BOND INDEX FUND

2.1 Penyenaiaan Dana pada Bursa Securities

Dana disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Securities dan sehingga 1,000,000,000 Unit Dana boleh disebut harga dan disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Securities. Sehubungan dengan ini, kelulusan pada dasar bagi penyenaiaan dan sebut harga sehingga 1,000,000,000 Unit Dana pada Pasaran Utama Bursa Securities telah diperolehi daripada Bursa Securities pada 24 Jun 2005. Pada Tarikh Terakhir Paling Munasabah, saiz Dana yang dibenarkan adalah 3,375,000,000 Unit dan 1,347,921,800.00 Unit telah diterbitkan dan disenaraikan pada Pasaran Utama Bursa Securities.

Selaras dengan Seksyen 14(1) Akta Depositori Pusat, Bursa Malaysia telah menetapkan Unit-unit sebagai sekuriti yang ditetapkan. Selaras dengan itu, Unit-unit yang ditawarkan melalui Prospektus ini akan didepositkan terus dengan Bursa Depository dan sebarang urusan niaga dalam Unit-unit ini akan dijalankan selaras dengan Akta yang dinyatakan di atas dan Peraturan-peraturan Bursa Depository.

2.2 Objektif dan Strategi Pelaburan

Objektif pelaburan Dana adalah untuk mencapai jumlah pulangan bagi Aset Dana yang menjejaki dengan rapat jumlah pulangan Penanda Aras.

Sebarang perubahan material kepada objektif pelaburan Dana akan memerlukan kelulusan Pemegang-pemegang Unit melalui resolusi tidak kurang daripada dua pertiga daripada semua Pemegang Unit pada mesyuarat Pemegang-pemegang Unit yang telah dipanggil dan diadakan selaras dengan Surat Ikatan.

Pengurus akan berusaha untuk mencapai objektif pelaburan Dana dengan melaburkan Aset Dana terutamanya dalam Sekuriti Indeks tetapi juga dalam Sekuriti Bukan Indeks dengan menerima pakai strategi persampelan perwakilan atau strategi serupa. Persampelan perwakilan adalah strategi melabur dalam sampel sekuriti perwakilan dalam Penanda Aras yang mempunyai profil pelaburan yang serupa dengan Penanda Aras. Sekuriti yang dipilih mempunyai ciri-ciri agregat (seperti kadar hasil dan tempoh) yang serupa dengan Penanda Aras. Dana pada amnya tidak akan memegang semua sekuriti yang dimasukkan dalam Penanda Aras.

Oleh itu, **tidak ada jaminan guaranti atau jaminan pereplikaan yang tepat atau serupa pada bila-bila masa prestasi Penanda Aras. Komposisi Penanda Aras boleh berubah dan sekuriti mungkin dinyahsenarai.** Sering kali, pulangan Dana mungkin mempunyai peratusan kecil kesilapan penjejakan berbanding dengan pulangan Penanda Aras.

Memandangkan kecairan pasaran pendapatan tetap Malaysia, Pengurus akan dibenarkan untuk melabur dalam Sekuriti Bukan Indeks tertentu untuk mengurangkan kesilapan penjejakan Dana berhubung dengan prestasi Penanda Aras. Jumlah pendedahan kepada Sekuriti Bukan Indeks adalah terbatas kepada 30% daripada NAV Dana. Walaupun begitu, Pengurus berhasrat untuk melabur dalam Sekuriti Indeks sehingga tahap munasabah dan konsisten dengan mencapai objektif pelaburan Dana.

Pengurus akan mengimbangi semula Aset Dana dari masa ke masa untuk menunjukkan apa-apa perubahan pada komposisi, atau pewajaran sekuriti dalam Penanda Aras dengan tujuan untuk mengurangkan kesilapan penjejakan pulangan Dana secara keseluruhan berbanding dengan prestasi Penanda Aras. Pengimbangan semula tersebut mungkin termasuk membuat pelaburan dalam Sekuriti Indeks dan/atau Sekuriti Bukan Indeks. Aset Dana akan diseimbangkan semula dalam 3 keadaan:-

- (i) bulanan, apabila terdapat perubahan dalam komponen Penanda Aras iaitu apabila terdapat pengecualian dan/atau kemasukan sekuriti daripada Penanda Aras tersebut;
- (ii) dalam bulan, apabila terdapat aliran masuk ke atas yang ketara daripada komponen Aset Dana yang menjadikan perlu pengimbangan semula Aset Dana; dan
- (iii) apabila terdapat pembentukan dan/atau penebusan ketara Unit-unit yang menjadikan perlu pengimbangan semula Aset Dana.

Derivatif akan digunakan bagi pengurusan portfolio yang cekap dan untuk membantu mencapai objektif pelaburan Dana dengan memadankan secara rapat portfolio Dana dengan Penanda Aras serta dengan ciri-ciri lain yang penting untuk menjejaki Penanda Aras.

Tidak seperti dana amanah saham “diuruskan secara aktif”, Dana tidak berusaha untuk mengatasi prestasi Penanda Aras dan tidak mencari kedudukan pertahanan sementara apabila pasaran merosot atau kelihatan terlebih dinilai oleh beberapa standard. Selaras dengan itu, kejatuhan dalam Penanda Aras akan mengakibatkan kejatuhan sepadan dalam NAV Dana.

Kolarasi. Ini mengukur tahap sehingga mana pengukuran jumlah pulangan satu pelaburan diukur secara berkala menyerupai pulangan pelaburan lain. Penanda aras adalah pengiraan kewangan secara teori manakala Dana adalah portfolio pelaburan sebenar. Prestasi Dana dan Penanda Aras akan berubah sedikit sebanyak akibat daripada yuran dan perbelanjaan, kos urus niaga, variasi dalam sekuriti pembentukan, kesan pasaran dan variasi pemasaan.

Pengurus menjangkakan bahawa, sepanjang jangka masa panjang, korelasi antara jumlah pulangan Dana dan pulangan Penanda Aras, sebelum yuran dan perbelanjaan, akan menjadi 95% atau lebih baik. Angka 100% akan menunjukkan korelasi yang sempurna. Adalah dijangkakan bahawa kesilapan penjejakan antara pra-perbelanjaan jumlah pulangan Dana dan Penanda Aras berkaitannya akan menjadi +50 mata asas (+0.50%) atas dasar tahunan. Kesilapan penjejakan adalah ukuran variasi antara jumlah pulangan Dana dan jumlah pulangan Penanda Aras. Jumlah pulangan pra-perbelanjaan Dana diukur atas dasar tahunan harus berbeza daripada jumlah pulangan Penanda Aras sebanyak kurang daripada jumlah kesilapan penjejakan ini pada kebanyakan masa secara purata sepanjang jangka panjang. Manakala Pengurus berharap dapat mencapai korelasi di atas, sama ada Pengurus mahupun Pemegang Amanah tidak dapat memastikan bahawa korelasi sebenar jumlah pulangan Dana, sebelum yuran dan perbelanjaan, dan korelasi Penanda Aras adalah kurang daripada korelasi yang dijangkakan.

Strategi untuk mengurangkan kesilapan penjejakan. Untuk mengurangkan kesilapan penjejakan, adalah hasrat Pengurus bahawa Dana akan diuruskan secara pasif dengan tempoh portfolio, keluk kadar hasil dan risiko kredit yang hampir sepadan dengan Penanda Aras pada sepanjang masa.

Sekuriti portfolio Dana akan dipilih dalam cara yang purata tempoh portfolio, sektor, pengagihan *bucket* matang, risiko keluk kadar hasil dan risiko kredit Dana adalah serupa dengan Penanda Aras, tertakluk kepada ketersediaan Sekuriti Indeks yang berkenaan dalam pasaran pada masa pelaburan atau pembelian.

Sekuriti Indeks sentiasa dipilih berbanding Sekuriti Bukan Indeks sebagai pemegang portfolio untuk sepadan dengan Penanda Aras. Oleh itu, hasrat Pengurus untuk melabur dalam Sekuriti Bukan Indeks sebagai gantian bagi Sekuriti Indeks apabila Sekuriti Indeks apabila diperlukan adalah tidak tersedia pada harga yang munasabah dalam pasaran pada masa pelaburan atau pembelian.

Atas dasar harian, prestasi portfolio akan dipantau secara rapat berbanding prestasi Penanda Aras. Adalah hasrat Pengurus agar seandainya perbezaan antara prestasi portfolio dan Penanda Aras lebih besar daripada jumlah yang telah ditentukan, pada masa ini 5 mata asas (0.05%) (walaupun ini mungkin tertakluk kepada perubahan kepada jumlah perbezaan yang munasabah ditentukan oleh Pengurus tanpa notis kepada pelabur-pelabur) dalam sehari (tanpa sebarang gangguan yang disebabkan oleh aliran masuk atau aliran keluar tunai), Pengurus berhasrat untuk menilai semula kedudukan risiko portfolio dengan merujuk kepada purata tempoh portfolio, sektor dan pengagihan *bucket* matang terhadap Penanda Aras. Semasa proses pembentukan dan penebusan Unit, Pengurus akan berhasrat untuk menyelesaikan semua pembelian dan penjualan sekuriti yang diperlukan sebelum penghujung hari dan dengan itu mengurangkan pemegang tunai Dana.

2.3 Skop dan Sekatan Pelaburan

Skop Pelaburan

Pengurus diberi kuasa untuk melabur dalam jenis-jenis aset atau instrumen berikut tertakluk kepada sekatan pelaburan yang dinyatakan secara lebih khusus dalam Surat Iktatan: -

- (i) Sekuriti Indeks;
- (ii) Sekuriti Bukan Indeks;
- (iii) tunai, akaun deposit (pusingan), deposit tetap dengan bank-bank dan setara tunai didenominasikan dalam Ringgit Malaysia ("RM");
- (iv) derivatif yang dibenarkan di bawah Garis Panduan ETF dan SC yang termasuk opsyen dan niagaan hadapan pada kadar faedah Malaysia, sekuriti mendasari dan/atau pada Penanda Aras tidak termasuk penulisan opsyen yang belum didedahkan didenominasi dalam RM. Dana berhasrat untuk melabur dalam *swaps* dan niagaan hadapan pada kadar faedah Malaysia, sekuriti tertentu mendasari dan/atau pada Penanda Aras tertakluk kepada kelulusan SC dan atas terma-terma dan syarat-syarat yang mungkin dikenakan; dan
- (v) pelaburan lain tertentu yang ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa dan pada bila-bila masa dengan kelulusan Jawatankuasa Penyeliaan dengan syarat bahawa pelaburan tersebut adalah dibenarkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan dan konsisten dengan objektif pelaburan Dana.

Dana tidak boleh meminjam tunai atau lain-lain aset (termasuk pinjaman sekuriti dalam maksud Garis Panduan Pinjaman dan Pemberian Pinjaman Sekuriti yang dikeluarkan oleh SC ("Garis Panduan SBL")) berhubung dengan aktivitiinya. Walau bagaimanapun, Dana boleh meminjam atau mendapatkan tunai untuk tujuan memenuhi permintaan penebusan bagi Unit-unit dan untuk keperluan penyambungan jangka pendek.

Tertakluk kepada undang-undang yang terpakai berkaitan dengan pemberian pinjaman sekuriti, Dana boleh mengambil bahagian dalam pemberian pinjaman sekuriti dalam maksud Garis Panduan SBL. Walau bagaimanapun, pada Tarikh Terakhir Paling Munasabah, Dana tidak mengambil bahagian dalam pemberian pinjaman sekuriti.

Sekatan Pelaburan

Berikut adalah sekatan pelaburan tertentu yang dikenakan ke atas Pengurus: -

(1) Sekuriti Hutang

- (a) Dalam usaha untuk memastikan prestasi Dana menjejaki prestasi Penanda Aras sejajar dengan sasaran kesilapan penjejakan, bilangan sekuriti yang dipegang oleh Dana mungkin sama dengan atau kurang daripada bilangan sekuriti konstituen dalam Penanda Aras. Oleh itu, pewajaran sekuriti tersebut dalam Dana mungkin bersamaan atau lebih tinggi daripada pewajaran sekuriti yang sama pada Penanda Aras. Di bawah keadaan biasa, semakin kecil sasaran kesilapan penjejakan, semakin sedikit pelencongan daripada bilangan dan pewajaran sekuriti konstituen dalam Penanda Aras.
- (b) Dari masa ke masa, kriteria pemilihan sekuriti yang digunakan bagi kemasukan atau ketidakmasukan sekuriti ke dalam Penanda Aras boleh disemak atau dipinda oleh Pemberi Lesen Indeks. Atas penerimaan pemberitahuan mengenai perubahan tersebut daripada Pemberi Lesen Indeks, pelaburan dalam sekuriti bon hendaklah dibuat selaras dengan kriteria baru sebagaimana ditetapkan oleh Penanda Aras, secepat mungkin, dengan mengambil kira kecairan dan keadaan pasaran.
- (c) Sekuriti Bukan Indeks tidak boleh terdiri lebih daripada 30% NAV Dana.
- (d) Pengurus akan mempunyai tanggungjawab untuk melakukan sebarang pelarasan dalam Aset Dana agar sesuai dengan perubahan komposisi dan/atau pewajaran Penanda Aras atau komposisi dan/atau pewajaran Aset Dana relatif kepada Penanda

Aras. Pengurus hendaklah menggunakan kemahiran, perhatian dan pertimbangan profesionalnya untuk memastikan objektif pelaburan Dana tercapai.

(2) Tunai

- (a) Tertakluk kepada Seksyen “Sekuriti hutang” di atas dan Seksyen “Derivatif” di bawah, Dana akan mengekalkan pelaburan yang mencukupi dalam tunai dan setara tunai untuk tujuan operasi Dana biasa termasuk tetapi tidak terhad kepada penajaran semula wajaran penanda aras, pendanaan tambahan dan pengeluaran daripada Dana dan menyokong kedudukan derivatif.
- (b) Pelaburan Dana biasanya terbatas kepada pemegangan maksimum 10% daripada NAV Dana secara tunai atau setara tunai.
- (c) Pengurus boleh membuat deposit dengan institusi-institusi yang memenuhi kriteria Pengurus bagi pengambil deposit tersebut (kriteria yang mana dicapai / diputuskan oleh Pengurus dengan menggunakan kemahiran profesionalnya, dan dengan melaksanakan penjagaan dan ketekunan), atau sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengurus untuk tujuan ini dari masa ke masa.
- (d) Pelaburan Dana secara tunai dan setara tunai adalah terbatas kepada pemegangan maksimum 5% daripada NAV Dana dalam satu institusi tunggal.

(3) Derivatif

- (a) Dana boleh melabur dalam derivatif sehingga tahap dibenarkan oleh Garis Panduan ETF, SC dan undang-undang lain yang terpakai.
- (b) Pendedahan derivatif tidak boleh lebih 20% daripada NAV Dana.
- (c) Pelaburan derivatif hanya boleh dilaksanakan untuk membolehkan Dana menguruskan tempoh dan menambah baik penjejakan.

(4) Penarafan pihak satu lagi

- (a) Bank dan pihak satu lagi bagi urus niaga sekuriti hutang yang tidak diselesaikan atas asas penghantaran berbanding bayaran mesti dikadar A3 ke atas oleh Agensi Penarafan Berkenaan bagi sekurang-kurangnya sekali daripada jenis penarafan berikut: -
 - (i) Hutang tidak bercagar senior jangka panjang atau jenis penarafan setara;
 - (ii) Penarafan penerbit daripada Agensi Penarafan Berkenaan; dan
 - (iii) Penarafan kredit penerbit jangka panjang daripada Agensi Penarafan Berkenaan.
- (b) Sekiranya hutang tidak bercagar senior jangka panjang atau penarafan penerbit tidak tersedia, memasuki ke dalam bank berkaitan dengan deposit tetap yang matang kurang daripada 1 tahun dan pihak satu lagi bagi urus niaga sekuriti hutang yang diselesaikan dalam masa kurang daripada 1 tahun mesti dikadar P1 atau setaranya oleh Agensi Penarafan Berkenaan.
- (c) Bank atau pihak satu lagi sekuriti hutang yang tidak memenuhi syarat penarafan dalam perenggan (a) dan (b) di atas masih boleh dilantik dengan syarat bahawa ia adalah pihak satu lagi yang diluluskan oleh Pemegang Amanah atas pengesyoran Pengurus.

Sekatan dan batasan pelaburan tersebut di atas hendaklah pada sepanjang masa dipatuhi berdasarkan penilaian pelaburan yang paling terkini dan instrumen Dana. Walau bagaimanapun, elaun 5% melebihi mana-mana sekatan atau batasan dibenarkan di mana sekatan atau batasan dilanggar melalui peningkatan atau penyusutan NAV Dana (sama ada akibat daripada peningkatan atau penyusutan pelaburan Dana, atau akibat daripada pembelian balik Unit atau bayaran dibuat daripada Dana). Sekiranya sekatan atau batasan yang berkenaan dilanggar, Pengurus tidak akan membuat sebarang pembelian pelaburan selanjutnya yang melanggar sekatan atau batasan yang berkenaan dan Pengurus akan dalam tempoh yang munasabah tidak lebih daripada 3 bulan dari tarikh pelanggaran mengambil semua langkah dan tindakan yang diperlukan untuk membetulkan pelanggaran tersebut.

2.4 Keterangan Penanda Aras

Penanda Aras, iaitu Markit iBoxx® ABF Malaysia Bond Index pada masa ini disediakan oleh MIG melalui Perjanjian Lesen.

Markit iBoxx® ABF Malaysia Bond Index adalah penunjuk pulangan pelaburan Sekuriti Indeks sebagaimana ditentukan oleh Pemberi Lesen Indeks dan yang buat masa ini merupakan sekuriti konstituen Penanda Aras.

Pemberi Lesen Indeks bukan syarikat yang berkaitan Pengurus.

Konstituen Penanda Aras

Pada 31 Mei 2021, komponen 10 teratas Dana dan % NAV diberikan kepada mereka adalah seperti berikut:-

Kod Stok	Penerbit	Matang	Kupon (%)	% NAV
MS130005	Kerajaan Malaysia	15/8/2029	3.733	2.63
MO190002	Kerajaan Malaysia	15/8/2029	3.885	2.62
VZ090244	1Malaysia Development Berhad	27/5/2039	5.750	2.49
GT190006	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	30/11/2034	4.119	2.19
MO150001	Kerajaan Malaysia	15/9/2025	3.955	2.13
ML150002	Kerajaan Malaysia	30/9/2022	3.795	2.07
MS190004	Kerajaan Malaysia	5/7/2034	3.828	2.03
MX110004	Kerajaan Malaysia	30/6/2031	4.232	2.01
GO180002	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	31/10/2028	4.369	2.01
GX130068	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	30/8/2033	4.582	2.00

Pada 31 Mei 2021, komponen 10 teratas Penanda Aras dan pewajaran diberikan kepada mereka oleh Penanda Aras adalah seperti berikut: -

Kod Stok	Penerbit	Matang	Kupon (%)	ABF Weight (%)
MO150001	Bon Kerajaan Malaysia	15/9/2025	3.955	3.32
MO190002	Bon Kerajaan Malaysia	15/8/2029	3.885	2.49
GY190002	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	15/9/2039	4.467	2.46
MS130005	Bon Kerajaan Malaysia	15/6/2028	3.733	2.38
GT190006	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	30/11/2034	4.119	2.38
MN130003	Bon Kerajaan Malaysia	15/3/2023	3.480	2.30
GO200002	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	15/10/2030	3.465	2.16
MS190004	Bon Kerajaan Malaysia	5/7/2034	3.828	2.15
GK190003	Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	31/3/2026	3.726	2.06
MX070003	Bon Kerajaan Malaysia	31/5/2027	3.502	2.05

Sumber: HIS Markit Group.

Maklumat dan berita penting lain mengenai Penanda Aras boleh diperolehi daripada <https://ihsmarkit.com/products/iboxx.html> (bagi peraturan dan metodologi asas indeks) dan laman web Dana di www.abfmy1.com.my.

Terdapat kekurangan budi bicara bagi Dana untuk menyesuaikan diri kepada perubahan pasaran akibat daripada sifat pelaburan ETF sedia ada dan yang termasuk dalam Penanda Aras dijangka akan mengakibatkan kejatuhan sepadan dalam nilai Dana.

Penggantian Penanda Aras

Pengurus boleh, selepas mengambil kira kepentingan Pemegang-pemegang Unit dan tertakluk kepada kelulusan terdahulu SC, mengganti Penanda Aras dengan indeks lain jika sekiranya berlaku perkara berikut:-

- (a) Penanda Aras tidak lagi wujud;
- (b) perubahan besar dibuat dalam formula atau kaedah yang digunakan untuk mengira Penanda Aras (selain daripada perubahan selaras dengan peraturan kendalian Penanda Aras, seperti perubahan dalam konstituen), yang mungkin menjejaskan konstituen Penanda Aras;
- (c) indeks baru menggantikan Penanda Aras dikeluarkan;

- (d) pada pendapat lembaga pengarah Pengurus, indeks baru yang membenarkan penilaian Dana yang lebih baik dikeluarkan. Keputusan untuk menggantikan Penanda Aras, yang merupakan indeks pulangan harga, akan dibuat berdasarkan kriteria kewangan objektif, termasuk indeks dengan nisbah perolehan yang lebih rendah dan/atau indeks yang mengenakan yuran lesen indeks yang lebih rendah, kesemua yang mana akan bermaksud kos lebih rendah dan jumlah pulangan Dana yang lebih tinggi dan seterusnya penilaian Dana yang lebih baik;
- (e) sekiranya ia menjadi sukar untuk melabur dalam sekuriti yang membentuk Penanda Aras atau sekiranya sebahagian daripada sekuriti yang membentuk Penanda Aras mempunyai kecairan terhad;
- (f) Pemberi Lesen Indeks menaikkan yuran lesennya ke tahap yang dianggap terlalu tinggi oleh Pengurus; atau
- (g) pada pendapat Pengurus, kualiti (termasuk kepersisan dan ketersediaan data) Penanda Aras telah merosot.

Pengurus boleh menukar nama Dana sekiranya Penanda Aras diganti. Sebarang penggantian Penanda Aras mesti terlebih dahulu diluluskan oleh SC dan/atau mana-mana pihak berkuasa lain, mengikut keadaan.

Tanpa mengambil kira yang di atas, Pengurus tidak boleh menggantikan Penanda Aras dengan indeks baru tanpa kelulusan Pemegang-pemegang Unit sekiranya objektif indeks baru berbeza daripada Penanda Aras.

Penanda Aras boleh diganti jika sekiranya berlaku pemberhentian Penanda Aras.

2.5 Polisi Pengagihan Pendapatan

Pengagihan pendapatan, sekiranya ada, akan dilakukan atas asas dua kali setahun.

Pengurus hendaklah mengira Pendapatan setiap hari sepanjang tempoh Dana.

Pemegang-pemegang Unit boleh sama ada: -

- (i) Terima cek;
- (ii) Arahkan Pengurus untuk mendeposit pendapatan yang diperolehi ke dalam akaun bank yang dinamakan Pemegang Unit melalui pemindahan telegraf; atau
- (iii) Cara lain yang boleh diterima oleh Pengurus atau Pemegang Amanah (mengikut keadaan) sebagaimana Pemegang Unit mungkin dari masa ke masa tentukan.

Kecuali permintaan bertulis yang bertentangan diterima daripada Pemegang-pemegang Unit sebelumnya, Pengurus boleh melaburkan semula pendapatan yang diagih dalam Unit-unit selanjutnya selaras dengan peruntukan Surat Ikatan.

2.6 Penilaian Aset Dana

Ringkasan obligasi kami berkaitan dengan penilaian aset-aset Dana adalah seperti berikut:

- (a) Penilaian atau penilaian semula mana-mana aset Dana boleh dibuat sekurang-kurangnya sekali sehari.
- (b) Penilaian dan penilaian semula pelaburan yang dibenarkan akan dilakukan selaras dengan Surat Ikatan dan sejajar dengan garis panduan penilaian SC:
 - ◆ Nilai Sekuriti Indeks dan Sekuriti Bukan Indeks hendaklah ditentukan melalui rujukan kepada harga yang diberikan oleh Pemberi Lesen Indeks atau Agensi Peletakan Harga Bon (BPA). Di mana harga tidak tersedia daripada Pemberi Lesen Indeks atau

BPA, kadar hasil indikatif yang disebut harga oleh Institusi Kewangan berlesen akan digunakan.

- ◆ Deposit bank dan deposit yang ditempatkan dengan Institusi Kewangan akan dinilai melalui rujukan kepada nilai pokok dan faedah/ keuntungan yang terakru.
- ◆ Bagi derivatif, penilaian adalah berdasarkan harga ditanda dengan harga pasaran sebagaimana disediakan oleh pihak satu lagi yang menerbitkan instrumen. Pengurus hendaklah memastikan bahawa pelaburan dinilai pada nilai saksama, sebagaimana ditentukan dengan suci hati oleh Pengurus. Kaedah atau asas penilaian perlu ditentukan oleh Juruaudit Dana dan diluluskan oleh Pemegang Amanah.

Di mana Pengurus berpendapat bahawa prinsip-prinsip penilaian sebagaimana dinyatakan secara khusus dalam Surat Iktatan tidak menggambarkan nilai boleh direalis aset dana yang pelaburan harus dinilai selaras dengan prinsip lain yang ditentukan oleh Pengurus, ditentukan oleh juruaudit yang diluluskan dan diluluskan oleh Pemegang Amanah.

2.7 Asas Penilaian bagi Semua Sekuriti dan Instrumen Dana yang berkaitan

Penilaian Dana akan dilakukan sekurang-kurangnya sekali sehari pada Masa Penilaian, yang merupakan penghujung setiap Hari Perniagaan. Masa penilaian Dana merujuk kepada masa (masa-masa) tertentu pada Hari Perniagaan sebagaimana mungkin diputuskan oleh Pengurus di mana NAV Dana dikira. Polisi peletakan harga yang diterima pakai bagi Dana adalah berdasarkan peletakan harga hadapan, di mana NAV Dana akan dikira berdasarkan Masa Penilaian berikutnya selepas permohonan (sebagai contoh bagi pembentukan atau penebusan Unit-unit) diterima dari Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Harga setiap Unit Dana akan dikira berdasarkan “Peletakan Harga Tunggal” yang bermaksud bahawa semua pembentukan dan penebusan adalah berdasarkan peletakan harga tunggal (iaitu NAV setiap Unit).

2.8 IOPV

IOPV setiap Unit yang bersamaan dengan NAV setiap Unit Dana dikira pada Masa Penilaian. IOPV setiap Unit akan disiarkan oleh Pengurus pada jam 9.30 pagi pada setiap Hari Urus Niaga.

Maklumat mengenai IOPV setiap Unit boleh diperoleh daripada laman web Bursa Securities di www.bursamalaysia.com dan laman web Dana di www.abfmy1.com.my.

2.9 Strategi & Teknik Pengurusan Risiko

Objektif utama Dana adalah untuk mencapai pulangan yang menjejak dengan rapat pulangan Penanda Aras. Untuk mengurus risiko pelencongan material daripada Penanda Aras, Pengurus menggunakan persampelan perwakilan untuk mengawasi kesilapan penjejakan Dana. Pengurus mengurangkan kesilapan penjejakan dengan melaburkan Aset Dana terutamanya dalam Sekuriti Indeks dan menetapkan had pelaburan dalam Sekuriti Bukan Indeks. Dana akan diuruskan secara pasif dengan tempoh portfolio, keluk kadar hasil dan risiko kredit yang hampir sepadan dengan Penanda Aras.

3. FAKTOR-FAKTOR RISIKO

Dalam menilai pelaburan dalam Dana dan sebelum memutuskan untuk melabur dalam Unit-unit, anda harus berhati-hati menimbangkan semua maklumat yang terkandung dalam Prospektus ini (yang bukan dihasratkan sebagai menyeluruh) termasuk tetapi tidak terhad kepada risiko am dan khusus bagi Unit-unit serta mendapatkan nasihat profesional daripada penasihat-penasihat berkaitan anda mengenai keadaan tertentu anda.

3.1 Faktor-faktor Risiko Khusus kepada Dana

3.1.1 Pasaran

NAV Dana dan harga perdagangan akan bertindak balas kepada pergerakan pasaran sekuriti. Pelabur-pelabur mungkin kehilangan wang dalam tempoh pendek akibat daripada naik turun dalam NAV Dana dan harga perdagangan sebagai tindak balas kepada pergerakan pasaran, dan dalam tempoh yang lebih panjang semasa kemerosotan pasaran.

3.1.2 Kadar faedah

Dana melabur dalam sekuriti pendapatan tetap, dan oleh itu adalah tertakluk kepada risiko kadar faedah. Risiko kadar faedah adalah risiko yang nilai Aset Dana boleh merosot disebabkan kenaikan kadar faedah. Risiko kadar faedah pada amnya lebih rendah bagi bon bertarikh pendek dan lebih tinggi bagi bon bertarikh panjang.

3.1.3 Pendapatan

Pendapatan daripada Aset Dana mungkin menurun disebabkan kejatuhan kadar faedah. Ini boleh berlaku apabila, dalam pasaran kadar faedah yang menurun, Dana menerima deposit *in-kind* sekuriti portfolio berkaitan dengan pembentukan Unit-unit baru, atau melabur semula perolehan sekuriti yang dijual daripada portfolio dalam sekuriti jangka lebih panjang sebagai sebahagian daripada percubaan Dana untuk memadani kematangan atau tempoh Penanda Aras, pada kadar faedah yang berada di bawah portfolio kadar perolehan semasa ketika itu.

3.1.4 Kredit dan penyelesaian

Dana adalah tertakluk kepada risiko kredit dan penyelesaian. Risiko kredit adalah risiko bahawa penerbit bon tidak dapat memenuhi obligasinya untuk membuat bayaran faedah dan jumlah pokok. Risiko penyelesaian adalah risiko pihak satu lagi yang berdagang dengan Dana tidak dapat menyelesaikan perdagangan akibat daripada perubahan keadaan kewangan atau pasaran. Dana menanggung risiko penerbit dan pemungkiran pemungkiran.

Walau bagaimanapun, balasan pengurangan berikut harus diperhatikan: -

- Majoriti penerbit bon dalam Dana adalah Kerajaan atau agensi kuasi-Kerajaan. Sehingga kini, belum ada pemungkiran ke atas sebarang bon Kerajaan; dan
- Pengurus mempunyai kawalan pengurusan risiko kredit tersedia bagi pemilihan pihak satu lagi perdagangan.

3.1.5 Kecairan

Harga pada mana sekuriti portfolio boleh dibeli atau dijual oleh Dana apabila terdapat sebarang kegiatan pengimbangan semula atau sebaliknya (diperlukan untuk menjejak Penanda Aras) dan nilai Unit-unit akan terjejas sekiranya pasaran perdagangan bagi sekuriti yang terdapat dalam Aset Dana adalah terhad atau tidak ada atau sekiranya tebarannya adalah meluas.

3.1.6 Penggunaan kontrak niagaan hadapan dan opsyen melibatkan risiko-risiko tertentu

Sehingga tahap dibenarkan oleh SC dan di bawah Garis Panduan ETF, Pengurus boleh melaburkan Aset Dana dalam kontrak niagaan hadapan dan opsyen untuk mencari prestasi yang sepadan dengan Penanda Aras dan untuk menguruskan aliran tunai. Tidak ada

jaminan bahawa teknik sedemikian akan mencapai hasilnya yang dihasratkan. Terdapat risiko pelaburan tertentu dalam menggunakan kontrak niagaan hadapan dan opsi. Risiko tersebut mungkin termasuk: (i) ketidakmampuan untuk memuktamadkan kontrak niagaan hadapan atau opsi disebabkan oleh ketidakwujudan pasaran sekunder cair; dan (ii) korelasi yang tidak sempurna antara pergerakan harga kontrak niagaan hadapan atau opsi dengan pergerakan harga sekuriti portfolio subjek atau Penanda Aras.

3.1.7 Penggunaan perjanjian pembelian semua melibatkan risiko-risiko tertentu

Risiko sedemikian timbul sekiranya, sebagai contoh, penjual sekuriti di bawah perjanjian pembelian semula memungkirkan obligasinya untuk membeli semula sekuriti mendasari, akibat daripada ketaksolvenan atau sebaliknya, dan Dana diperlukan untuk melupuskan sekuriti tersebut yang mungkin melibatkan kos tambahan atau kelewatan. Sekiranya penjual menjadi insolven dan tertakluk kepada penyelesaian atau pengorganisasian semula di bawah undang-undang kebangkrutan atau undang-undang lain yang terpakai, keupayaan Dana untuk melupuskan sekuriti mendasari mungkin terbatas. Akhirnya, ada kemungkinan bahawa Dana mungkin tidak dapat membuktikan minatnya dalam sekuriti mendasari. Sekiranya penjual gagal membeli semula sekuriti, Dana mungkin mengalami kerugian sehingga tahap perolehan daripada jualan sekuriti mendasari adalah lebih rendah daripada harga pembelian semula.

3.1.8 Kelas aset

Pulangan yang dihasilkan daripada sekuriti dalam mana Dana melabur mungkin tidak memberikan pulangan yang setara dengan pulangan kelas sekuriti lain atau kelas aset yang berbeza. Sekuriti dalam mana Dana melabur mungkin tertakluk kepada kitaran kurang berprestasi berbanding dengan kelas sekuriti lain.

3.1.9 Jaminan Modal Bukan Dijamin

Pelabur harus menyedari bahawa harga Unit-unit dan pendapatan yang timbul daripadanya boleh naik atau turun. Pelabur-pelabur harus perhatikan bahawa mereka mungkin tidak boleh mendapat kembali pelaburan asal mereka dan bahawa mereka mungkin tidak menerima sebarang pengagihan.

3.1.10 Unit-unit mungkin dinyahsenarai daripada Bursa Securities

Bursa Securities mengenakan syarat-syarat tertentu bagi penyenaian sekuriti yang berterusan termasuk Unit-unit. Tidak ada jaminan yang dapat diberikan bahawa Dana akan terus memenuhi keperluan yang diperlukan untuk mengekalkan penyenaian Unit-unit pada Bursa Securities atau bahawa Bursa Securities tidak akan mengubah Syarat-syarat Penyenaian.

Walau bagaimanapun, jika sekiranya Dana dinyahsenarai daripada Bursa Securities, ia akan terus wujud sebagai dana amanah saham dan harus mematuhi Garis Panduan SC mengenai Dana Amanah Saham.

3.1.11 Unit-unit mungkin didagang pada harga selain daripada NAV

Sama dengan mana-mana ETF, harga pasaran Unit-unit akan tertakluk kepada tebaran "dibida/diminta" — merupakan perbezaan antara harga yang dibida oleh bakal pembeli dan harga yang diminta oleh bakal penjual. Unit-unit mungkin didagang di bawah, pada, atau di atas NAVnya. NAV setiap Unit akan naik turun dengan perubahan dalam nilai pasaran Aset Dana manakala harga perdagangan Unit-unit akan naik turun selaras dengan tekanan penawaran dan permintaan pasaran. Pada masa kemaruapan pasaran yang teruk atau apabila terdapat ketidakseimbangan dalam bilangan pembeli dan penjual Unit-unit, tebaran

dibida / diminta boleh meningkat dengan ketara. Apabila harga pasaran Unit-unit jatuh dengan cepat, Unit-unit kemungkinan besar didagangkan pada diskaun kepada NAV setiap Unit, yang mungkin merupakan masa apabila kebanyakan pelabur ingin menjual Unit-unit mereka.

Walau bagaimanapun, memandangkan Peniaga yang Mengambil Bahagian/ pembuat pasaran dapat terlibat dalam Pembentukan *In-Kind* dan Penebusan *In-Kind*, kegiatan ini harus merapatkan diskaun atau premium harga yang didagangkan kepada NAV.

3.1.12 Unit-unit Perdagangan pada Bursa Securities mungkin digantung

Pelabur tidak akan dapat membeli atau menjual Unit-unit pada Bursa Securities dalam mana-mana tempoh yang Bursa Securities gantung perdagangan Unit-unit. Bursa Securities boleh gantung perdagangan Unit-unit setiap kali menentukan bahawa ia adalah sesuai demi kepentingan pasaran yang adil dan teratur untuk melindungi pelabur-pelabur. Pembentukan dan penebusan Unit-unit mungkin juga digantung sekiranya perdagangan Unit-unit di Bursa Securities digantung.

3.1.13 Kebergantungan pada Peniaga yang Mengambil Bahagian / pembuat pasaran

Manakala Pengurus berhasrat untuk melantik sebilangan Peniaga yang Mengambil Bahagian/ pembuat pasaran untuk menyediakan kecairan dan untuk memudahkan Pembentukan *In-Kind* dan Penebusan *In-Kind*, mungkin ada keadaan di mana tidak ada Peniaga yang Mengambil Bahagian/ pembuat pasaran yang tidak mencukupi atau tidak berkesan sehingga menjejaskan kecairan Unit-unit.

3.1.14 Risiko pihak satu lagi dan risiko penyelesaian

Risiko pihak satu lagi adalah risiko pihak yang berdagang dengan Dana tidak akan dapat memenuhi obligasinya untuk membuat bayaran atau menyelesaikan perdagangan akibat daripada kemerosotan keadaan kewangan pihak satu lagi atau beberapa kegagalan lain oleh pihak satu lagi. Dana menanggung risiko kegagalan penyelesaian. Sebarang kegagalan tersebut boleh mempunyai kesan kurang baik material ke atas Dana dan/atau nilai Unit-unit.

Pengurus mempunyai budi bicara untuk melabur dalam mana-mana instrumen derivatif atas-kaunter ("OTC") atau didagangkan pada bursa dengan yang mendasari berkaitan dengan Sekuriti Indeks atau Penanda Aras. Pelaburan dalam derivatif akan konsisten dengan tujuan untuk mengurangkan kesilapan penjejakan. Pendedahan Dana kepada Sekuriti Indeks yang berkaitan dengan derivatif tidak akan melebihi pewajaran Sekuriti Indeks dalam Penanda Aras. Ketika memasuki urusan niaga derivatif OTC, Pengurus akan berurusan dengan pihak satu lagi dalam senarai institusi kewangan diluluskan kami. Pihak satu lagi dalam senarai ini telah menjalani saringan dan penilaian kredit dalaman Pengurus, dan diluluskan oleh jawatankuasa pelaburan Pengurus.

3.1.15 Risiko dikaitkan dengan pemberian pinjaman sekuriti

Memandangkan Dana boleh mengambil bahagian dalam pemberian pinjaman sekuriti dalam maksud Garis Panduan SBL, Dana mungkin terdedah kepada risiko tambahan. Sebagai contoh, risiko pemungkiran peminjam di mana peminjam mungkin gagal untuk mengembalikan sekuriti yang dipinjam tepat pada masanya. Ini boleh menjejaskan keupayaan Dana untuk memenuhi obligasi bayaran yang timbul daripada permintaan penebusan akibat daripada kelewatan atau kegagalan dalam penyelesaian sekuriti yang diberi pinjam. Pengurus akan mengambil langkah yang perlu untuk memastikan bahawa bukan semua aset Dana diberi pinjam pada mana-mana satu sepanjang hayat Dana untuk mengurangkan risiko. Selain itu, Dana juga mungkin mengalami kerugian akibat daripada kelewatan mendapatkan kembali hak milik dan pemilikan sekuriti yang diberi pinjam. Manakala Pengurus akan menerima kolateral bagi pinjaman di mana ia diberi untuk gantikan sekuriti yang diberi pinjam dalam kejadian peristiwa mungkir oleh peminjam, tidak ada jaminan bahawa risiko ini dapat dikurangkan sama sekali.

3.1.16 Pelaburan EMEAP dalam Dana

Bank pusat ahli EMEAP dan pihak berkuasa monetari adalah sama seperti mana-mana pelabur lain dalam Dana dan setiap daripada mereka berhak untuk melupakan kepentingan mereka masing-masing dalam Unit-unit yang mereka pegang. Tidak ada jaminan bahawa bank pusat ahli EMEAP dan pihak berkuasa monetari akan terus menjadi

pelabur dalam Dana. Sekiranya bank pusat ahli-ahli EMEAP dan pihak berkuasa monetari memutuskan untuk menjual atau menebus semua atau sebahagian daripada Unit-unit mereka, ia mungkin memberi kesan kurang baik secara material ke atas Dana dan harga Unit-unit.

3.1.17 Risiko penarikan kelulusan oleh SC

SC, yang merupakan pengawal atur sekuriti utama di Malaysia, telah meluluskan Dana tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Sebagaimana dinyatakan dalam Garis Panduan ETF, SC hendaklah dimaklumkan mengenai sebarang peristiwa yang boleh menjejaskan kebolehan diterima Penanda Aras yang Dana sedang jejak, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut: -

- (i) perubahan dalam metodologi untuk menyusun atau mengira Penanda Aras;
- (ii) perubahan dalam komponen Penanda Aras iaitu ketidakmasukan dan/atau kemasukan sekuriti daripada Penanda Aras; dan
- (iii) perubahan dalam pewajaran konstituen Penanda Aras akibat daripada, sebagai contoh, kegiatan korporat atau pergerakan pasaran yang ketara.

Berdasarkan yang disebutkan di atas, SC merizabkan hak untuk menarik balik kelulusan Dana, sekiranya Penanda Aras tidak lagi dianggap boleh diterima.

3.2 Faktor-faktor Risiko Khusus kepada Pelaburan dalam Pelaburan Pasif

3.2.1 Kesilapan penjejakan

Perubahan dalam NAV Dana mungkin tidak mereplika perubahan yang tepat dalam Penanda Aras, yang objektif pelaburan Dana adalah untuk mengawasi dengan teliti, iaitu kesilapan pengesanan. Faktor-faktor seperti yuran dan perbelanjaan Dana, kecairan pasaran, korelasi pulangan yang tidak sempurna antara sekuriti Dana dan yang ada dalam Penanda Aras, perubahan kepada Penanda Aras dan polisi berperaturan mungkin menjejaskan keupayaan Pengurus untuk mencapai korelasi rapat dengan Penanda Aras Dana. Korelasi yang tidak sempurna antara pulangan Dana dan Penanda Aras lebih berkemungkinan berlaku sehingga tahap Dana melabur dalam sekuriti yang merupakan Sekuriti Bukan Indeks. Oleh itu, pulangan Dana mungkin menyimpang daripada Penanda Aras.

3.2.2 Kekurangan budi bicara Pengurus untuk menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran

Tidak seperti dana amanah saham, Dana tidak "diurus secara aktif". Dana tidak cuba untuk mengatasi pelaksanaan Penanda Aras dan tidak mencari kedudukan pertahanan sementara apabila pasaran merosot atau kelihatan terlebih dinilai oleh beberapa standard. Dana tidak akan menyelaraskan komposisi portfolio asetnya kecuali untuk mengurangkan sebarang percanggahan dalam tempoh atau profil risiko Penanda Aras dan Aset Dana, iaitu "diuruskan secara pasif". Selaras dengan itu, kejatuhan dalam Penanda Aras akan mengakibatkan kejatuhan sepadan dalam NAV Dana.

3.2.3 Penumpuan Penanda Aras dalam penerbit tertentu

Penanda Aras dan pelaburan Dana mungkin ditumpukan dalam sekuriti penerbit tunggal atau beberapa penerbit. Perubahan kedudukan kewangan penerbit, perubahan keadaan ekonomi atau politik tertentu yang menjejaskan penerbit tertentu dan perubahan dalam keadaan ekonomi atau politik am boleh menjejaskan nilai sekuriti penerbit. Perubahan

khusus penerbit sedemikian mungkin memberi kesan ke atas sekuriti yang dipegang oleh Dana.

3.3 Faktor-faktor Risiko Berkaitan dengan Penanda Aras

3.3.1 Penamatan lesen untuk mengguna Penanda Aras

Pengurus dan Pemegang Amanah telah diberikan lesen oleh MIG untuk menggunakan Penanda Aras untuk membentuk Dana berdasarkan Penanda Aras. Dana mungkin tidak dapat memenuhi objektifnya dan mungkin ditamatkan sekiranya Perjanjian Lesen ditamatkan. Dana juga boleh ditamatkan sekiranya Penanda Arasnya berhenti untuk disusun atau diterbitkan dan tidak ada indeks penggantian yang menggunakan formula yang sama atau hampir serupa bagi kaedah pengiraan sebagaimana digunakan dalam mengira Penanda Aras.

Tanpa mengambil kira yang di atas, Perjanjian Lesen memperuntukkan, antara lain, bagi Perjanjian Lesen untuk ditamatkan secara bersama oleh mana-mana pihak dalam keadaan tertentu selepas penyerahan notis penamatan. Dalam hal sedemikian, selepas tempoh notis, Pengurus mungkin boleh mendapatkan perkhidmatan penyedia perkhidmatan indeks alternatif oleh itu memastikan peralihan yang teratur dengan gangguan minimum (sekiranya ada) dalam tempoh penukaran.

3.3.2 Penyusunan Penanda Aras

Sekuriti yang terdiri daripada Penanda Aras adalah ditentukan dan digubah oleh MIG tanpa mengambil kira prestasi Dana. Dana tidak ditaja, diendors, dijual atau dipromosikan oleh MIG dan ia tidak membuat representasi atau waranti, secara nyata atau tersirat, kepada pelabur-pelabur dalam Dana atau orang lain berhubung kebolehan dinasihat melabur dalam sekuriti pada amnya atau dalam Dana khususnya. MIG tidak mempunyai obligasi untuk mempertimbangkan keperluan Pemegang Amanah, Pengurus atau pelabur-pelabur dalam Dana dalam menentukan, menggubah atau mengira Penanda Aras dan akibatnya tidak akan ada jaminan bahawa tindakannya tidak akan menjejaskan kepentingan Dana, Pengurus atau pelabur-pelabur.

Manakala yang di atas adalah kebimbangan risiko yang sah, harus diperhatikan bahawa yang sama timbul memandangkan Dana distrukturkan dalam cara di mana penyedia perkhidmatan indeks adalah bebas, antara lain, Dana dan Pengurus. Walau bagaimanapun, pelabur-pelabur harus perhatikan bahawa struktur ini memberikan beberapa langkah perlindungan kepada Pemegang-pemegang Unit sebagai contoh kemungkinan sekongkol dielak yang mungkin sebaliknya berpotensi merugikan Pemegang-pemegang Unit.

3.3.3 Perubahan Komposisi Penanda Aras

Komposisi Penanda Aras boleh berubah apabila Sekuriti Indeks matang atau ditebus atau sekuriti baru dimasukkan dalam Penanda Aras. Apabila ini berlaku, pewajaran atau komposisi sekuriti yang dimiliki oleh Dana akan diubah oleh Pengurus untuk mencapai objektif pelaburan Dana. Oleh itu, pelaburan dalam Unit-unit pada amnya akan menunjukkan Penanda Aras apabila konstituennya berubah dan tidak semestinya cara yang terkandung pada masa pelaburan dalam Unit-unit.

3.3.4 Kesilapan atau Ketidaktepatan dalam Penanda Aras

Dana diuruskan secara pasif dengan menjejak Penanda Aras. Dalam hal di mana kesilapan atau ketidaktepatan berlaku dalam Penanda Aras, keupayaan Dana untuk menjejak Penanda Aras akan terjejas. Oleh itu, pulangan Dana mungkin menyimpang daripada pulangan penanda aras.

3.4 Faktor-faktor Risiko Lain

3.4.1 Politik, Ekonomi dan Sosial

Sebarang perubahan material dalam keadaan politik, ekonomi atau sosial yang lazim di Malaysia dan/atau di mana-mana negara Kerajaan Asia yang lain (sekiranya Dana melabur dalam sekuriti kerajaan tersebut) boleh memberi kesan kurang baik material kepada

ekonomi dan/atau NAV sekuriti konstituen Penanda Aras dan akibatnya ke atas nilai Unit-unit.

3.4.2 Mata Wang

Ini adalah risiko yang dikaitkan dengan pelaburan dalam denominasi mata wang asing. Apabila mata wang asing naik turun dalam pergerakan yang tidak menguntungkan terhadap Ringgit Malaysia, pelaburan tersebut mungkin menghadapi kerugian mata wang selain daripada keuntungan/kerugian modal. Ini membawa kepada NAV Dana yang lebih rendah.

4. YURAN, CAJ DAN PERBELANJAAN

TERDAPAT YURAN YANG TERLIBAT DAN PELABUR-PELABUR ADALAH DINASIHATKAN UNTUK MENIMBANGKANNYA SEBELUM MELABUR DALAM DANA.

4.1 Yuran dan Caj Perlu Dibayar oleh Pelabur Biasa

Jadual ini menerangkan caj-caj yang pelabur biasa mungkin tanggung (berdasarkan caj-caj yang dikenakan oleh Bursa Securities pada Tarikh Terakhir Paling Munasabah di mana caj-caj mungkin diubah dari masa ke masa) apabila anda membeli atau menjual Unit-unit dalam Dana pada Bursa Securities.

Caj daripada dagangan Unit-unit pada Bursa Securities	%/ RM
Yuran Pembrokeran	: Maksimum 0.30% nilai kontrak (tertakluk kepada minimum sebanyak RM12) atau sebagaimana ditetapkan oleh Bursa Securities.
Yuran Penjelasan Bursa Securities	: Urus niaga di pasaran: 0.03% (tertakluk kepada maksimum sebanyak RM1000 setiap kontrak). Urus niaga perniagaan secara langsung: 0.03% (tertakluk kepada minimum sebanyak RM10 dan maksimum sebanyak RM1000 setiap kontrak).
Duti Setem	0.1% nilai kontrak (dibundarkan kepada RM terdekat), tertakluk kepada maksimum sebanyak RM200.

Maklumat lanjut mengenai caj-caj yang pelabur akan tanggung daripada dagangan Unit-unit pada Bursa Securities boleh didapati di www.bursamalaysia.com.

4.2 Yuran dan Caj Perlu Dibayar oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian

Peniaga yang Mengambil Bahagian akan menanggung yuran tambahan sekiranya mereka meminta bagi pembentukan dan/atau penebusan Unit-unit dengan Pengurus. Yuran yang dikenakan oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah bagi pembentukan dan penebusan Unit-unit adalah dinyatakan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dan termasuk mana-mana perbelanjaan hangus yang ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah timbul daripada permintaan bagi pembentukan dan/atau penebusan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Jadual di bawah menerangkan yuran-yuran tersebut: -

Jenis yuran/caj	%/ RM
Yuran Pemprosesan	: RM200 perlu dibayar kepada Pengurus atau jumlah tertentu sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus.
Yuran Pentadbiran	: RM50 perlu dibayar kepada Pemegang Amanah atau jumlah tertentu sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pemegang Amanah.
Yuran Pembatalan Permohonan	: RM200 perlu dibayar kepada Pengurus atau jumlah tertentu sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus, selepas berunding dengan Peniaga yang Mengambil Bahagian.
Duti dan Caj	: Jumlah sebagaimana mungkin ditanggung oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah dari masa ke masa berhubung

Jenis yuran/caj	%/ RM
	dengan Permohonan Pembentukan dan/atau Penebusan termasuk mana-mana yuran yang dicajkan oleh Bursa Depository ke atas setiap akaun yang diperuntukkan dengan Unit-unit baru dan setiap akaun didebitkan dengan Unit-unit yang ditebus yang pada masa ini, dan tertakluk kepada perubahan dari masa ke masa oleh Bursa Depository, RM2.20 setiap akaun yang diperuntukkan atau didebitkan tertakluk kepada minimum sebanyak RM50. Caj pencairan sehingga 80 mata asas (0.80%) ke atas nilai nominal Dana juga boleh dilevi.#

Nota: -

Untuk menghalang "pencairan" harta Dana, Pengurus juga mempunyai budi bicara untuk mengenakan yuran tambahan berhubung dengan duti dan caj Dana berkaitan dengan perbezaan antara harga membeli dan menjual sekuriti, nilai pasaran sekuriti-sekuriti ini dan kos pencairan lain yang ditanggung oleh Dana ("caj pencairan"), khususnya untuk pesanan yang besar. Yuran tambahan ini adalah sebagaimana diterangkan secara lebih terperinci dalam Seksyen 4 – Yuran, Caj dan Perbelanjaan Prospektus ini. Sehingga tahap peruntukan tersebut bagi caj biasa dan caj pencairan yang lebih besar daripada duti dan caj sebenar dan pencairan adalah ditanggung maka lebihan tersebut hendaklah untuk akaun Dana. Sehingga tahap peruntukan tersebut bagi caj biasa dan caj pencairan adalah kurang daripada duti dan caj sebenar dan pencairan yang ditanggung maka Dana akan menanggung kekurangan tersebut.

Adalah tidak dijangkakan bahawa akan terdapat apa-apa yuran dan caj lain yang akan dikenakan oleh Pengurus dalam perjalanan biasa berhubung dengan Pembentukan dan Penebusan In-Kind Unit-unit. Namun demikian, Pengurus mempunyai budi bicara untuk mengenakan jumlah sebagaimana ia anggap mewakili peruntukan yang sesuai bagi yuran dan caj sehingga tahap Komponen Terbitan Tunai atau Komponen Penebusan Tunai gantikan perlu dibayar semasa pembentukan atau penebusan Unit-unit dan semasa Pembentukan atau Penebusan Tunai Unit-unit.

4.3 Yuran dan Perbelanjaan yang Ditanggung oleh Dana

Jadual ini menerangkan mengenai yuran dan perbelanjaan yang Dana tanggung: -

Jenis yuran/caj	%/ RM
Yuran Pengurus Tahunan	0.10% ⁽¹⁾
Yuran Pemegang Amanah Tahunan ⁽²⁾	0.04% ⁽¹⁾
Yuran Lesen ⁽³⁾	
◆ Bagi jumlah sehingga jumlah pembiayaan awal	0.0175% setahun x jumlah pembiayaan awal
◆ Bagi jumlah ke atas jumlah pembiayaan awal, tetapi kurang daripada 275% jumlah pembiayaan awal	0.01% setahun ⁽¹⁾
◆ Bagi jumlah melebihi 275% daripada jumlah pembiayaan awal tertakluk kepada yuran minimum sebanyak USD21,234 (Lebih kurang RM73,979 pada Tarikh Terakhir Paling Munasabah)	Tiada caj
Jumlah pembiayaan awal adalah USD115,400,000 (Lebih kurang RM438,520,000 pada pelancaran dana)	
Lain-lain perbelanjaan dana ⁽⁴⁾	0.04% ⁽¹⁾ (anggaran)

Nota-nota: -

(1) Terpakai kepada NAV Dana.

(2) Yuran Pemegang Amanah tahunan termasuk yuran kustodian tempatan dan tidak termasuk yuran kustodian asing (sekiranya ada).

(3) Yuran lesen perlu dibayar kepada MIG, penyedia Penanda Aras.

(4) Akan ada lain-lain yuran atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Dana seperti yuran audit, yuran ejen cukai, pencetakan dan alat tulis, caj bank, yuran jawatankuasa pelaburan bagi ahli-ahli bebas, yuran penyerahan simpan bagi laporan tahunan, perbelanjaan hangus Jawatankuasa Penyelia dan lain-lain perbelanjaan yang dibenarkan oleh Surat Ikatan.

Di mana Pengurus melaksanakan apa-apa Pembentukan dan Penebusan Tunai, bahagian urus niaga portfolio akan meningkat apabila Dana melabur penerimaan Pembentukan Tunai atau jumlah Penebusan Tunai dana. Pengurus menjangkakan bahawa kebanyakan urus niaga portfolio akan dilaksanakan atas dasar prinsipal (berbanding dengan agensi) dan, selaras dengan itu, ia tidak dijangka akan menanggung pembrokeran yang besar. Pembelian daripada broker/peniaga akan termasuk tebaran antara harga dibida dan harga diminta.

Objektif utama Pengurus dalam membuat pesanan bagi pembelian dan penjualan Sekuriti Indeks, Sekuriti Bukan Indeks dan/atau pelaburan lain, apabila menyelaraskan Aset-aset Dana untuk menunjukkan perubahan dalam Penanda Aras, atau berhubung dengan Pembentukan atau Penebusan Tunai, adalah untuk mendapatkan hasil bersih yang paling menguntungkan selepas mengambil kira faktor-faktor seperti harga, komisen atau tebaran dan saiz pesanan. Di mana ianya konsisten dengan objektif ini, ia adalah amalan Pengurus untuk membuat pesanan dengan broker/peniaga yang membekal penyelidikan, maklumat pasaran dan sebut harga dan maklumat statistik kepada Pengurus, yang mungkin berguna kepada Pengurus dalam menyediakan perkhidmatannya sebagai syarikat pengurusan Dana dan/atau mungkin berguna kepada Pengurus dalam menyediakan perkhidmatan kepada klien-klien lain (termasuk dana-dana lain yang diuruskan oleh Pengurus), selain daripada sebagai syarikat pengurusan Dana.

Pengurus atau mana-mana perwakilannya tidak akan menyimpan apa-apa rebat daripada, atau sebaliknya berkongsi dalam mana-mana komisen dengan, mana-mana broker / peniaga sebagai balasan urusan langsung (sekiranya ada) dalam pelaburan Dana. Selaras dengan itu, apa-apa rebat atau komisen dikongsi hendaklah disalurkan secara langsung kepada akaun Dana.

Barangan dan perkhidmatan (“komisen ringan”) boleh disimpan oleh Pengurus dengan syarat bahawa:-

- Pengurus tidak mengguna komisen ringan bagi tujuan membayar kos berkaitan dengan penubuhan atau penyelenggaraan infrastruktur, rangka kerja atau sistemnya;
- Pengurus memastikan bahawa komisen ringan adalah dalam bentuk perkhidmatan penyelidikan dan nasihat yang membantu dalam proses membuat keputusan berkaitan dengan pelaburan Dana; dan
- amalan Pengurus berkaitan dengan komisen ringan didedahkan secukupnya dalam Prospektus ini dan laporan tahunan, termasuk keterangan mengenai barangan dan perkhidmatan yang diterima oleh Pengurus.

Yuran tersebut di atas mungkin dinyatakan dalam bentuk nisbah iaitu nisbah perbelanjaan pengurusan (“MER”). MER adalah nisbah kesemua kos berkaitan yang ditanggung dalam pengendalian Dana kepada purata NAV Dana yang dikira atas dasar harian dan dibayar secara langsung daripada Dana yang termasuk: -

- (a) Yuran Pengurus;
- (b) Yuran Pemegang Amanah; dan
- (c) Perbelanjaan Dana.

MER Dana dikira selaras dengan formula berikut: -

$$\text{MER} = \frac{\text{Yuran Dana} + \text{perbelanjaan dana diperoleh} \times 100}{\text{Purata NAV Dana (dikira atas asas harian)}}$$

Pemegang Amanah dan Pengurus adalah berhak untuk membuat bayaran daripada Aset-aset Dana yuran, kos dan perbelanjaan berikut sehingga tahap ia ditanggung berkaitan dengan Dana:-

- (a) apa-apa kos, yuran dan perbelanjaan untuk dibayar di bawah mana-mana lesen dan kontrak bekalan data berkaitan dengan Pemberi Lesen Indeks yang ditandatangani oleh Pemegang Amanah dan/atau Pengurus berhubung dengan Dana;
- (b) yuran pemprosesan atau pengendalian yang dilevikan oleh mana-mana orang kerana memberi perkhidmatan untuk melaksanakan apa-apa pembelian, pelupusan atau apa-apa urusan lain sekalipun dalam Aset Dana dan apa-apa perbelanjaan berhubung dengannya, termasuk komisen/yuran yang dibayar kepada broker dan/atau peniaga dalam melaksanakan urus niaga dalam pelaburan Dana yang dibenarkan;
- (c) semua yuran profesional yang berkaitan dengan bersetuju dan/atau mencabar percukaian, liabiliti atau perolehan yang akan dikeluarkan daripada atau dibayar kepada Dana;
- (d) kesemua yuran, caj, perbelanjaan dan pembayaran mana-mana penasihat undang-undang atau peguam, akauntan, juruaudit, penasihat pelaburan, jurunilai, broker, jurubank, penasihat cukai, pakar komputer atau lain-lain penasihat profesional yang diambil bekerja atau dilantik oleh Pemegang Amanah atau Pengurus dalam penubuhan Dana, dalam menyelenggara, mengekalkan dan melindungi Aset-aset Dana dan dalam pelaksanaan berterusan tugas dan obligasi mereka masing-masing di bawah Surat Ikatan;
- (e) semua yuran, caj, perbelanjaan dan pembayaran yang ditanggung berhubung dengan kustodi selamat, pengambilalihan, pemegangan, pendaftaran, realisasi atau lain-lain urus niaga dengan mana-mana pelaburan atau pemegangan mana-mana pelaburan atau kustodi dokumen-dokumen hak miliknya (termasuk insurans dokumen-dokumen hak milik terhadap kehilangan semasa penghantaran, transit atau sebaliknya dan caj yang dibuat oleh ejen Pemegang Amanah bagi menyimpan dokumen dalam kustodi selamat), apa-apa yuran dan perbelanjaan yang terpakai Kustodian, kustodian bersama dan/atau sub-kustodian yang dilantik selaras dengan peruntukan Surat Ikatan dan semua yuran urus niaga sebagaimana mungkin dipersetujui dari masa ke masa di antara Pengurus dan Pemegang Amanah berhubung dengan semua urus niaga yang melibatkan keseluruhan atau mana-mana bahagian Harta Dideposit;
- (f) kesemua caj dan perbelanjaan yang ditanggung bagi apa-apa mesyuarat Pemegang-pemegang Unit selain daripada yang dipanggil oleh dan bagi manfaat Pengurus dan Pemegang Amanah;
- (g) yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dalam memperoleh dan/atau menyelenggarakan penyenaiaan dan sebut harga Unit-unit pada Bursa Securities, dan/atau pemberian kuasa atau lain-lain kelulusan atau sanksi rasmi Dana di bawah CMSA atau mana-mana undang-undang atau peraturan berkenaan;
- (h) yuran dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pendepositan dan pemegangan Unit-unit dengan Bursa Depository dan Rumah Penjelasan (dan dalam mana-mana depository sekuriti atau sistem penjelasan lain);
- (i) kesemua caj, kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah berhubung dengan dan/atau dikenakan dengan penyelenggaraan laman web atau laman-laman web (mengikut keadaan) didedikasikan sepenuhnya untuk Dana dan komunikasi dengan dan/atau pemberitahuan kepada Pemegang-pemegang Unit, pendaftar dan/atau mana-mana pihak berkuasa berkenaan termasuk pemberitahuan yang dibuat berkaitan dengan Dana pada Bursa Securities, surat khabar di Malaysia dan lain-lain bentuk komunikasi yang dibenarkan / diterima di bawah Garis Panduan ETF dan sebagaimana Pengurus mungkin dari masa ke masa tentukan;
- (j) kesemua yuran, kos dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pagedaran, penyerahan simpan dan pendaftaran Prospektus ini;
- (k) kesemua yuran, kos dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan penyediaan apa-apa surat ikatan tambahan kepada Surat Ikatan dan berhubung penyediaan mana-mana perjanjian berhubung dengan Dana selain daripada perbelanjaan untuk manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah;

- (l) kesemua kos yang ditanggung berhubung dengan penyediaan, penerbitan dan pengedaran akaun teraudit dan akaun dua kali setahun tidak diaudit dan kesemua cek, penyata, notis dan lain-lain dokumen berkaitan dengan Dana;
- (m) kesemua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung dengan sewajarnya oleh Juruaudit berhubung dengan Dana;
- (n) kesemua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pemecatan Pengurus, Pemegang Amanah atau Juruaudit atau pelantikan pengurus baru, pemegang amanah baru atau juruaudit baru;
- (o) kesemua perbelanjaan yang ditanggung dalam pengutipan Pendapatan (termasuk perbelanjaan yang ditanggung dalam memperoleh bayaran balik cukai atau pelepasan dan persetujuan liabiliti cukai) atau penentuan cukai;
- (p) kesemua perbelanjaan berkaitan dengan pengagihan yang diisytiharkan selaras dengan Surat Ikatan termasuk tanpa batasan yuran untuk penentuan sah semula atau pengeluaran semula mana-mana cek pengagihan atau waran atau pindahan telegrafik;
- (q) kesemua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dalam menamatkan Dana;
- (r) yuran bagi penilaian Dana oleh jurunilai bebas untuk manfaat Dana;
- (s) kesemua yuran dan perbelanjaan ahli-ahli bebas jawatankuasa pelaburan dan perbelanjaan hangus Jawatan Penyelia; dan
- (t) caj, kos, perbelanjaan dan pembayaran lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa cukai dan duti lain yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan dan lain-lain pihak berkuasa) sebagaimana dibenarkan atau diperlukan (mengikut keadaan) di bawah undang-undang yang terpakai yang Pengurus atau Pemegang Amanah berhak untuk dikenakan kepada Dana.

Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua yuran, caj dan/atau perbelanjaan yang dinyatakan dalam Prospektus ini adalah eksklusif sebagai contoh dan bukan batasan; cukai barangan dan perkhidmatan, cukai tambah nilai, cukai penggunaan, levi, duti dan cukai-cukai lain sebagaimana mungkin dikenakan oleh Kerajaan Malaysia dari masa ke masa (secara kolektif dikenali sebagai "Cukai"). Sekiranya yuran, caj dan/atau perbelanjaan ini tertakluk kepada apa-apa Cukai, Cukai tersebut akan ditanggung dan perlu dibayar oleh Pemegang-pemegang Unit dan/atau Dana (mengikut keadaan) pada kadar lazim, termasuk apa-apa peningkatan atau pengurangan kepada kadar, selain daripada yuran, caj dan/atau perbelanjaan yang dinyatakan dalamnya.

5. PEMBENTUKAN DAN PENEBUSAN UNIT-UNIT

5.1 Pembentukan dan Penebusan Unit-unit

Permohonan Pembentukan/Penebusan daripada Peniaga yang Mengambil Bahagian bagi pembentukan/penebusan Unit-unit selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian adalah dijangka di bawah keadaan berikut: -

- (a) Untuk memudahkan permintaan klien-klien Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk membentuk dan/atau menebus Unit-unit; dan
- (b) Untuk mewujudkan kecairan dalam pasaran sebagai sebahagian daripada fungsi pembuat pasaran Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Pelabur harus perhatikan bahawa Dana tidak seperti dana amanah saham biasa yang ditawarkan kepada orang awam. Pelabur-pelabur, sama ada runcit atau sebaliknya, harus mengambil alih atau melupuskan Unit-unit dengan memperdagangkan Unit-unit pada Bursa Securities. Unit-unit Baru hanya dikeluarkan kepada Peniaga yang Mengambil Bahagian. Oleh itu, pelabur-pelabur, sama ada runcit atau sebaliknya, hanya boleh membentuk/ menebus Unit-unit melalui permohonan bagi Pembentukan/ Penebusan Unit-unit melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Surat Ikatan dan berdasarkan prosedur yang ditetapkan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Harga pada mana pembentukan dan penebusan Unit-unit berlaku adalah berdasarkan NAV setiap Unit Dana pada Masa Penilaian berikutnya pada Hari Berurus Niaga selepas Permohonan Pembentukan/ Penebusan diterima dalam bentuk yang dinyatakan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Pengurus boleh membenarkan Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk menggunakan urus niaga pembelian balik berbalik berhubung dengan atau diserahkan dengan mana-mana Permohonan Pembentukan/ Penebusan selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian, Surat Ikatan dan undang-undang terpakai.

Pembentukan/Penebusan Unit-unit akan didasarkan pada NAV dana, pada Masa Penilaian Dana berikutnya.

5.1.1 Pembentukan *In-Kind*

Pelabur-pelabur (yang bukan Peniaga yang Mengambil Bahagian) yang berhasrat untuk membentuk Unit-unit melalui Pembentukan *in-Kind* mesti menghubungi Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk melakukannya bagi pihak mereka dalam bilangan minimum Unit-unit yang mungkin dimaklumkan bersama dengan Pembentukan *In-Kind Basket*. Pelabur (yang merupakan Peniaga yang Mengambil Bahagian) yang berhasrat untuk membentuk Unit-unit melalui Pembentukan *In-Kind* boleh menghubungi Pengurus untuk melakukannya. Pengurus boleh, mengikut budi bicaranya, meluluskan Permohonan Pembentukan dengan terma-terma yang dianggap sesuai. Untuk tujuan tersebut, pelabur-pelabur mungkin diperlukan untuk melengkapkan borang sebagaimana diperlukan oleh Pengurus atau Peniaga yang Mengambil Bahagian. Selain itu, Pengurus atau Peniaga yang Mengambil Bahagian boleh meminta pelabur untuk membuat representasi tertentu dan/atau mengemukakan perakuan tertentu. Pelabur-pelabur hendaklah menyedari bahawa broker atau peniaga tertentu mereka mungkin tidak menandatangani Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dan oleh itu, Permohonan Pembentukan hendaklah ditempatkan oleh broker atau peniaga pelabur melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian yang telah menandatangani Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian. Melainkan dibenarkan sebaliknya oleh Garis Panduan ETF dan tertakluk kepada pengecualian atau variasi yang mungkin diberikan oleh pihak berkuasa berkenaan dari masa ke masa, Pengurus akan hanya menerima Permohonan Pembentukan daripada Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Pengurus akan menentukan Sekuriti Indeks, Sekuriti Bukan Indeks, lain-lain pelaburan dan/atau Komponen Terbitan Tunai (sekiranya ada) terdiri daripada Pembentukan *In-Kind Basket* terpakai kepada Permohonan Pembentukan untuk membentuk Unit-unit dalam Unit-unit Pembentukan atau gandaannya yang dikemukakan berhubung dengan Hari Berurus Niaga. Pada amnya, Pengurus

akan membenarkan pembentukan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian akan Unit-unit Pembentukan atau gandaannya secara berterusan pada setiap Hari Berurus Niaga.

Pengurus boleh mengubah bilangan Unit-unit yang terdiri daripada pengagregatan Unit Pembentukan untuk tujuan melaksanakan pembentukan Unit-unit. Sebarang perubahan dalam Pembentukan *In-Kind Basket*, dan/atau Unit-unit Pembentukan hendaklah dimaklumkan kepada Pemegang Amanah dan Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Permohonan Pembentukan diterima daripada Peniaga yang Mengambil Bahagian sebelum Tarikh Akhir Urus Niaga pada jam 4.30 petang pada setiap Hari Berurus Niaga dan diterima oleh Pengurus akan diterbitkan pada Harga Terbitan berdasarkan penutupan NAV setiap Unit Dana pada Hari Berurus Niaga tersebut.

Permohonan Pembentukan yang diterima daripada Peniaga yang Mengambil Bahagian selepas Tarikh Akhir Urus Niaga atau pada hari yang bukan Hari Berurus Niaga akan dianggap akan diterima oleh Pengurus sebelum Tarikh Akhir Urus Niaga bagi Hari Urusan berikutnya. Pelabur yang menempatkan Permohonan Pembentukan bagi Unit-unit hendaklah memberi masa yang mencukupi untuk membenarkan penyerahan Permohonan Pembentukan yang tepat oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian kepada Pengurus sebelum Tarikh Akhir Urus Niaga pada Hari Berurus Niaga berkenaan.

Selepas pengemukaan Permohonan Pembentukan, Peniaga yang Mengambil Bahagian mesti menyerahkan kepada Pemegang Amanah (bagi pihak Dana) Sekuriti Pembentukan dan Komponen Terbitan Tunai (sekiranya ada) bagi setiap Unit Pembentukan, selaras dengan prosedur yang ditetapkan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Pembentukan Unit-unit dalam pengagregatan Pembentukan Unit akan hanya dilaksanakan sekiranya yang berikut dipenuhi: -

- (i) Sekuriti Pembentukan dan Komponen Terbitan Tunai (sekiranya ada) yang akan diserahkan kepada Pemegang Amanah (bagi pihak Dana) telah diluluskan oleh Pengurus; dan
- (ii) Sekuriti Pembentukan dan Komponen Terbitan Tunai (sekiranya ada) sebagaimana diluluskan dalam perkara (i) di atas telah diserahkan kepada Pemegang Amanah (bagi pihak Dana) sehingga memuaskan Pemegang Amanah dan sebarang yuran pemprosesan dan yuran lain yang perlu dibayar telah dibayar sepenuhnya.

Sekiranya mana-mana yang di atas tidak dipenuhi, Permohonan Pembentukan boleh dibatalkan. Peniaga yang Mengambil Bahagian akan bertanggung jawab bagi semua kerugian langsung dan tidak langsung yang ditanggung oleh Dana akibat daripada Permohonan Pembentukan yang dikemukakan oleh mereka yang dibatalkan selepas masa bagi pembatalan (sekiranya ada) yang dinyatakan dalam Surat Ikatan atau Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian telah berlalu, termasuk yuran pemprosesan, yuran pembatalan, duti, caj dan sebarang kos faedah yang ditanggung oleh Dana dan sebarang kerugian yang timbul berhubung dengan pembelian dan/atau jualan pelaburan Dana berkaitan dengan pembatalan tersebut.

Pengurus dan/atau Pemegang Amanah adalah berhak mengikut budi bicara mutlakny/ mereka, dengan syarat bahawa ia adalah munasabah, untuk menolak atau menggantung Permohonan Pembentukan sekiranya:

- (i) Permohonan Pembentukan adalah tidak jelas, silap atau samar-samar (pada pendapat munasabah Pengurus dan/atau Pemegang Amanah);
- (ii) Sekuriti Pembentukan dan Komponen Terbitan Tunai (sekiranya ada) tidak sepadan dengan Pembentukan *In-Kind Basket* bagi Hari Berurus Niaga yang berkenaan;
- (iii) agregat Unit-unit Pembentukan berhubung dengan Permohonan Pembentukan dan bilangan Unit-unit dalam terbitan ketika itu melebihi saiz Dana yang dibenarkan;
- (iv) Pengurus secara munasabah percaya bahawa penerimaan Sekuriti Pembentukan akan menyalahi undang-undang;

- (v) sekiranya mana-mana bursa saham yang dilaburkan oleh Dana ditutup; atau
- (vi) Pengurus telah menggantung hak Peniaga Yang Mengambil Bahagian untuk membuat Permohonan Pembentukan selaras dengan Surat Ikatan.

Pemegang Amanah boleh menolak untuk membentuk Unit-unit atau membentuk Unit-unit dalam bilangan yang diarahkan oleh Pengurus sekiranya Pemegang Amanah menganggap bahawa pembentukan sedemikian bukan untuk kepentingan Pemegang-pemegang Unit atau bahawa ia akan mengakibatkan pelanggaran peruntukan Surat Ikatan dan lain-lain undang-undang terpakai.

Untuk menjadi berkesan, Permohonan Pembentukan: -

- (i) mesti diberikan kepada Pengurus oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian;
- (ii) mesti menyatakan angka genap pengagregatan Unit Pembentukan;
- (iii) di mana berkenaan, mesti memasukkan sijil-sijil yang dipertimbangkan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian berhubung dengan pembentukan Unit-unit, bersama dengan sijil dan pendapat penasihat lain sebagaimana Pemegang Amanah dan Pengurus anggap perlu untuk memastikan pematuhan dengan undang-undang terpakai; dan
- (iv) mesti dalam pengagregatan Unit Pembentukan.

Tertakluk kepada Surat Ikatan dan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian, Permohonan Pembentukan sebaik sahaja diberikan tidak boleh dibatalkan atau ditarik balik tanpa kebenaran Pengurus.

Pengurus boleh dari masa ke masa dan pada bila-bila masa membenarkan atau memerlukan penggantian sejumlah tunai untuk menggantikan mana-mana Sekuriti Indeks, Sekuriti Bukan Indeks dan/atau pelaburan lain Dana yang terdapat dalam Pembentukan *In-Kind Basket*.

Sekiranya Pengurus menggunakan budi bicara ini, tunai sebagai ganti jumlah hendaklah sama dengan nilai mana-mana Sekuriti Indeks digantikan, Sekuriti Bukan Indeks dan/atau pelaburan lain Dana dan hendaklah merangkumi sebahagian Komponen Terbitan Tunai dan setiap Sekuriti Indeks digantikan, Sekuriti Bukan Indeks dan/atau pelaburan lain Dana hendaklah dianggap bukan Sekuriti Pembentukan yang merangkumi sebahagian daripada Pembentukan *In-Kind Basket*.

Pengurus adalah berhak untuk mengenakan pemohon mana-mana Unit untuk yang mana tunai dibayar sebagai ganti penyerahan Sekuriti Pembentukan jumlah tambahan tertentu yang ia mungkin dianggap mewakili peruntukan yang sesuai bagi tugas dan caj.

5.1.2 Penebusan *In-Kind*

Pelabur-pelabur (yang bukan Peniaga yang Mengambil Bahagian) yang berhasrat untuk menebus Unit-unit melalui Penebusan *in-Kind* mesti menghubungi Peniaga yang Mengambil Bahagian untuk membuat sedemikian bagi pihak mereka dalam bilangan minimum Unit-unit yang mungkin dimaklumkan bersama dengan Penebusan *In-Kind Basket*. Pelabur (yang merupakan Peniaga yang Mengambil Bahagian) yang berhasrat untuk menebus Unit-unit melalui Penebusan *In-Kind* boleh menghubungi Pengurus untuk membuat sedemikian. Pengurus boleh, mengikut budi bicaranya, meluluskan Permohonan Penebusan atas terma-terma yang dianggap sesuai. Untuk tujuan tersebut, pelabur-pelabur mungkin diperlukan untuk melengkapkan borang sebagaimana diperlukan oleh Pengurus atau Peniaga yang Mengambil Bahagian. Selain itu, Pengurus atau Peniaga yang Mengambil Bahagian boleh meminta pelabur untuk membuat representasi tertentu dan/atau mengemukakan sijil-sijil tertentu. Pelabur-pelabur hendaklah menyedari bahawa broker

atau peniaga tertentu mereka mungkin tidak menyempurnakan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dan oleh itu, Permohonan Penebusan perlu ditempatkan oleh broker atau peniaga pelabur melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian yang telah menandatangani Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian. Melainkan dibenarkan sebaliknya oleh Garis Panduan ETF dan tertakluk kepada apa-apa pengecualian atau variasi yang mungkin diberikan

oleh pihak berkuasa berkenaan dari masa ke masa, Pengurus akan hanya menerima Permohonan Penebusan daripada Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Pengurus akan menentukan Sekuriti Indeks, Sekuriti Bukan Indeks, lain-lain pelaburan dan/atau Komponen Penebusan Tunai (sekiranya ada) terdiri daripada Penebusan *In-Kind Basket* terpakai kepada permohonan untuk menebus Unit-unit dalam Unit-unit Penebusan atau gandaan yang dikemukakan berhubung dengan Hari Berurus Niaga. Pada amnya, Pengurus akan membenarkan penebusan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian akan Unit-unit Penebusan atau gandaannya secara berterusan pada setiap Hari Berurus Niaga.

Pengurus boleh dari masa ke masa, mengubah bilangan Unit-unit yang terdiri daripada pengagregatan Unit Penebusan untuk tujuan melaksanakan penebusan Unit-unit. Sebarang perubahan dalam Penebusan *In-Kind Basket*, dan/atau Unit-unit Penebusan hendaklah dimaklumkan kepada Pemegang Amanah dan Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Permohonan Penebusan diterima daripada Peniaga yang Mengambil Bahagian sebelum Tarikh Akhir Urus Niaga pada jam 4.30 petang pada setiap Hari Berurus Niaga dan diterima oleh Pengurus akan diterbitkan pada Harga Penebusan Hari Berurus Niaga. Permohonan Penebusan yang diterima daripada Peniaga yang Mengambil Bahagian selepas Tarikh Akhir Urus Niaga atau pada hari yang bukan Hari Berurus Niaga hendaklah dianggap sebagai diterima oleh Pengurus sebelum Tarikh Akhir Urus Niaga bagi Hari Berurus Niaga berikutnya. Pelabur menempatkan Permohonan Penebusan untuk menebus Unit-unit hendaklah memberi masa yang mencukupi untuk membenarkan penyerahan permohonan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian kepada Pengurus sebelum Tarikh Akhir Urus Niaga pada Hari Berurus Niaga berkenaan.

Sekuriti Penebusan dan Komponen Penebusan Tunai (sekiranya ada) akan dipindahkan atau dibayar oleh Pemegang Amanah selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dengan syarat bahawa Unit-unit, yang menjadi subjek Permohonan Penebusan, telah diserahkan kepada Pemegang Amanah atau nomini dan jumlah penuh Komponen Penebusan Tunai (sekiranya negatif) dan sebarang proses dan yuran lain yang perlu dibayar telah dibayar sepenuhnya. Pemegang Unit bagi pihak siapa Permohonan Penebusan dibuat oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian akan dianggap membenarkan (i) pemindahan Sekuriti Penebusan melalui kemasukan buku ke akaun sekuriti 'RENTAS' yang ditentukan dan (ii) bayaran Komponen Penebusan Tunai melalui bayaran catatan buku ke akaun tunai yang ditentukan atau melalui pemindahan telegraf ke akaun bank atas nama atau pesanan, dalam setiap kes, Peniaga yang Mengambil Bahagian oleh atau melalui siapa Permohonan Penebusan telah dibuat.

Tiada Sekuriti Penebusan akan diserahkan dan tidak ada Komponen Penebusan Tunai akan dibayar melainkan Unit-unit yang menjadi subjek Permohonan Penebusan telah diserahkan kepada Pemegang Amanah atau nomini bagi penebusan dan sehingga masa tertentu yang Pengurus buat ketika itu ditetapkan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian bagi Permohonan Penebusan tersebut. Pengurus boleh mengikut budi bicaranya dan dengan kelulusan Pemegang Amanah melanjutkan tempoh penyelesaian, penyambungan tertentu dibuat berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat tertentu sebagaimana ditentukan oleh Pengurus.

Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berhak mengikut budi bicara mutlaknya/ mereka, dengan syarat bahawa ianya adalah munasabah, untuk menolak atau menggantung Permohonan Penebusan sekiranya:

- (i) Permohonan Penebusan adalah tidak jelas, silap atau samar-samar (pada pendapat munasabah Pengurus dan/atau Pemegang Amanah);
- (ii) bilangan Unit berhubung dengan yang mana Permohonan Penebusan telah diterima oleh Pengurus melebihi had bagi penebusan pada Hari Berurus Niaga;
- (iii) Pengurus telah menggantung hak Peniaga Yang Mengambil Bahagian untuk membuat Permohonan Penebusan selaras dengan Surat Ikatan;
- (iv) sekiranya mana-mana bursa saham yang dilaburkan oleh Dana ditutup; atau

- (v) pada pendapat munasabah Pengurus, Permohonan Penebusan boleh melanggar mana-mana terma atau syarat Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dan/atau Surat Ikatan.

Pemegang Amanah boleh menolak untuk menebus Unit-unit atau menebus Unit-unit dalam bilangan yang diarahkan oleh Pengurus sekiranya Pemegang Amanah menganggap bahawa penebusan sedemikian bukan untuk kepentingan Pemegang-pemegang Unit atau bahawa ia akan mengakibatkan pelanggaran peruntukan Surat Ikatan dan lain-lain undang-undang terpakai.

Sekiranya Unit-unit tersebut tidak diserahkan kepada Pemegang Amanah atau penamanya bagi penebusan selaras dengan yang disebutkan di atas: -

- (i) Permohonan Penebusan boleh dibatalkan (kecuali bahawa yuran pemprosesan dan yuran lain yang terpakai kekal terakru dan perlu dibayar); dan
- (ii) Pengurus boleh, tetapi tidak terikat untuk, mengenakan pemohon yuran pembatalan yang mungkin dari masa ke masa dinyatakan dalam Prospektus ini untuk mewakili kos pentadbiran yang terlibat dalam memproses Permohonan Penebusan Dana, dan sebarang kerugian yang timbul berhubung dengan jual beli sekuriti Dana dan sebarang kos faedah yang ditanggung oleh Dana berkaitan dengan penebusan yang gagal tersebut.

Untuk menjadi berkesan, Permohonan Penebusan: -

- (i) mesti diberikan kepada Pengurus oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian;
- (ii) mesti menyatakan angka genap pengagregatan Unit Penebusan;
- (iii) di mana berkenaan, mesti memasukkan sijil-sijil yang dipertimbangkan dalam Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian berhubung dengan penebusan Unit-unit, bersama dengan sijil dan pendapat penasihat lain sebagaimana Pemegang Amanah dan Pengurus mungkin anggap perlu untuk memastikan pematuhan dengan undang-undang terpakai; dan
- (iv) mesti dalam pengagregatan Unit Penebusan.

Sekiranya jumlah bilangan Unit-unit berhubung dengan yang mana Permohonan Penebusan diterima oleh Pengurus pada Hari Berurus Niaga melebihi 30% (atau peratusan lain tertentu sebagaimana Pengurus mungkin tentukan) daripada NAV Dana dalam mana-mana hari tertentu yang jumlah bilangan Unit diterbitkan (mengabaikan mana-mana Unit yang telah dipersetujui untuk diterbitkan), Pengurus adalah berhak untuk mengehadkan jumlah bilangan Unit yang Pemegang-pemegang Unit adalah berhak untuk tebus pada Hari Berurus Niaga kepada 30% (atau peratusan yang lebih tinggi sebagaimana Pengurus mungkin tentukan) dalam mana-mana kes tertentu daripada jumlah bilangan Unit diterbitkan (mengabaikan mana-mana Unit yang telah dipersetujui untuk diterbitkan).

Tertakluk kepada Surat Ikatan dan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian, Permohonan Penebusan setelah diberikan tidak boleh dibatalkan atau ditarik balik tanpa kebenaran Pengurus.

5.1.3 Pembentukan secara Tunai

Peniaga yang Mengambil Bahagian (sama ada bagi akaun mereka sendiri atau bagi akaun klien mereka) boleh memohon bagi Unit-unit melalui Pembentukan Tunai. Pelabur-pelabur tersebut mungkin diperlukan untuk melengkapkan borang sebagaimana diperlukan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian atau Pengurus. Bayaran Unit-unit boleh dibuat dalam cara tertentu dan/atau dimasukkan dalam akaun bank sebagaimana Peniaga yang Mengambil Bahagian berkenaan atau, mengikut keadaan, Pengurus mungkin tentukan.

Melainkan dibenarkan sebaliknya oleh Garis Panduan ETF dan tertakluk kepada pengecualian atau variasi yang mungkin diberikan oleh pihak berkuasa berkenaan dari masa ke masa, Pengurus akan hanya menerima Permohonan Pembentukan daripada Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Bilangan minimum Unit-unit yang mungkin dibentuk adalah bilangan Unit-unit yang dimaklumkan bersama dengan Pembentukan *In-Kind Basket*.

Harga Terbitan setiap Unit akan dipastikan seperti berikut: -

- (i) dengan membahagikan nilai NAV pada Masa Penilaian seterusnya pada Hari Berurus Niaga dengan bilangan Unit-unit dalam terbitan; dan
- (ii) dengan menyelaraskan jumlah setiap Unit yang terhasil kepada RM0.0001 terdekat (dengan pecahan RM0.00005 dibundarkan).

Permohonan bagi langganan Unit-unit melalui Pembentukan Tunai mesti sampai kepada Pengurus sebelum Tarikh Akhir Urus Niaga, iaitu pada jam 4.30 petang atau sekiranya hari tersebut bukan Hari Berurus Niaga, maka sebaik sahaja Hari Berurus Niaga berikutnya.

Sekiranya permintaan bagi langganan Unit-unit melalui Pembentukan Tunai diterima oleh Pengurus selepas Tarikh Akhir Urus Niaga, ia akan dianggap sebagai diterima oleh Pengurus pada Hari Berurus Niaga berikutnya. Ini bermaksud bahawa sekiranya permohonan anda diterima oleh Pengurus selepas jam 4.30 petang, Harga Terbitan yang anda bayar setiap Unit akan berdasarkan Harga Terbitan pada Hari Berurus Niaga berikutnya. Pelabur menempatkan permohonan bagi Unit-unit hendaklah memberi masa yang mencukupi untuk membenarkan penyerahan permohonan yang tepat oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian kepada Pengurus sebelum Tarikh Akhir Urus Niaga pada Hari Berurus Niaga berkenaan.

Pengurus dan/atau Pemegang Amanah adalah berhak mengikut budi bicara mutlakny/ mereka, dengan syarat bahawa ia adalah munasabah, untuk menolak atau menggantung Permohonan Pembentukan sekiranya:

- (i) Permohonan Pembentukan adalah tidak jelas, silap atau samar-samar (pada pendapat munasabah Pengurus dan/atau Pemegang Amanah);
- (ii) agregat Unit-unit Pembentukan berhubung dengan Permohonan Pembentukan dan bilangan Unit-unit dalam terbitan ketika itu melebihi saiz Dana yang dibenarkan;
- (iii) Pengurus secara munasabah percaya bahawa penerimaan Sekuriti Pembentukan akan menyalahi undang-undang;
- (iv) sekiranya mana-mana bursa saham yang dilaburkan oleh Dana ditutup; atau
- (v) Pengurus telah menggantung hak Peniaga Yang Mengambil Bahagian untuk membuat Permohonan Pembentukan selaras dengan Surat Ikatan.

5.1.4 Penebusan secara Tunai

Peniaga yang Mengambil Bahagian (sama ada bagi akaun mereka sendiri atau bagi akaun klien mereka) boleh memohon bagi penebusan Unit-unit melalui Penebusan Tunai. Pelabur Unit tersebut mungkin diperlukan untuk melengkapkan borang sebagaimana diperlukan oleh Pengurus atau Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Melainkan dibenarkan sebaliknya oleh Garis Panduan ETF dan tertakluk kepada pengecualian atau variasi yang mungkin diberikan oleh pihak berkuasa berkenaan dari masa ke masa, Pengurus hanya akan menerima Permohonan Penebusan daripada Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Tidak ada jumlah pemegangan minimum bagi Unit-unit. Bilangan minimum Unit-unit yang boleh ditebus adalah bilangan Unit-unit yang dimaklumkan bersama dengan Penebusan *In-Kind Basket*. Pemegang-pemegang Unit yang memegang kurang daripada jumlah penebusan minimum Unit-unit boleh menjual Unit-unit mereka bagi tunai dengan berdagang Unit-unit pada Bursa Securities.

Perolehan penebusan bersih akan dipastikan seperti berikut: -

- (i) dengan membahagikan nilai NAV pada Masa Penilaian seterusnya pada Hari Berurus Niaga dengan bilangan Unit-unit dalam terbitan;

- (ii) dengan menyelaraskan jumlah setiap Unit yang terhasil kepada RM0.0001 terdekat (dengan pecahan RM0.00005 dibundarkan); dan
- (iii) dengan mendarab jumlah yang terhasil dengan bilangan Unit-unit yang akan ditebus.

Permohonan untuk menebus Unit-unit melalui Penebusan Tunai mesti sampai kepada Pengurus sebelum Tarikh Akhir Urus Niaga, iaitu pada jam 4.30 petang atau sekiranya hari tersebut bukan Hari Berurus Niaga, maka sebaik sahaja pada Hari Berurus Niaga berikutnya.

Sekiranya jumlah bilangan Unit-unit berhubung dengan yang mana Permohonan Penebusan diterima oleh Pengurus pada Hari Berurus Niaga melebihi tiga puluh peratus (30%) (atau peratusan lain tertentu sebagaimana Pengurus mungkin tentukan) daripada NAV Dana dalam mana-mana hari tertentu yang jumlah bilangan Unit dalam terbitan (mengabaikan mana-mana Unit yang telah dipersetujui untuk diterbitkan), Pengurus berhak untuk mengehadkan jumlah bilangan Unit yang Pemegang-pemegang Unit adalah berhak untuk menebus pada Hari Berurus Niaga kepada 30% (atau peratusan yang lebih tinggi sebagaimana Pengurus mungkin tentukan) dalam mana-mana kes tertentu daripada jumlah bilangan Unit diterbitkan (mengabaikan mana-mana Unit yang telah dipersetujui untuk diterbitkan).

Sekiranya permintaan untuk menebus Unit-unit melalui Penebusan Tunai diterima oleh Pengurus selepas Tarikh Akhir Urus Niaga, ia akan dianggap sebagai diterima oleh Pengurus pada Hari Berurus Niaga berikutnya. Ini bermaksud bahawa sekiranya permohonan anda diterima oleh Pengurus selepas jam 4.30 petang, Harga Penebusan yang anda dapat akan berdasarkan pada Harga Penebusan pada Hari Berurus Niaga berikutnya. Pelabur-pelabur yang menebus Unit-unit hendaklah memberi masa yang mencukupi untuk membenarkan penyerahan permohonan yang tepat oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian kepada Pengurus sebelum Tarikh Akhir Urus Niaga pada Hari Berurus Niaga berkenaan.

Bayaran akan dibuat dalam masa 6 Hari Perniagaan selepas Hari Berurus Niaga ke atas mana Permohonan Penebusan dibuat tertakluk kepada peruntukan Surat Ikatan dan/atau Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian.

Pengurus dan/atau Pemegang Amanah adalah berhak mengikut budi bicara mutlak mereka, dengan syarat bahawa ia adalah munasabah, untuk menolak atau menggantung Permohonan Penebusan sekiranya:

- (i) Permohonan Penebusan adalah tidak jelas, silap atau samar-samar (pada pendapat munasabah Pengurus dan/atau Pemegang Amanah);
- (ii) bilangan Unit berhubung dengan yang mana Permohonan Penebusan telah diterima oleh Pengurus melebihi had bagi penebusan pada Hari Berurus Niaga;
- (iii) Pengurus telah menggantung hak Peniaga Yang Mengambil Bahagian untuk membuat Permohonan Penebusan selaras dengan Surat Ikatan;
- (iv) sekiranya mana-mana bursa saham yang dilaburkan oleh Dana ditutup; atau
- (v) pada pendapat munasabah Pengurus, Permohonan Penebusan boleh melanggar mana-mana terma atau syarat Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian dan/atau Surat Ikatan.

5.1.5 Kecairan

NAV Dana dapat dikurangkan akibat daripada kos yang ditanggung dalam melaburkan langganan tunai yang diterima atas permohonan Unit-unit, dalam membayar perolehan Penebusan Tunai ke atas penebusan Unit-unit, atau ditanggung berhubung dengan urus niaga dalam portfolio sekuriti, duti, cukai atau lain-lain kos biasa Dana. Selain itu, mungkin terdapat kecairan kos disebabkan perbezaan antara harga belian dan jualan sekuriti tersebut dan nilai pasaran sekuriti ini. Untuk mengelak sebarang kesan kurang baik ke atas pelabur-pelabur dalam Dana dan untuk mengelak kecairan harta Dana disebabkan duti dan caj tersebut dan/atau kos kecairan, Pengurus mempunyai budi bicara untuk mengenakan yuran terdiri daripada caj biasa dan caj kecairan

kepada pelabur-pelabur untuk mengimbangi sebarang penurunan dalam NAV Dana apabila Unit-unit dibentuk atau ditebus. Apa-apa yuran yang dibayar kepada Dana, akan menjadi sebahagian daripada harta Dana. Yuran tersebut (sekiranya ada) akan ditentukan oleh Pengurus sebagaimana Pengurus mungkin anggap sebagai mewakili peruntukan yang sesuai bagi duti dan caj. Sekiranya duti dan caj sebenar yang ditanggung oleh Dana kurang daripada peruntukan Pengurus oleh itu, perbezaan tersebut hendaklah untuk manfaat Dana dan sehingga tahap duti dan caj tersebut ditanggung oleh Dana lebih banyak daripada peruntukannya, maka sebarang kekurangan akan ditanggung oleh Dana.

5.2 Memperoleh maklumat mengenai Pembentukan/Penebusan *In-Kind Baskets*

Butir-butir mengenai Pembentukan/Penebusan *In-Kind Baskets* dan pengagregatan Unit sepadan akan disediakan melalui pengumuman harian oleh Pengurus di Bursa Securities dan di laman web Dana di www.abfmy1.com.my. Pengurus tidak menerima sebarang tanggungjawab bagi apa-apa kesilapan daripada butir-butir yang diterbitkan atau bagi sebarang bukan-penerbitan, bukan siaran, penerbitan lewat atau siaran lewat mengenai butir-butir tersebut dan tidak akan menanggung liabiliti berhubung dengan sebarang tindakan yang diambil atau kerugian yang dialami oleh pelabur-pelabur bergantung pada penerbitan atau siaran tersebut (mengikut keadaan).

5.3 Perdagangan Unit-unit di Bursa Securities (pasaran sekunder)

Unit-unit disenaraikan bagi perdagangan di Bursa Securities. Unit-unit boleh dibeli dan dijual pada sepanjang hari dagangan sebagai saham-saham awam lain yang didagang. Tidak ada pelaburan minimum. Walaupun Unit-unit pada amnya dibeli dan dijual dalam "lot niaga" sebanyak 100 Unit, firma-firma pembrokeran boleh membenarkan pelabur-pelabur untuk membeli atau menjual Unit-unit dalam "lot ganjil", walaupun harga Unit-unit yang didagangkan dalam "lot ganjil" mungkin berbeza daripada Unit-unit yang dibeli dan dijual dalam "lot niaga".

Walaupun bagaimanapun, pelabur-pelabur harus perhatikan bahawa harga pasaran sekunder pada Bursa Securities akan berlaku pada harga pasaran disebut harga yang mungkin berbeza daripada NAV harian setiap Unit disebabkan oleh permintaan dan penawaran pasaran, kecairan dan tebaran perdagangan bagi Unit-unit dalam pasaran sekunder. Akibatnya, harga pasaran Unit-unit dalam pasaran sekunder mungkin lebih tinggi atau lebih rendah daripada NAV harian setiap Unit.

Apabila membeli atau menjual Unit-unit melalui broker, pelabur akan menanggung yuran pembrokeran lazim, duti setem dan yuran penjelasan. Harga seunit dilaporkan dalam RM setiap Unit. Selaras dengan Seksyen 14(1) Akta Depositori Pusat, Bursa Securities telah menetapkan Unit-unit sebagai Sekuriti yang ditetapkan. Selaras dengan itu, Unit-unit akan didepositkan secara langsung dengan Bursa Depository dan sebarang urusan niaga dalam Unit-unit akan dilaksanakan selaras dengan Akta tersebut di atas dan peraturan Bursa Depository.

Pelabur yang memiliki Unit-unit Dana adalah pemilik benefisial sebagaimana ditunjukkan dalam rekod Bursa Depository. Bursa Depository bertindak sebagai depository sekuriti bagi semua Unit Dana. Sebagai pemilik benefisial Unit-unit, anda tidak berhak untuk menerima penyerahan fizikal sijil Unit atau mempunyai Unit-unit berdaftar di bawah nama anda, dan anda tidak dianggap sebagai pemilik berdaftar Unit-unit. Oleh itu, untuk melaksanakan apa-apa hak sebagai pemilik Unit, anda mestilah bergantung pada prosedur-prosedur Bursa Depository. Prosedur-prosedur ini adalah sama dengan yang terpakai kepada sekuriti yang tersenarai pada Bursa Securities.

Pelabur-pelabur boleh membuka Akaun CDS dengan menghubungi mana-mana organisasi yang mengambil bahagian. Senarai organisasi yang mengambil bahagian boleh didapati di laman web Bursa Securities di www.bursamalaysia.com/market/securities/equities/brokers/list-of-participating-organisations.

Harga Dagangan Unit

Harga dagangan Unit-unit di Bursa Securities mungkin berbeza dalam pelbagai tahap bagi NAV harian mereka dan boleh dipengaruhi oleh kuasa pasaran seperti bekalan dan permintaan, keadaan ekonomi dan faktor-faktor lain. Pemegang-pemegang Unit boleh menjejaki harga pasaran semasa Unit-unit melalui laman web Bursa Securities di www.bursamalaysia.com atas dasar harian.

Unit-unit didagangkan di bursa sebagaimana ditentukan oleh Bursa Securities selaras dengan peraturan *tick-size* berkenaan sebagaimana ditetapkan oleh Bursa Securities. Ini mungkin berbeza daripada tebaran sekuriti mendasari yang dibida/diminta.

Pembuat Pasaran

Adalah hasrat Pengurus untuk memudahkan penyediaan kecairan bagi pelabur-pelabur melalui pelantikan Peniaga yang Mengambil Bahagian/ pembuat pasaran yang diperlukan untuk mengekalkan pasaran bagi Unit-unit. Dalam mengekalkan pasaran bagi Unit-unit, Peniaga yang Mengambil Bahagian/ pembuat pasaran boleh mencapai keuntungan atau mengalami kerugian dalam jumlah mana-mana perbezaan antara harga pada mana mereka membeli Unit-unit dan harga yang mereka menjual Unit-unit. Apa-apa keuntungan yang dibuat oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian/ pembuat pasaran boleh dikekalkan oleh mereka untuk manfaat mutlaknya dan ia tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Amanah berhubung dengan keuntungan tersebut.

Walaupun Peniaga yang Mengambil Bahagian/ pembuat pasaran boleh membeli dan menjual Unit-unit sama seperti pelabur-pelabur runcit melalui Bursa Securities, tidak ada jaminan atau kepastian mengenai harga pada mana pasaran akan dibuat. Senarai Peniaga yang Mengambil Bahagian/ pembuat pasaran yang dilantik oleh Pengurus boleh diperoleh daripada laman web Bursa Securities. Pengurus juga akan memaklumkan Bursa Securities mengenai sebarang perubahan pada senarai Peniaga yang Mengambil Bahagian/ pembuat pasaran.

Mengikuti perkembangan Dana/Perkhidmatan pelanggan Pengurus

Pengurus juga akan menyerahkan salinan laporan interim dan tahunan Dana kepada setiap Pemegang Unit tanpa caj dalam tempoh 2 bulan dari akhir tahun/tempoh kewangan Dana. Salinan tambahan laporan tersebut mungkin diminta oleh Pemegang Unit tertakluk kepada bayaran sejumlah wang yang munasabah sebagaimana mungkin ditentukan oleh Pengurus.

Di mana berkenaan, Pengurus akan menghantar baucar cukai mereka kepada Pemegang-pemegang Unit yang menyatakan maklumat yang diperlukan untuk mengisi penyata cukai.

Maklumat terkini mengenai Dana termasuk tetapi tidak terhad kepada harga Unit atau NAV setiap Unit Dana boleh diperoleh daripada laman web Pengurus dan sebagaimana diumumkan di Bursa Securities dari masa ke masa.

6. MENGENAI PENGURUS

6.1 Maklumat Korporat

AmFunds Management Berhad [No. Pendaftaran: 198601005272 (154432-A)] (“**AFM**”) telah diperbadankan di Kuala Lumpur, Malaysia pada 9 Julai 1986 dan dimiliki sepenuhnya oleh AmInvestment Bank Berhad berkuat kuasa dari 21 Julai 2016. Pada 31 Mei 2021, AFM memiliki pengalaman lebih daripada tiga puluh (30) tahun dalam industri amanah saham.

Mulai 1 Disember 2014, AFM adalah pemegang Lesen Pasaran Modal dan Perkhidmatan bagi kegiatan berkaitan pengurusan dana berhubung dengan pengurusan portfolio, berurusan dalam sekuriti yang terhad kepada amanah saham dan berurusan dalam skim persaraan swasta diterbitkan di bawah CMSA.

6.2 Tugas dan Tanggungjawab

Pengurus bertanggungjawab untuk menetapkan polisi-polisi pelaburan bagi Dana dan melaksanakan strategi untuk memenuhi objektif Dana. Pengurus juga bertanggungjawab untuk menguruskan portfolio Dana, penerbitan Unit-unit dan penyediaan pengeluaran Prospektus ini.

6.3 Para Pengarah dan Personel Penting

Lembaga pengarah AFM (“**Lembaga Pengarah**”), yang mana satu pertiga (1/3) adalah ahli-ahli bebas, melaksanakan kawalan utama ke atas operasi syarikat. Lembaga Pengarah bertindak untuk memastikan bahawa risiko pelaburan dan risiko operasi diawasi dan diuruskan. Ia juga memastikan bahawa operasi syarikat mematuhi peraturan yang dikeluarkan oleh kerajaan dan pihak berkuasa berperaturan.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah: -

- **Jeyaratnam A/L Tamotharam Pillai (Pengerusi, Bebas)**, berusia 66 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah AmFunds Management Berhad pada 1 April 2019 sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas. Beliau pada masa ini adalah Pengerusi AmInvestment Bank Berhad. Dengan pengalaman lebih daripada 30 tahun dalam industri perkhidmatan perbankan kewangan dan pelaburan, Jeyaratnam adalah jurubank berpengalaman yang terlibat dalam pelbagai tugas yang termasuk penyenaiaan syarikat, penggabungan dan pengambilalihan, pengambilan alih, penyusunan semula korporat dan langkah pengumpulan dana. Jeyaratnam melaksanakan langkah penswastaan pertama Malaysia dan mengambil bahagian dalam pelbagai kajian kebolehlaksanaan dan urus niaga rentas sempadan di India, Ghana dan United Kingdom. Bidang kepakaran dan pengalaman Jeyaratnam juga termasuk pengasalan urus niaga, menentukan struktur korporat dan pendanaan, menilai dan merundingkan urus niaga, penyempurnakan dan pelaksanaan urus niaga. Beliau telah bekerjasama rapat dengan beberapa pemegang pelbagai kepentingan seperti klien korporat, pelabur, bank, agensi kerajaan, Bursa Malaysia Berhad (“Bursa”), SC dan Bank Negara Malaysia (“BNM”). Sepanjang kerjaya beliau, Jeyaratnam telah berkhidmat sebagai Ketua Eksekutif/ Timbalan Ketua Eksekutif empat bank pelaburan sepanjang tempoh 12 tahun. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Kecil Bursa dan Majlis Penasihat Pasaran Modal SC. Jeyaratnam telah dilantik oleh Menteri Kewangan untuk menjadi sebahagian daripada pasukan enam ahli yang bertanggungjawab dalam merumuskan Pelan Induk Pasaran Modal Malaysia. Beliau telah mengawasi Kegiatan Perbankan Pelaburan, Pembrokeran Saham, Pengurusan Dana dan Modal Teroka semasa beliau memegang jawatan di Maybank sebagai Ketua Bahagian Perbankan Pelaburan. Jawatan pengarah Jeyaratnam yang lepas termasuk Westcomb Financial Group Limited Singapore, Kuwait Finance House (Australia) Ptd Ltd, KFH Asset Management Sdn Bhd, Kuwait Finance House (Labuan) Berhad dan Avenue Capital Resource Berhad. Jeyaratnam adalah ahli Institute of Chartered Accountants di England dan Wales dan ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau memperoleh Sijil *fellowship* daripada Institute of Chartered Accountants di England dan Wales pada 2018. Beliau memegang Lesen Perwakilan Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL Adviser License) dan merupakan Personel Kanan Berkelayakan (QSP) yang diluluskan oleh SC.

- **Mustafa Bin Mohd Nor (Bebas)**, berusia 70 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah AmFunds Management Berhad sebagai pengarah bebas dan bukan eksekutif pada 3 Mac 2014. Beliau juga merupakan pengarah USAS Berhad dan ahli jawatankuasa pelaburan negeri, Perak Darul Ridzuan. Secara keseluruhan, beliau mempunyai lebih kurang empat puluh (40) tahun pengalaman luas dan terpelbagai dalam ekonomi, nasihat pelaburan, pembrokeran saham, amanah saham, pengurusan aset dan dana. Beliau memperoleh ijazah Sarjana Sastera (Dasar Ekonomi) daripada Boston University dan Sarjana Muda Ekonomi (Analitis) daripada Universiti Malaya.
- **Tai Terk Lin (Bebas)**, berusia 60 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah AmFunds Management Berhad sebagai pengarah bebas dan bukan eksekutif pada 15 Disember 2014. Beliau mempunyai pengalaman lebih daripada tiga puluh (30) tahun dalam pengurusan dana dan industri perbankan, manakala mengetuai banyak projek inisiatif pengurusan dalam amanah saham, perbankan komersial dan swasta serta pengurusan kekayaan. Beliau sebelum ini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ICB Financial Group Holdings AG, syarikat pemegang ICB Banking Group, dan seorang Pesuruhjaya PT Bank ICB Bumiputera. Sebelum itu, beliau adalah pengarah eksekutif Platinum Capital Management (Asia) dan Naib Presiden Kanan DBS Bank di Singapura. Beliau memiliki ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) daripada Cranfield University, United Kingdom. Beliau mempunyai ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan (B.Sc.Ed (Hons)) daripada Universiti Malaya dan memegang Certified Financial Planner (CFP) dan IBF Advance (IBFA) daripada Institute of Banking and Finance Singapore.
- **Jas Bir Kaur a/p Lol Singh (Bebas)**, berusia 63 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah AmFunds Management Berhad sebagai pengarah bebas dan bukan eksekutif pada 1 Julai 2021. Beliau juga merupakan ketua Jawatankuasa Pelaburan dana AFM dan AmIslamic Funds Management Sdn Bhd. Beliau memiliki ijazah dalam bidang Ekonomi dan Pentadbiran Perniagaan (Ekonomi Analitik) dari Universiti Malaya, Sarjana Sains (Kewangan) dari University of Strathclyde, Glasgow, Scotland dan Sarjana Psikologi Pengurusan (sambilan) kedua dari HELP University, Kuala Lumpur. Beliau juga merupakan Jurulatih Profesional Bertauliah (Akademi Pelatih Korporat) dan orang tengah yang diperakui di bawah Pusat Mediasi Malaysia. Sepanjang kerjayanya, beliau telah memegang jawatan kanan di Bank Negara Malaysia, SC dan Value Partners Hong Kong, sebuah syarikat pengurusan aset yang tersenarai di Bursa Saham Hong Kong. Beliau kini berada di panel pengantara Securities Industry Dispute Resolution Centre (SIDREC). Beliau kini menganggotai lembaga pengarah Pacific Trustees Berhad dan Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia.
- **Ng Chih Kaye (Bebas)**, berusia 65 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah AmFunds Management Berhad sebagai pengarah bebas dan bukan eksekutif pada 1 Julai 2021. Beliau memulakan kerjayanya di sebuah firma Akauntan Berkanun di London dan kemudian di KPMG, Kuala Lumpur. Beliau kemudian berkhidmat di Malayan Banking Berhad selama 25 tahun dalam bidang audit dalaman, kawalan kredit dan pemulihan aset sehingga beliau bersara sebagai Naib Presiden Eksekutif pada tahun 2010. Encik Ng adalah ahli Institut Akauntan Malaysia ("MIA") dan Fellow of the Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), United Kingdom. Beliau telah menganggotai Jawatankuasa Insolvensi Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan MIA selama lebih dari 15 tahun dan kekal sebagai ahli sehingga kini. Kini, Encik Ng adalah pemeriksa di Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) untuk program Pensijilan Kredit Profesional dan Pengurusan Risiko dalam program Perbankan. Beliau juga adalah ahli panel Agensi Akreditasi Kewangan (FAA). Beliau kini menganggotai lembaga pengarah Malaysia Debt Ventures Berhad, AmBank (M) Berhad dan Shangri-La Hotels (Malaysia) Berhad.
- **Goh Wee Peng (Bukan Bebas)**, berusia 46 tahun, adalah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) AmInvest, jenama bagi perniagaan pengurusan dana AFM dan AmIslamic Funds Management Sdn Bhd. Kedua-dua syarikat adalah anak syarikat milik penuh AmInvestment Bank Berhad. Beliau bertanggungjawab bagi strategi perniagaan dan pengurusan AmInvest. Cik Goh mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam industri kewangan di mana lebih 16 tahun pengasalan dalam pengurusan dana. Sebelum pelantikan beliau sebagai CEO pada Ogos 2018, beliau memegang pelbagai peranan pengurusan kanan dalam AFM terdiri daripada Pemangku CEO, Timbalan CEO dan Ketua Pegawai Pelaburan Pendapatan Tetap. Kepakaran dan pengalaman kewangan beliau merangkumi pembrokeran wang, perdagangan bon dan pengurusan dana. Beliau memulakan kerjaya beliau sebagai broker pasaran wang, kemudian menjadi peniaga pendapatan tetap sebelum menyertai AFM sebagai penganalisis kredit pada

2002. Cik Goh tamat pengajian dengan ijazah dalam Sarjana Muda Perniagaan (Ekonomi dan Kewangan) daripada RMIT University, Melbourne, Australia. Beliau memegang Lesen Perwakilan Perkhidmatan Pasaran Modal, Lesen Persatuan Forex, Lesen Perwakilan Peniaga dan merupakan ahli Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FiMM) dan Persatuan Pengurus Aset Malaysia (MAAM).

Ahli-ahli Personel Penting: -

▪ **Goh Wee Peng – Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)**

(Sila rujuk kepada yang di atas)

▪ **Wong Yew Joe – Ketua Pegawai Pelaburan (CIO)**

Wong Yew Joe, berusia 45 tahun, adalah Ketua Pegawai Pelaburan AFM yang mengawasi pelaburan dalam firma. Beliau mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam perkhidmatan kewangan dan pengurusan dana. Sepanjang tempoh ini, peranan beliau merangkumi analisis pelaburan, perdagangan dan pengurusan portfolio. Beliau juga memainkan peranan penting dalam pembangunan produk, pengembangan perniagaan dan pengurusan perhubungan klien. Yew Joe pertama kali menyertai Bahagian Pengurusan Dana pada 2006 sebagai pengurus dana. Jawatan terakhir beliau adalah Ketua Pendapatan Tetap yang melapor kepada Ketua Pegawai Pelaburan dan mengawasi pelaburan dalam instrumen pendapatan tetap Islam dan lain-lain pelaburan yang berkaitan. Beliau memiliki ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan dan Kewangan) daripada University of Southern Queensland, Australia. Beliau juga memegang Lesen Perwakilan Perkhidmatan Pasaran Modal bagi aktiviti pengurusan dana yang dikawal atur.

Pengurus Dana yang dilantik Dana

Kho Hock Khoon

Kho Hock Khoon, berusia 47 tahun, adalah Naib Presiden Kanan Pendapatan Tetap dengan pengalaman lebih daripada 8 tahun dalam bidang pengurusan dana. Beliau adalah pegawai kredit selama 3 tahun dengan bank asing yang diperbadankan di Malaysia. Beliau bermula sebagai penganalisis kredit dengan Pengurus kemudian memikul tanggungjawab yang lebih besar sebagai pengurus dana merangkap penganalisis kredit bagi Pengurus. Beliau mempunyai lebih daripada RM4 bilion aset di bawah pengurusan beliau. Kho memiliki ijazah PhD dan ijazah Sarjana dalam Kewangan daripada Royal Melbourne Institute of Technology (RMIT), Australia. Beliau juga memiliki ijazah Sarjana Muda Perniagaan dalam Ekonomi dan Kewangan daripada institusi akademik yang sama. Kho adalah pemegang Lesen Perwakilan Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL) bagi aktiviti pengurusan dana yang dikawal atur.

6.4 Jawatankuasa Pelaburan

Ahli jawatankuasa pelaburan bermesyuarat sekurang-kurangnya lima (5) kali dalam setahun untuk memastikan pengurusan pelaburan Dana adalah selaras dengan:-

- (a) objektif pelaburan Dana;
- (b) Surat Ikatan;
- (c) Garis Panduan ETF dan undang-undang lain yang terpakai;
- (d) sekatan dan polisi pelaburan dalaman; dan
- (e) amalan pengurusan pelaburan yang boleh diterima dan berkesan dalam industri.

Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan antara keputusan, arahan, keperluan dan/atau arahan jawatankuasa pelaburan dan Jawatankuasa Penyeliaan berkaitan dengan pengurusan pelaburan Dana, keputusan, arahan, keperluan dan/atau arahan jawatankuasa pelaburan akan mengatasi dengan syarat keputusan, arahan, keperluan dan/atau arahan tersebut dibuat selaras dengan peranan, kuasa dan tugas yang ditetapkan dalam Garis Panduan ETF dan/atau undang-undang lain yang terpakai.

Jawatankuasa pelaburan terdiri daripada ahli-ahli berikut:-

- Jas Bir Kaur a/p Lol Singh (Bebas)
- Mustafa Bin Mohd Nor (Bebas)
- Zainal Abidin Mohd. Kassim (Bebas)
- Izad Shahadi bin Mohd Sallehuddin (Bebas)
- Tai Terk Lin (Bebas)
- Goh Wee Peng (Bukan Bebas)

Profil jawatankuasa pelaburan Dana adalah seperti berikut:

- **Jas Bir Kaur a/p Lol Singh (Pengerusi)**
(Sila rujuk kepada yang di atas)
- **Izad Shahadi bin Mohd Sallehuddin**
Izad Shahadi bin Mohd Sallehuddin, berusia 40 tahun, dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Amlslamic Funds Management Sdn Bhd pada 1 Julai 2021 sebagai pengarah bebas dan bukan eksekutif. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko Amlslamic Funds Management Sdn Bhd, dan ahli Jawatankuasa Pelaburan dana AFM dan Amlslamic Funds Management Sdn Bhd. Beliau memegang BSc Economics (Hons) dari London School Ekonomi dan Sains Politik dan ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari University of Nottingham. Beliau juga telah melengkap Program Kepemimpinan Eksekutif Berkeley di Haas School of Business, University of California Berkeley. Beliau mempunyai pengalaman lebih dari 15 tahun bekerja di institusi kewangan, termasuk bank pelaburan braket global teratas, seperti UBS dan Citigroup yang memfokuskan pada ekuiti. Beliau juga memiliki pengalaman dalam kegiatan mengumpulkan dana serta mengurus dan memulihkan aset syarikat yang berkaitan dengan pemerintah. Beliau sebelum ini adalah Ketua Pegawai Eksekutif Urusharta Jamaah Sdn Bhd dan Ketua Pegawai Pelaburan Penjana Kapital Sdn Bhd.
- **Mustafa Bin Mohd Nor**
(Sila rujuk kepada yang di atas)
- **Tai Terk Lin**
(Sila rujuk kepada yang di atas)
- **Zainal Abidin Mohd. Kassim**
Zainal Abidin Mohd. Kassim adalah ahli *Fellow* Institute of Actuaries di United Kingdom sejak 1986, ahli *Fellow* Persatuan Aktuari Malaysia, ahli *Fellow* Persatuan Aktuari Singapura dan Associate of the Society of Actuaries, Amerika Syarikat. Beliau telah menjadi Aktuari Perundingan dan Rakan Kongsi Kanan dengan pengalaman perundingan lebih daripada 30 tahun dengan pengalaman luar dalam insurans konvensional dan Takaful bagi insurans nyawa dan kecederaan. Beliau juga mempunyai pengalaman dalam pelbagai tugas dalam perundingan pelaburan bagi dana pencen dan kumpulan wang simpanan serta liabiliti pencen dan manfaat pencen. Encik Zainal Abidin Mohd. Kassim memegang ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian Kelas Pertama) dalam ijazah Sains Aktuari daripada City University London.
- **Goh Wee Peng**
(Sila rujuk kepada yang di atas)

6.5 Jawatankuasa Penyeliaan

- (1) Setakat yang dibenarkan atau diperlukan oleh undang-undang yang terpakai, Pengurus hendaklah, dengan kelulusan daripada Pemegang Amanah, menubuhkan Jawatankuasa Penyeliaan yang akan ditubuhkan seperti berikut: -
 - (a) Jawatankuasa Penyeliaan hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 3 orang ahli. Semua ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah tertakluk kepada kelulusan terdahulu SC. Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan hendaklah dilantik oleh ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan dari kalangan mereka sendiri. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan akan berkhidmat sehingga peletakan jawatan atau pemecatan mereka.
 - (b) (i) Tertakluk pada seksyen (c) di bawah, selepas pelantikan awal kepada Jawatankuasa Penyeliaan, semua pelantikan selanjutnya akan dibuat oleh Jawatankuasa Penyeliaan sendiri, dengan undi majoriti, berdasarkan keputusan yang akan ditentukan olehnya.
 - (ii) Ahli Jawatankuasa Penyeliaan boleh dipecat dan diganti dengan atau tanpa alasan pada bila-bila masa oleh majoriti ahli Jawatankuasa Penyeliaan dengan notis kepada ahli Jawatankuasa Penyeliaan berkenaan.

- (iii) Ahli Jawatankuasa Penyeliaan boleh meletak jawatan pada bila-bila masa dengan memberikan notis tiga puluh (30) Hari Perniagaan kepada ahli lain Jawatankuasa Penyeliaan, Pemegang Amanah dan Pengurus.
- (c) tanpa mengambil kira yang di atas, sekiranya terdapat kurang daripada 3 ahli Jawatankuasa Penyeliaan kekal pada bila-bila masa tertakluk kepada peruntukan Surat Ikatan, Pengurus dengan kelulusan Pemegang Amanah adalah berhak untuk melantik orang tambahan menjadi ahli Jawatankuasa Penyeliaan. Semua ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah bebas daripada Pemegang Amanah, Pengurus dan orang-orang yang berkaitan dengan mereka berdua;
- (d) korum bagi mesyuarat Jawatankuasa Penyeliaan adalah kehadiran tidak kurang daripada separuh ahlinya (atau pengganti masing-masing) merupakan tidak kurang daripada 2 bilangannya dan korum tersebut hendaklah hadir di kedua-dua permulaan urusan dan juga apabila kuasa tersebut diundi. Tertakluk pada peruntukan dalam seksyen (g) di bawah, semua resolusi Jawatankuasa Penyeliaan hendaklah diluluskan melalui undi majoriti mudah daripada ahli-ahli (atau pengganti masing-masing) yang hadir atau diwakili; dengan syarat terdapat korum. Sekiranya terikat, pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan mempunyai undi kedua atau undi pemutus.
- (e) mana-mana ahli Jawatankuasa Penyeliaan boleh pada bila-bila masa melantik seseorang untuk menjadi penggantinya untuk tujuan mengambil bahagian dalam mesyuarat Jawatankuasa Penyeliaan dan boleh pada bila-bila masa menamatkan pelantikan tersebut. Manakala dilantik sedemikian, ahli silih ganti harus mempunyai semua hak, kuasa dan keistimewaan pelantiknya.
- (f) Jawatankuasa Penyeliaan akan bermesyuarat setiap kali suatu perkara di bawah Surat Ikatan memerlukan kelulusan, kebenaran atau persetujuan Jawatankuasa Penyeliaan (dan walau apa pun ia akan bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap tahun). Mana-mana 1 ahli Jawatankuasa Penyeliaan boleh, pada bila-bila masa, mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Penyeliaan dengan syarat notis tidak kurang daripada 2 Hari Perniagaan mengenai mesyuarat tersebut hendaklah diberikan kepada semua ahli Jawatankuasa Penyeliaan (dan pengganti mereka masing-masing). Pengurus atau Pemegang Amanah juga boleh, pada bila-bila masa, mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Penyeliaan dengan syarat notis tidak kurang daripada 7 Hari Perniagaan mengenai mesyuarat tersebut hendaklah diberikan kepada semua ahli Jawatankuasa Penyeliaan (dan pengganti mereka masing-masing). Dalam setiap kes notis tersebut boleh diketepikan oleh semua ahli Jawatankuasa Penyeliaan (dan pengganti mereka masing-masing).
- (g) Jawatankuasa Penyeliaan boleh membubarkan sendiri secara kekal dengan resolusi yang diluluskan tidak kurang daripada 75% daripada semua ahli Jawatankuasa Penyeliaan (dan bukan pengganti mereka), dan dalam hal: -
 - (i) apa-apa perkara yang memerlukan kelulusan, kebenaran atau persetujuan Jawatankuasa Penyeliaan yang tidak memerlukan kelulusan, kebenaran atau persetujuannya;
 - (ii) tidak akan ada keperluan untuk memanggil atau mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Penyeliaan selaras dengan peruntukan Surat Ikatan; dan
 - (iii) Pemegang Amanah dan Pengurus akan terus mengurus dan mentadbir Dana selaras dengan terma-terma Surat Ikatan seolah-olah semua rujukan kepada Jawatankuasa Penyeliaan telah dikeluarkan dan dipadam daripada Surat Ikatan,
- (2) Jawatankuasa Penyeliaan hendaklah, tertakluk kepada undang-undang yang terpakai: -
 - (a) mengawasi perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran Dana;

- (b) berhubung dengan pengurusan dan pentadbiran Dana di bawah dan selaras dengan terma-terma Surat Ikatan: -
- (i) mempunyai hak untuk membuat pengesyoran kepada (tetapi bukan tanpa berada di bawah apa-apa obligasi untuk berbuat demikian) Pengurus mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan isu strategik (tetapi bukan hari ke hari) yang berkaitan dengan struktur, pengurusan dan pentadbiran Dana;
 - (ii) mempunyai kuasa untuk (tetapi tanpa sebarang obligasi kepada) memerlukan Pengurus melaporkan kepada Jawatankuasa Penyeliaan mengenai apa-apa perkara, tindakan atau perkara yang berkaitan dengan pengurusan atau pentadbiran Dana mereka, dan berkaitan dengan pelaksanaan apa-apa budi bicara oleh Pengurus di bawah dan selaras dengan terma-terma Surat Ikatan, termasuk tanpa batasan, berhubung dengan pelantikan atau penyingkiran mana-mana Penyedia Perkhidmatan (sebagaimana ditakrifkan selepas ini) dan rancangan pemasaran semasa dan masa hadapan Pengurus; dan
 - (iii) meluluskan, membenar atau menyetujui, mengarah atau membuat pengesyoran kepada Pemegang Amanah dan/atau Pengurus mengenai perkara-perkara lain sebagaimana dinyatakan dalam Surat Ikatan yang memerlukan kelulusan, kebenaran atau persetujuan Jawatankuasa Penyeliaan atau berhubung dengan mana Jawatankuasa Penyeliaan boleh mengarahkan atau membuat pengesyoran kepada Pemegang Amanah dan/atau Pengurus;
- (c) (i) mempunyai kuasa untuk mengesyorkan kepada Pengurus agar Pemegang Amanah dipecat, dalam hal mana Jawatankuasa Penyeliaan hendaklah memberi notis secara bertulis kepada Pengurus bahawa ia berhasrat agar Pemegang Amanah bersara;
- (ii) selepas menerima notis tersebut, Pengurus hendaklah memberikan notisnya kepada SC; dan
- (iii) dalam masa 60 Hari Perniagaan setelah penerimaan notis daripada Jawatankuasa Penyeliaan, Pengurus akan mengadakan, mesyuarat Pemegang-pemegang Unit untuk tujuan mengusulkan Resolusi Khas untuk menyingkirkan Pemegang Amanah dan sekiranya Resolusi Khas diluluskan, Pemegang Amanah akan disingkirkan selaras dengan peruntukan Surat Ikatan;
- (d) (i) mempunyai kuasa untuk mengesyorkan kepada Pemegang Amanah agar Pengurus disingkirkan, dalam hal mana Jawatankuasa Penyeliaan hendaklah memberi notis secara bertulis kepada Pemegang Amanah bahawa ia ingin Pengurus bersara;
- (ii) selepas menerima notis tersebut, Pemegang Amanah hendaklah memberikan notisnya kepada SC; dan
- (iii) dalam masa 60 Hari Perniagaan setelah penerimaan notis daripada Jawatankuasa Penyeliaan, Pemegang Amanah akan memanggil, mesyuarat Pemegang-pemegang Unit untuk tujuan mengusulkan Resolusi Khas untuk memecat Pengurus dan sekiranya Resolusi Khas diluluskan, Pemegang Amanah akan dipecat selaras dengan peruntukan Surat Ikatan;
- (e) berhubung dengan tugasnya yang dinyatakan dalam Surat Ikatan, mempunyai kuasa untuk mewakilkan kepada orang atau orang-orang tertentu sebagaimana Jawatankuasa Penyeliaan anggap sepadan dan sesuai dan wajar untuk melaksanakan tugas-tugas tersebut dengan syarat bahawa Jawatankuasa Penyeliaan akan mengekalkan keseluruhan tanggungjawab bagi tugas-tugas yang mungkin diwakilkan. Jawatankuasa Penyeliaan boleh juga mengarahkan mana-mana peguam, pegawai bank, akauntan, broker, wakil dan orang profesional lain yang difikirkannya sesuai.

- (3) (i) Jawatankuasa Penyeliaan, dan mana-mana ahli Jawatankuasa Penyeliaan, adalah berhak untuk memberi atau menolak untuk memberi atau berkecuali daripada memberi kelulusan, kebenaran atau persetujuannya kepada mana-mana perkara tertentu, dan atas terma-terma tertentu dan tertakluk kepada syarat-syarat yang difikirkan sesuai mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa bertanggung jawab dengan syarat bahawa sekiranya ada penolakan atau pengecualian tersebut, menjejaskan kepentingan Pemegang-pemegang Unit atau akan mengakibatkan pelanggaran atau ketidakpatuhan terhadap undang-undang yang terpakai, Pengurus dan/atau
- Pemegang Amanah boleh meneruskan tanpa kelulusan, kebenaran atau persetujuan tersebut (mengikut keadaan).
- (ii) Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan tidak akan bertanggungjawab atau bertanggungjawab bagi sebarang tindakan atau kegagalan untuk bertindak atau lain-lain peninggalan Pemegang Amanah atau Pengurus atau apa-apa tindakan, kos, tuntutan, ganti rugi, perbelanjaan atau liabiliti yang mana Pemegang Amanah, Pengurus atau mana-mana Pemegang Unit atau mana-mana orang lain yang mungkin berkepentingan dengan mana-mana Unit boleh alami atau tanggung akibat daripada mana-mana tindakan atau kegagalan untuk bertindak atau lain-lain peninggalan atau pemberian atau penolakan mereka untuk memberi atau berkecuali daripada memberi kelulusan, kebenaran atau persetujuan mereka untuk mana-mana perkara atau untuk sebarang nasihat, pengesyoran, arahan, arahan atau maklumat yang diberikan atau disediakan oleh Jawatankuasa Penyeliaan kepada Pemegang Amanah dan/atau Pengurus.
- (4) Tertakluk kepada undang-undang yang terpakai, tidak ada apa-apa dalam Surat Ikatan yang boleh menghalang mana-mana ahli Jawatankuasa Penyeliaan untuk membuat kontrak atau memasuki sebarang urusan niaga kewangan, pelaburan, perbankan (termasuk pertukaran asing), pemegang amanah, insurans, kesetiausahaan, usaha sama atau perkongsian atau lain-lain urusan niaga dalam bentuk apa pun dengan, atau dari menyediakan perkhidmatan apa pun kepada, Dana, mana-mana Pemegang Unit, apa-apa Pelaburan Dana (sebagaimana ditakrifkan selepas ini), atau mana-mana orang lain dalam apa-apa kapasiti fidusiari atau lain-lain kapasiti (termasuk bagi mengelak keraguan bertindak sebagai pemegang amanah berhubung dengan mana-mana Pelaburan Dana) atau daripada kepentingan dalam mana-mana kontrak, urusan niaga, usaha sama atau perkongsian atau daripada menjadi pengarah atau kakitangan atau perunding kepada mana-mana Pelaburan Dana (sebagaimana ditakrifkan selepas ini). Mana-mana ahli Jawatankuasa Penyeliaan tidak akan bertanggungjawab untuk mengaunkan bagi apa-apa keuntungan atau manfaat yang dibuat atau diperolehi daripada atau berkaitan dengan mana-mana kontrak, urusan niaga, usaha sama atau perkongsian atau lain-lain urusan niaga. Dalam Seksyen ini, **“Pelaburan Dana”** bermaksud mana-mana syarikat, orang, perkongsian, usaha sama, Dana, persatuan, kerajaan asing, negara, kerajaan, agensi pemerintah, badan orang atau entiti dalam bentuk apa sekali pun dalam mana aset dalam Dana adalah, atau dicadangkan untuk dilaburkan.
- (5) Pemegang Amanah dan Pengurus hendaklah memberikan kepada setiap ahli Jawatankuasa Penyeliaan (dan pengganti mereka masing-masing) sekurang-kurangnya 2 Hari Perniagaan sebelum setiap mesyuarat diadakan selaras dengan peruntukan Surat Ikatan, dan sebaliknya atas permintaan bertulis oleh Jawatankuasa Penyeliaan, laporan yang hendaklah mengandungi maklumat sebagaimana diminta oleh Jawatankuasa Penyeliaan dari masa ke masa secara munasabah tetapi termasuk (tetapi tidak terhad kepada), setakat mana Pemegang Amanah dan/atau Pengurus menyedarinya:-
- (a) Butir-butir mengenai sebarang peristiwa penting atau perubahan material yang berkaitan dengan pengurusan, operasi dan pentadbiran Dana; dan
- (b) Butir-butir mengenai sebarang pelanggaran material oleh Pemegang Amanah, Pengurus atau mana-mana Penyedia Perkhidmatan Dana mengenai tugas dan tanggungjawab yang dikenakan ke atas setiap daripada mereka di bawah, mengikut keadaan, Surat Ikatan atau mana-mana perjanjian (perjanjian-perjanjian) yang berkaitan dengan Dana kepada mana mereka adalah pihak.

- (6) Sekiranya tidak ada ahli yang dilantik kekal dalam Jawatankuasa Penyeliaan bagi tempoh berterusan selama 1 bulan atau lebih, tanpa mengambil kira terma-terma lain dalam Surat Ikatan: -
- (a) apa-apa perkara yang memerlukan kelulusan, kebenaran atau persetujuan Jawatankuasa Penyeliaan tidak memerlukan kelulusan, kebenaran atau persetujuannya;
 - (b) tidak akan ada syarat untuk memanggil atau mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Penyeliaan selaras dengan peruntukan Surat Ikatan; dan
 - (c) Pemegang Amanah dan Pengurus akan terus mengurus dan mentadbir Dana selaras dengan terma-terma Surat Ikatan seolah-olah semua rujukan kepada Jawatankuasa Penyeliaan telah dikeluarkan dan dipadamkan dalam Surat Ikatan, sehingga pada masa sekurang-kurangnya 3 ahli/ ahli baru dilantik ke Jawatankuasa Penyeliaan selaras dengan peruntukan Surat Ikatan.
- (7) Untuk tujuan seksyen ini, "Penyedia Perkhidmatan" bermaksud mana-mana orang yang dilantik oleh Pemegang Amanah dan/atau Pengurus (mengikut keadaan) untuk memberikan perkhidmatan kepada atau untuk tujuan Dana dan termasuk mana-mana orang yang kepada siapa penyediaan perkhidmatan tersebut diwakilkan, dan akan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, Peniaga yang Mengambil Bahagian dan mana-mana kustodian pelaburan yang merangkumi aset Dana.

6.6 Litigasi Material

Pada 31 Mei 2021, Pengurus tidak terlibat dalam mana-mana litigasi dan timbang tara material, termasuk yang belum diputuskan atau diancam, dan tidak ada fakta yang mungkin membawa kepada apa-apa prosiding yang mungkin secara material menjejaskan perniagaan atau kedudukan kewangan Pengurus.

6.7 Program Pengenalan Pasti Pelanggan

Berdasarkan undang-undang Malaysia yang berkenaan mengenai pengubahan wang haram, kami mempunyai obligasi untuk mencegah penggunaan Dana untuk tujuan pengubahan wang. Oleh itu, prosedur untuk mengenal pasti pelabur telah dikenakan. Sehubungan dengan mana-mana Permohonan Pembentukan, Pengurus memerlukan pemohon untuk memberikan nama, tarikh lahir, nombor identiti pendaftaran negara, alamat kediaman dan perniagaan, (dan alamat surat-menyurat sekiranya berbeza), nama pemilik benefisial, alamat benefisiari, nombor kad pengenalan pendaftaran nasional benefisiari, tarikh lahir benefisiari atau lain-lain pengenalan rasmi apabila pemohon membuka atau membuka semula akaun.

Maklumat tambahan mungkin diperlukan oleh pihak berkuasa berperaturan dalam keadaan tertentu. Permohonan tanpa maklumat tersebut mungkin tidak diterima dan wang permohonan akan dipulangkan kepada pemohon. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, Pengurus berhak untuk meletakkan had urus niaga dalam akaun pemohon sehingga identiti mereka disahkan.

Sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran kepada undang-undang yang terpakai, kami berkewajiban untuk memaklumkan pihak berkuasa berkenaan mengenai pelanggaran tersebut.

6.8 Pemegangan Unit Langsung dan Tidak Langsung dalam Dana

Pada 1 Julai 2021, para pengarah atau personel penting Pengurus tidak memegang Unit-unit, secara langsung atau tidak langsung, dalam Dana.

Pada 31 Mei 2021, pemegang saham utama Pengurus iaitu AmInvestment Bank Berhad tidak memegang Unit-unit, secara langsung atau tidak langsung, dalam Dana.

Bagi maklumat lanjut mengenai Pengurus dan/atau wakilnya dan apa-apa perubahan berikutnya kepada maklumat tersebut, anda boleh mendapatkan butir-butir daripada laman web kami di www.aminvest.com atau lama web Dana di www.abfmy1.com.my

7. MENGENAI PEMEGANG AMANAH

7.1 Maklumat Korporat

Pemegang Amanah adalah HSBC (Malaysia) Trustee Berhad (No. Pendaftaran: 193701000084 [1281-T]), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia sejak 1937 dan didaftarkan sebagai sebuah syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949, dengan alamat berdaftar di Tingkat 13, Bangunan HSBC, South Tower, No. 2, Leboh Ampang, 50100 Kuala Lumpur.

7.2 Tugas dan Tanggungjawab

Fungsi utama Pemegang Amanah adalah untuk bertindak sebagai pemegang amanah dan kustodian aset-aset Dana dan untuk menjaga kepentingan Pemegang-pemegang Unit. Dalam melaksanakan fungsi-fungsi ini, Pemegang Amanah perlu melaksanakan semua keperihatinan, ketekunan wajar dan berjaga-jaga dan diperlukan untuk bertindak selaras dengan peruntukan Surat Ikatan, CMSA dan Garis Panduan ETF. Selain daripada menjadi pemilik undang-undang Aset-aset Dana, Pemegang Amanah juga bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus melaksanakan tugas dan obligasinya selaras dengan peruntukan Surat Ikatan, CMSA dan Garis Panduan ETF. Berhubung dengan Jumlah Langgan, Sekuriti Pembentukan dan Komponen Terbitan Tunai (sekiranya ada) yang diserahkan oleh Peniaga yang Mengambil Bahagian bagi permohonan Unit-unit, tanggungjawab Pemegang Amanah timbul apabila Jumlah Langgan, Sekuriti Pembentukan dan Komponen Terbitan Tunai (sekiranya ada) diterima dalam akaun berkenaan Pemegang Amanah dan berhubung dengan penebusan, tanggungjawab Pemegang Amanah dilepaskan sebaik sahaja ia memindahkan Jumlah Penebusan, Sekuriti Penebusan dan Komponen Penebusan Tunai (sekiranya ada) selaras dengan Perjanjian Peniaga yang Mengambil Bahagian.

7.3 Pengalaman

Sejak 1993, Pemegang Amanah memperoleh pengalaman dalam mentadbir amanah dan telah dilantik sebagai pemegang amanah bagi dana-dana amanah saham, dana-dana didagang pada bursa, dana-dana jualan borong dan dana-dana di bawah skim persaraan persendirian.

7.4 Wakil Pemegang Amanah

Pemegang Amanah melantik Hongkong and Shanghai Banking Corporation Ltd sebagai kustodian bagi kedua-dua aset tempatan dan asing Dana. The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Ltd adalah anak syarikat milik penuh HSBC Holdings Plc, sebuah syarikat pemegang HSBC Group. Bagi pelaburan tempatan Dana yang disebut harga dan tidak disebut harga, aset-aset Dana dipegang melalui HSBC Bank Malaysia Berhad dan/atau HSBC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd. Perkhidmatan kustodi dan penjelasan komprehensif kustodian meliputi proses penyelesaian tradisional dan penjagaan selamat serta perkhidmatan berkaitan korporat termasuk tunai dan pelaporan sekuriti, kutipan pendapatan dan pemprosesan acara korporat. Semua pelaburan adalah didaftarkan atas nama Pemegang Amanah atau mengikut perintah Pemegang Amanah. Kustodian hanya bertindak selaras dengan arahan-arahan daripada Pemegang Amanah.

Pemegang Amanah akan bertanggungjawab bagi tindakan dan peninggalan perwakilannya seolah-olah itu adalah tindakan dan peninggalannya sendiri.

Walau bagaimanapun, Pemegang Amanah tidak bertanggungjawab bagi tindakan, peninggalan atau kegagalan depository pihak ketiga seperti depository sekuriti berpusat, atau sistem penjelasan dan/atau penyelesaian dan/atau institusi depository yang dibenarkan, di mana undang-undang atau peraturan bidang kuasa yang berkenaan memerlukan Pemegang Amanah untuk berurusan atau memegang mana-mana aset Dana melalui pihak ketiga.

Butir-butir mengenai Wakil Pemegang Amanah

Aset-aset tempatan dan asing:

The Hongkong And Shanghai Banking Corporation Limited

6/F, Tower 1,

HSBC Centre,

1 Sham Mong Road, Hong Kong.

No: Telefon (852)2288 1111

Aset-aset tempatan (bagi pelaburan tempatan Dana yang disebut harga dan tidak disebut harga):
The Hongkong and Shanghai Banking Corporation Limited (sebagai Kustodian) dan aset-aset dipegang melalui HSBC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (No. Pendaftaran: 199301004117 [258854-D])
No. 2, Leboh Ampang,
50100 Kuala Lumpur.
Tel: (03) 2075 3000
Faks: (03) 8894 2588

The Hongkong And Shanghai Banking Corporation Limited (sebagai Kustodian) dan aset-aset dipegang melalui HSBC Bank Malaysia Berhad (No. Pendaftaran: 198401015221 [127776-V])
No. 2, Leboh Ampang,
50100 Kuala Lumpur.
Tel: (03) 2075 3000
Faks: (03) 8894 2588

7.5 Litigasi Material

Pada 31 Mei 2021, Pemegang Amanah tidak terlibat dalam apa-apa litigasi dan timbang tara material, termasuk yang belum diputuskan atau diancam, dan tidak mengetahui mengenai apa-apa fakta yang berkemungkinan membawa kepada apa-apa prosiding yang mungkin secara material menjejaskan perniagaan/kedudukan kewangan Pemegang Amanah atau mana-mana wakilnya.

7.6 Penyata Tanggungjawab Pemegang Amanah

Pemegang Amanah telah menyatakan kesanggupannya untuk memegang jawatan sebagai pemegang amanah Dana dan semua obligasi selaras dengan Surat Ikatan, semua undang-undang dan peraturan-peraturan undang-undang yang berkaitan. Pemegang Amanah akan berhak untuk ditanggung rugi daripada Dana terhadap semua kerugian, ganti rugi atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pemegang Amanah dalam melaksanakan tugasnya atau menjalankan mana-mana kuasanya di bawah Surat Ikatan ini yang berkaitan dengan Dana. Hak untuk ditanggung rugi tidak akan meliputi kerugian yang disebabkan oleh pecah amanah, pemungkiran yang disengajakan, kecuaiian, penipuan atau kegagalan untuk menunjukkan tahap penjagaan dan ketekunan yang diperlukan daripada Pemegang Amanah dengan mengambil kira peruntukan Surat Ikatan.

7.7 Peruntukan Anti Pengubahan Wang Haram dan Anti Pembiayaan Keganasan

Pemegang Amanah mempunyai polisi dan prosedur di seluruh Kumpulan HSBC, yang mungkin melebihi peraturan tempatan. Tertakluk kepada peraturan tempatan, Pemegang Amanah tidak akan bertanggung jawab bagi apa-apa kerugian yang disebabkan oleh pematuhan polisi tersebut, kecuali dalam hal kecuaiian, pemungkiran yang disengajakan atau penipuan Pemegang Amanah.

7.8 Penyata Penafian

Pemegang Amanah tidak akan bertanggungjawab kerana melakukan atau gagal untuk bertindak bagi tujuan mematuhi dengan undang-undang, peraturan atau perintah mahkamah.

7.9 Kebenaran kepada Pendedahan

Pemegang Amanah adalah berhak untuk memproses, memindahkan, melepaskan dan mendedahkan dari masa ke masa mana-mana maklumat yang berkaitan dengan Dana, Pengurus dan Pemegang-pemegang Unit bagi tujuan melaksanakan tugas dan obligasinya selaras dengan Surat Ikatan, CMSA, Garis Panduan ETF dan undang-undang lain dan/atau obligasi berperaturan

seperti menjalankan pengurusan risiko jenayah kewangan, kepada syarikat induk Pemegang Amanah, anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu, gabungan, perwakilan, penyedia perkhidmatan, ejen dan mana-mana pihak berkuasa yang mentadbir atau mengawal selia, sama ada di dalam atau di luar Malaysia (yang juga kemudiannya boleh memproses, memindahkan, melepaskan dan mendedahkan maklumat tersebut untuk apa-apa tujuan yang dinyatakan di atas) atas dasar bahawa penerima akan terus menjaga kerahsiaan maklumat yang didedahkan, sebagaimana diperlukan oleh undang-undang, peraturan atau arahan, atau berhubung dengan

mana-mana tindakan undang-undang, atau kepada mana-mana mahkamah, agensi berperaturan, badan kerajaan atau pihak berkuasa.

7.10 Urus Niaga Pihak Berkaitan/Percanggahan Kepentingan

Sebagai pemegang amanah bagi Dana, mungkin terdapat urus niaga melibatkan pihak berkaitan atau berhubung dengan Dana dalam peristiwa berikut:-

- 1) Di mana Dana melabur dalam instrumen yang ditawarkan oleh pihak berkaitan Pemegang Amanah (contohnya penempatan wang, dan sebagainya);
- 2) Di mana Dana diagihkan oleh pihak berkaitan Pemegang Amanah sebagai Penasihat Amanah Saham Institusi (IUTA);
- 3) Di mana Aset-aset Dana dikustodikan oleh pihak berkaitan Pemegang Amanah kedua-dua seperti sub-kustodian dan/atau kustodian global Dana (wakil Pemegang Amanah); dan
- 4) Di mana Dana memperoleh pembiayaan sebagaimana dibenarkan di bawah Garis Panduan ETF, daripada pihak berkaitan Pemegang Amanah.

Pemegang Amanah mempunyai polisi dan prosedur untuk menangani percanggahan kepentingan, sekiranya ada. Pemegang Amanah tidak akan membuat penggunaan tidak wajar akan kedudukannya sebagai pemilik Aset-aset Dana untuk mendapat, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa kelebihan atau menyebabkan kerugian kepada kepentingan Pemegang-pemegang Unit. Apa-apa urus niaga dengan pihak-pihak berkaitan hendaklah dibuat atas terma-terma yang terbaik tersedia kepada Dana dan yang tidak kurang menguntungkan kepada Dana daripada urus niaga biasa di antara pihak-pihak bebas.

Tertakluk kepada yang di atas dan mana-mana peraturan tempatan, Pemegang Amanah dan/atau kumpulan syarikat yang berkaitan dengannya boleh berurusan dengan satu sama lain, Dana atau mana-mana Pemegang Unit atau memasuki apa-apa kontrak atau urus niaga dengan satu sama lain, Dana atau mana-mana Pemegang Unit atau mengekalkan apa-apa keuntungan atau manfaat untuk dirinya sendiri yang diperoleh daripada mana-mana kontrak atau urus niaga tersebut atau bertindak dalam kapasiti yang sama atau serupa berhubung dengan mana-mana skim lain.

8. TERMA-TERMA PENTING SURAT IKATAN

Surat Ikatán adalah dokumen kompleks dan berikut adalah ringkasan sahaja. Pelabur-pelabur hendaklah merujuk kepada Surat Ikatán itu sendiri untuk mengesahkan maklumat khusus atau bagi pemahaman terperinci Dana. Surat Ikatán boleh didapati untuk pemeriksaan di pejabat berdaftar Pengurus.

Surat ikatan bertarikh 12 Julai 2005 telah ditandatangani di antara AmFunds Management Berhad sebagai Pengurus, HSBC (Malaysia) Trustee Berhad sebagai Pemegang Amanah dan Pemegang-pemegang Unit. Dana adalah dibentuk melalui Surat Ikatán dan dikawal atur terutamanya oleh CMSA dan Garis Panduan ETF. Kemudiannya, surat ikatan tambahan bertarikh 30 Jun 2006, surat ikatan tambahan bertarikh 20 Jun 2007, surat ikatan tambahan kedua bertarikh 24 Februari 2015 dan surat ikatan tambahan ketiga bertarikh 16 November 2020 telah ditandatangani di antara Pengurus, Pemegang Amanah dan Pemegang-pemegang Unit. Surat ikatan bertarikh 12 Julai 2005 sebagai terpinda melalui surat ikatan tambahan bertarikh 30 Jun 2006, surat ikatan tambahan bertarikh 20 Jun 2007, surat ikatan tambahan kedua bertarikh 24 Februari 2015 dan surat ikatan tambahan ketiga bertarikh 16 November 2020 secara kolektif akan dirujuk sebagai Surat Ikatán. Terma-terma dan syarat-syarat Surat Ikatán adalah mengikat ke atas setiap Pemegang Unit seperti sekiranya beliau telah:-

- (a) menjadi pihak kepada dan telah menandatangani Surat Ikatán;
- (b) dengan itu berwaad untuk dirinya sendiri dan bagi semua orang tertentu untuk mematuhi dan menjadi terikat oleh semua peruntukannya; dan
- (c) dengan itu memberi kuasa kepada Pemegang Amanah dan Pengurus masing-masing untuk melakukan semua tindakan dan perkara tertentu sebagaimana Surat Ikatán mungkin perlukan.

8.1 Surat Ikatán

Beberapa daripada peruntukan yang lebih penting daripada Surat Ikatán telah diringkaskan dalam Prospektus ini.

Surat Ikatán menerangkan bagaimana Dana harus beroperasi dan menetapkan hak dan liabiliti Pemegang Unit dan tugas dan obligasi Pengurus dan Pemegang Amanah.

8.2 Meminda Surat Ikatán

Semua pemindaan, pengubahsuaian dan variasi kepada terma-terma Surat Ikatán hendaklah dibuat melalui surat ikatan tambahan kepada Surat Ikatán dan akan berkuat kuasa selepas pendaftaran surat ikatan tambahan dengan SC. Pengurus hendaklah mengemukakan mana-mana surat ikatan tambahan tertentu kepada SC bagi pendaftaran tertentu selaras dengan CMSA. Selain daripada yang tersebut di atas, apa-apa perubahan material kepada Surat Ikatán, termasuk apa-apa perubahan material kepada objektif pelaburan Dana mestilah diluluskan oleh Pemegang-pemegang Unit melalui resolusi tidak kurang daripada dua pertiga semua Pemegang-pemegang Unit pada mesyuarat Pemegang-pemegang Unit yang dipanggil dan diadakan sewajarnya selaras dengan peruntukan Surat Ikatán.

8.3 Hak dan Batasan Pemegang-pemegang Unit

Setiap Unit yang dipegang dalam Dana memberi hak kepada anda kepada kepentingan benefisial yang sama rata dan berkadar dalam Dana. Walau bagaimanapun, anda tidak memiliki atau mempunyai hak kepada mana-mana aset tertentu yang dipegang oleh Dana dan tidak boleh mengambil bahagian dalam membuat keputusan pengurusan melainkan dalam keadaan yang amat terhad sebagaimana dikemukakan dalam Surat Ikatán.

Anda mempunyai hak untuk: -

- (i) Menerima pengagihan pendapatan (sekiranya ada);

- (ii) Menjual Unit-unit anda;
- (iii) Memanggil, menghadiri dan mengundi pada mesyuarat (peraturan yang mentadbir pengadaaan mesyuarat adalah dinyatakan dalam Surat Ikatan); dan
- (iv) Menerima laporan tahunan dan interim Dana.

8.4 Liabiliti Pemegang-pemegang Unit

Surat Ikatan menghadkan liabiliti anda sehingga nilai pelaburan anda dalam Dana. Selaras dengan itu, sekiranya Liabiliti melebihi aset-asetnya, Pemegang Unit, tidak akan bertanggungjawab secara peribadi untuk menanggung rugi Pemegang Amanah atau Pengurus atau mana-mana pemiutang mereka masing-masing.

8.5 Yuran dan Caj yang Dibenarkan oleh Surat Ikatan

(a) Yuran Pengurus

Jumlah Yuran Pengurus boleh dikenakan kepada Dana tidak boleh melebihi maksimum satu peratus (1%) setahun daripada NAV Dana sebagaimana ditetapkan dalam Surat Ikatan. Tahap semasa Yuran Pengurus hendaklah dinyatakan dalam Prospektus ini dan Yuran Pengurus tidak boleh lebih tinggi daripada yang dinyatakan dalam Prospektus ini melainkan:

-

- (i) Yuran Pengurus yang lebih tinggi tidak melebihi kadar maksimum yang ditetapkan dalam Surat Ikatan;
- (ii) Pengurus telah memaklumkan Pemegang Amanah secara bertulis mengenai Yuran Pengurus yang lebih tinggi dan Pemegang Amanah bersetuju selepas menimbangkan perkara-perkara yang diperlukan di bawah Garis Panduan ETF;
- (iii) Pengurus telah mengumumkan kepada Bursa Securities mengenai Yuran Pengurus yang lebih tinggi dan tarikh berkuatkuasanya;
- (iv) tiga puluh (30) hari telah luput sejak tarikh pengumuman dalam Seksyen 8.5(a)(iii); dan
- (v) prospektus tambahan atau gantian yang menyatakan Yuran Pengurus yang lebih tinggi dan tarikh berkuatkuasanya, telah didaftarkan, diserahkan dan dikeluarkan.

Apa-apa peningkatan daripada kadar maksimum Yuran Pengurus sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 8.5(a) di atas hanya boleh dibuat melalui surat ikatan tambahan dan selaras dengan syarat-syarat CMSA.

(b) Yuran Pemegang Amanah

Jumlah Yuran Pemegang Amanah boleh dikenakan kepada Dana tidak boleh melebihi maksimum kosong perpuluhan lima peratus (0.5%) setahun daripada NAV Dana sebagaimana ditetapkan dalam Surat Ikatan. Yuran Pemegang Amanah hendaklah dinyatakan dalam Prospektus ini dan yuran Pemegang Amanah tidak boleh lebih tinggi daripada yang dinyatakan dalam Prospektus ini melainkan: -

- (i) Yuran Pemegang Amanah yang lebih tinggi tidak melebihi kadar maksimum yang ditetapkan dalam Surat Ikatan;
- (ii) Pemegang Amanah telah memaklumkan Pengurus secara bertulis mengenai Yuran Pemegang Amanah yang lebih tinggi dan Pengurus bersetuju selepas menimbangkan perkara-perkara yang diperlukan di bawah Garis Panduan ETF;
- (iii) Pengurus telah mengumumkan kepada Bursa Securities mengenai Yuran Pemegang Amanah yang lebih tinggi dan tarikh berkuatkuasanya;

- (iv) tiga puluh (30) hari telah luput sejak tarikh pengumuman dalam Seksyen 8.5(b)(iii); dan
- (v) prospektus tambahan atau gantian yang menyatakan Yuran Pemegang Amanah yang lebih tinggi dan tarikh berkuatkuasanya, telah didaftarkan, diserahkan dan dikeluarkan.

Apa-apa peningkatan kadar maksimum Yuran Pemegang Amanah sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 8.5(b) di atas hanya boleh dibuat melalui surat ikatan tambahan dan selaras dengan syarat-syarat CMSA.

(c) Yuran dan Caj-caj Lain

Pemegang Amanah dan Pengurus adalah berhak untuk membayar yuran, kos dan perbelanjaan berikut daripada Aset-aset Dana sehingga tahap ia ditanggung berkaitan dengan Dana:-

- ◆ apa-apa kos, yuran dan perbelanjaan untuk dibayar di bawah mana-mana lesen dan kontrak bekalan data berhubung dengan Pemberi Lesen Indeks yang ditandatangani oleh Pemegang Amanah dan/atau Pengurus berhubung dengan Dana;
- ◆ yuran pemprosesan atau pengendalian yang dilevikan oleh mana-mana orang kerana memberi perkhidmatan untuk melaksanakan apa-apa pembelian, pelupusan atau apa-apa urusan lain sekalipun dalam Aset Dana dan apa-apa perbelanjaan berkaitan dengannya, termasuk komisen/yuran yang dibayar kepada broker dan/atau peniaga dalam melaksanakan urusan niaga dalam pelaburan Dana yang dibenarkan;
- ◆ semua yuran profesional yang berkaitan dengan persetujuan dan/atau mencabar percukaian, liabiliti atau perolehan semula yang akan dibayar daripada atau dibayar ke dalam Dana;
- ◆ kesemua yuran, caj, perbelanjaan dan pembayaran mana-mana penasihat undang-undang atau peguam, akauntan, juruaudit, penasihat pelaburan, jurunilai, broker, jurubank, penasihat cukai, pakar komputer atau lain-lain penasihat profesional yang diambil bekerja atau dilantik oleh Pemegang Amanah atau Pengurus dalam penubuhan Dana, dalam menyelenggara, mengekalkan dan melindungi Aset-aset Dana dan dalam pelaksanaan berterusan tugas dan obligasi mereka masing-masing di bawah Surat Ikatan;
- ◆ semua yuran, caj, perbelanjaan dan pembayaran yang ditanggung berhubung dengan kustodi selamat, pengambilalihan, pemegangan, pendaftaran, realisasi atau lain-lain urusan niaga dengan mana-mana pelaburan atau pemegangan mana-mana pelaburan atau kustodi dokumen-dokumen hak miliknya (termasuk insurans dokumen-dokumen hak milik terhadap kehilangan semasa penghantaran, transit atau sebaliknya dan caj yang dibuat oleh ejen Pemegang Amanah bagi menyimpan dokumen dalam kustodi selamat), apa-apa yuran dan perbelanjaan yang terpakai bagi Kustodian, kustodian bersama dan/atau sub-kustodian yang dilantik selaras dengan peruntukan Surat Ikatan dan semua yuran urusan niaga sebagaimana mungkin dipersetujui dari masa ke masa di antara Pengurus dan Pemegang Amanah berhubung dengan semua urusan niaga yang melibatkan keseluruhan atau mana-mana bahagian Harta Dideposit;
- ◆ kesemua caj dan perbelanjaan yang ditanggung bagi apa-apa mesyuarat Pemegang-pemegang Unit selain daripada yang dipanggil oleh dan bagi manfaat Pengurus dan Pemegang Amanah;
- ◆ yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dalam memperoleh dan/atau mengekalkan penyenaiaan dan sebut harga Unit-unit pada Bursa Securities, dan/atau pemberian kuasa atau lain-lain kelulusan atau sanksi rasmi Dana di bawah CMSA atau mana-mana undang-undang atau peraturan berkenaan;

- ◆ yuran dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pendepositan dan pemegangan Unit-unit dengan Bursa Depository dan Rumah Penjelasan (dan dalam mana-mana depository sekuriti atau sistem penjelasan lain);
- ◆ kesemua caj, kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah berhubung dengan dan/atau berkenaan dengan penyelenggaraan laman web atau laman-laman web (mengikut keadaan) didedikasikan sepenuhnya untuk Dana dan komunikasi dengan dan/atau pemberitahuan kepada Pemegang-pemegang Unit, pendaftar dan/atau mana-mana pihak berkuasa berkenaan termasuk pemberitahuan yang dibuat berkaitan dengan Dana pada Bursa Securities, surat khabar di Malaysia dan lain-lain bentuk komunikasi yang dibenarkan / boleh diterima di bawah Garis Panduan ETF dan sebagaimana Pengurus mungkin dari masa ke masa tentukan;
- ◆ kesemua yuran, kos dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pengedaran, penyerahan simpan dan pendaftaran Prospektus pertama;
- ◆ kesemua yuran, kos dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan penyediaan apa-apa surat ikatan tambahan kepada Surat Ikatan dan berhubung penyediaan mana-mana perjanjian berhubung dengan Dana selain daripada perbelanjaan untuk manfaat Pengurus atau Pemegang Amanah;
- ◆ kesemua kos yang ditanggung berhubung dengan penyediaan, penerbitan dan pengedaran akaun teraudit dan akaun dua kali setahun tidak diaudit dan kesemua cek, penyata, notis dan lain-lain dokumen berkaitan dengan Dana;
- ◆ kesemua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung sewajarnya oleh Juruaudit berhubung dengan Dana;
- ◆ kesemua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung berhubung dengan pemecatan Pengurus, Pemegang Amanah atau Juruaudit atau pelantikan pengurus baru, pemegang amanah baru atau juruaudit baru;
- ◆ kesemua perbelanjaan yang ditanggung dalam kutipan Pendapatan (termasuk perbelanjaan yang ditanggung dalam memperoleh bayaran balik cukai atau pelepasan dan perjanjian liabiliti cukai) atau penentuan cukai;
- ◆ kesemua perbelanjaan berkaitan dengan pengagihan yang diisytiharkan selaras dengan Surat Ikatan termasuk tanpa batasan yuran untuk penentuan sah semula atau pengeluaran semula apa-apa cek pengagihan atau waran atau pindahan telegrafik;
- ◆ kesemua yuran dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dalam menamatkan Dana;
- ◆ yuran bagi penilaian Dana oleh jurunilai bebas untuk manfaat Dana;
- ◆ kesemua yuran dan perbelanjaan ahli-ahli bebas daripada jawatankuasa pelaburan dan perbelanjaan hangus Jawatankuasa Penyeliaan; dan
- ◆ caj, kos, perbelanjaan dan pembayaran lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa cukai dan duti lain yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan dan lain-lain pihak berkuasa) sebagaimana dibenarkan atau diperlukan (mengikut keadaan) di bawah undang-undang yang terpakai yang Pengurus atau Pemegang Amanah berhak untuk kenakan kepada Dana.

8.6 Pemecatan, Penggantian dan Persaraan Pengurus dan Pemegang Amanah

Persaraan dan pemecatan Pengurus

Pengurus boleh bersara daripada pengurusan Dana selepas memberi notis bertulis enam (6) bulan kepada Pemegang Amanah mengenai hasratnya untuk berbuat demikian atau masa lebih pendek sebagaimana Pengurus dan Pemegang Amanah bersetuju dengannya.

Pengurus berwaad bahawa ia akan bersara daripada pengurusan Dana apabila diperlukan untuk berbuat demikian oleh Pemegang Amanah melalui notis secara bertulis sekiranya:-

- i) Pengurus memasuki penyelesaian atau penyelesaian sementara (kecuali bagi tujuan penggabungan atau pembentukan semula atau beberapa tujuan yang serupa) atau diletakkan di bawah pengurusan rasmi atau berhenti menjalankan perniagaan atau sekiranya penerima, atau penerima dan pengurus dilantik berhubung dengan hartanah Pengurus dan tidak dipecat atau ditarik balik dalam masa tiga puluh (30) hari daripada pelantikan;
- ii) Pengurus telah melanggar obligasinya kepada Pemegang-pemegang Unit dalam cara yang, pada pendapat munasabah Pemegang Amanah, menjejaskan Pemegang-pemegang Unit tersebut dan, dalam tempoh tertentu sebagaimana dinyatakan oleh Pemegang Amanah dalam notis bertulis kepada Pengurus, pelanggaran tersebut belum diremedikan;
- iii) Pemegang-pemegang Unit melalui Resolusi Khas memutuskan bahawa Pengurus hendaklah dipecat; atau
- iv) kelulusan Pengurus untuk bertindak di bawah peruntukan CMSA dan peraturan adalah dibatalkan.

Persaraan dan pemecatan Pemegang Amanah

Pemegang Amanah boleh bersara sebagai Pemegang Amanah Dana selepas memberi notis enam (6) bulan secara bertulis kepada Pengurus atau tempoh notis yang lebih pendek sebagaimana Pengurus dan Pemegang Amanah bersetuju dengannya.

Pemegang Amanah berwaad, tertakluk kepada peruntukan CMSA dan peraturan di bawahnya, bahawa ia akan bersara daripada Dana bila dan apabila diperlukan berbuat demikian oleh Pengurus melalui notis secara bertulis sekiranya:-

- i) Pemegang Amanah memasuki penyelesaian atau penyelesaian sementara (kecuali pembubaran sukarela bagi tujuan penggabungan atau pembentukan semula atau beberapa tujuan yang serupa) atau diletakkan di bawah pengurusan rasmi atau berhenti menjalankan perniagaan atau sekiranya penerima, atau penerima dan pengurus, adalah dilantik berhubung dengan semua atau sebahagian besarnya kesemua hartanah Pemegang Amanah dan tidak dipecat atau ditarik balik dalam masa tiga puluh (30) hari daripada pelantikan;
- ii) kelulusan Pemegang Amanah untuk bertindak di bawah peruntukan CMSA dan peraturan adalah dibatalkan;
- iii) sekiranya Pemegang-pemegang Unit melalui Resolusi Khas memutuskan bahawa Pemegang Amanah hendaklah dipecat; atau
- iv) Pemegang Amanah telah melanggar obligasinya kepada Pemegang-pemegang Unit dalam cara yang, pada pendapat munasabah Pengurus, menjejaskan Pemegang-pemegang Unit tersebut dan, dalam tempoh tertentu sebagaimana dinyatakan oleh Pengurus dalam notis bertulis kepada Pemegang Amanah, pelanggaran tersebut belum diremedikan;
- v) Pemegang Amanah tidak lagi wujud;
- vi) Pemegang Amanah dilantik secara tidak sah;

- vii) Pemegang Amanah tidak layak untuk dilantik atau bertindak sebagai pemegang amanah di bawah undang-undang terpakai;
- viii) Pemegang Amanah gagal atau enggan bertindak sebagai pemegang amanah selaras dengan peruntukan atau waad Surat Ikatan atau mana-mana undang-undang terpakai;
- ix) penerima dilantik ke atas keseluruhan atau sebahagian besar aset atau usaha niaga Pemegang Amanah dan tidak berhenti bertindak di bawah pelantikan tersebut, atau petisyen dikemukakan bagi penggulingan Pemegang Amanah (selain daripada untuk tujuan dan diikuti oleh suatu penyusunan semula, melainkan semasa atau berikutan penyusunan semula Pemegang Amanah menjadi atau diisytiharkan sebagai tidak solven); atau
- x) Pemegang Amanah sedang disiasat bagi kelakuan yang melanggar Akta Syarikat Amanah 1949, Akta Pemegang Amanah 1949, Akta Syarikat 2016 atau mana-mana undang-undang terpakai.

8.7 Penamatan Dana

- (1) Dana akan dianggap telah bermula pada tarikh Surat Ikatan dan akan berterusan sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah di bawah peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Surat Ikatan ini.
- (2) Tanpa mengambil kira penamatan Dana, Pemegang Unit mana-mana Unit berhubung dengan mana, mana-mana jumlah yang masih belum dibayar akan kekal bertanggungjawab bagi jumlah tersebut sehingga dibayar kepada Pemegang Unit tersebut oleh Pemegang Amanah pengedaran akhir yang akan dibuat selaras dengan Surat Ikatan.
- (3) (a) Dana boleh ditamatkan oleh Pemegang Amanah, dengan kelulusan Pengurus (kecuali dalam kes Seksyen 8.7(3)(a)(v), (vi), (vii) dan (viii) Surat Ikatan ini) selaras dengan peruntukan CMSA sebagaimana diperuntukkan selepas ini dalam mana-mana peristiwa berikut, iaitu:-
 - (i) sekiranya ia menjadi menyalahi undang-undang atau pada pendapat Pemegang Amanah adalah mustahil atau tidak munasabah untuk meneruskan Dana;
 - (ii) sekiranya Dana akan menjadi bertanggungjawab kepada cukai (sama ada di Malaysia atau di tempat lain) berhubung dengan pendapatan atau keuntungan modal pada kadar yang dianggap oleh Pengurus sebagai berlebihan berhubung dengan kadar yang akan ditanggung oleh Pemegang Unit sekiranya mereka memiliki secara langsung Aset Dana berkenaan dalam persoalan;
 - (iii) sekiranya Unit-unit berhenti disenaraikan pada Bursa Securities;
 - (iv) sekiranya Perjanjian Lesen ditamatkan dan Perjanjian Lesen baru berkaitan dengan Penanda Aras tidak ditandatangani oleh Pemegang Amanah dan Pengurus;
 - (v) sekiranya Pengurus memasuki penyelesaian (selain daripada penyelesaian sukarela bagi tujuan pembentukan semula atau penggabungan atas terma-terma yang diluluskan sebelum ini secara bertulis oleh Pemegang Amanah) atau tidak solven atau melantik penyelesai atau sekiranya penerima dilantik berhubung dengan harta atau usaha niaga Pengurus atau mana-mana bahagiannya atau Pengurus adalah subjek mana-mana prosiding atau prosedur yang serupa dalam setiap kes di bawah undang-undang Malaysia atau undang-undang lain sebagaimana mungkin terpakai dalam keadaan di mana, selepas tamat tempoh tiga (3) bulan, Pemegang Amanah tidak melantik syarikat pengurusan baru;
 - (vi) sekiranya selepas tamat tiga (3) bulan selepas memaklumkan Pengurus bahawa pada pendapat Pemegang Amanah, perubahan syarikat pengurusan

adalah wajar demi kepentingan Pemegang-pemegang Unit dan Pemegang Amanah belum menemui syarikat lain yang bersedia menerima jawatan syarikat pengurusan Dana yang mana Pemegang Amanah dan SC akan luluskan;

- (vii) sekiranya, pada pendapat Pemegang Amanah, Pengurus telah berhenti menjalankan perniagaan; atau
- (viii) sekiranya, pada pendapat Pemegang Amanah, Pengurus telah, dengan merugikan Pemegang-pemegang Unit gagal untuk mematuhi peruntukan Surat Iktan atau melanggar mana-mana peruntukan undang-undang berkenaan.

Atas Resolusi Khas untuk menamatkan Dana diluluskan oleh Pemegang-pemegang Unit pada mesyuarat Pemegang-pemegang Unit dipanggil oleh Pemegang Amanah selaras dengan Seksyen 8.7(3)(v), (vi), (vii) atau (viii) Pemegang Amanah hendaklah memohon kepada mahkamah bagi satu perintah yang mengesahkan Resolusi Khas tersebut.

- (b) Dana boleh ditamatkan oleh Pemegang Amanah atau Pengurus melalui notis secara bertulis kepada Pemegang-pemegang Unit jika sekiranya Dana tidak lagi diluluskan di bawah CMSA.
 - (c) Keputusan Pemegang Amanah dan/atau Pengurus dalam mana-mana peristiwa yang dinyatakan dalam Seksyen 8.7 ini (dengan pengecualian Seksyen 8.7 (a) (v)) adalah muktamad dan mengikat semua pihak yang berkenaan tetapi Pemegang Amanah dan Pengurus tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kegagalan untuk menamatkan Dana selaras dengan Seksyen 8.7 ini atau sebaliknya.
 - (d) Tanpa mengambil kira penamatan Dana, Pemegang Unit mana-mana Unit dalam hubungan dengan mana-mana jumlah yang masih belum dibayar akan tetap bertanggungjawab bagi jumlah tersebut sehingga dibayar kepada Pemegang Unit tersebut oleh Pemegang Amanah pengagihan akhir yang akan dibuat selaras dengan Seksyen ini.
 - (e) Apabila berlakunya salah satu peristiwa dalam Seksyen 8.7(a) dan (b) di atas, semua urusan niaga dalam Unit-unit akan terhenti.
- (4) Pengurus hendaklah memberi notis secara bertulis mengenai penamatan Dana kepada Pemegang-pemegang Unit dan mengambil bahagian mengikut cara yang diperuntukkan dalam notis ini dan hendaklah melalui notis tersebut menetapkan tarikh bila mana penamatan tersebut akan berkuat kuasa, tarikh yang mana tidak boleh kurang daripada tiga (3) bulan selepas penyampaian notis tersebut. Pengurus hendaklah mengumumkan dengan segera kepada Bursa Securities mengenai apa-apa hasrat untuk menamatkan Dana selaras dengan Syarat-syarat Penyenaraian. Dalam keadaan di mana resolusi Pemegang-pemegang Unit bagi penamatan tidak diperlukan, Pengurus hendaklah dengan secepat mungkin selepas penamatan Dana, menyiarkan notis mengenai penamatan Dana selaras dengan undang-undang yang berkenaan.
- (5) Dana boleh ditamatkan pada bila-bila masa melalui Resolusi Khas Pemegang-pemegang Unit dan penamatan tersebut akan berkuat kuasa dari tarikh bila mana Resolusi Khas tersebut diluluskan atau tarikh terkemudian (sekiranya ada) sebagaimana Resolusi Khas mungkin peruntukkan.
- (6) Apabila Dana ditamatkan:-
- (a) Pemegang Amanah hendaklah menjual atau merealis semua atau sebahagian daripada Aset Dana ketika itu kekal berada dalam tangannya sebagai sebahagian daripada Aset Dana sebagaimana Pemegang Amanah mengikut budi bicara mutlaknya tentukan dan jualan dan bayaran balik tersebut akan dijalankan dan dilengkapkan dalam cara dan dalam tempoh tertentu selepas penamatan Dana sebagaimana Pemegang Amanah anggap perlu. Tertakluk kepada Seksyen 8.7(6)(c),

apa-apa perolehan tunai bersih yang diperoleh daripada jualan atau realisasi tersebut dan mana-mana tunai lain yang selebihnya berada dalam tangannya sebagai sebahagian daripada Aset Dana berkenaan hendaklah pada masa atau masa-masa tertentu sebagaimana Pemegang Amanah anggap mudah untuk diagihkan kepada Pemegang-pemegang Unit secara pro rata kepada bilangan Unit yang dipegang atau dianggap sebagai dipegang masing-masing oleh mereka;

- (b) tertakluk kepada Seksyen 8.7(6)(c), sekiranya semua atau mana-mana bahagian daripada Aset-aset Dana tidak dijual atau direalisasi, Pemegang Amanah akan menjalankan dan melengkapkan pengagihan dalam cara tertentu dan dalam tempoh tertentu selepas penamatan Dana sebagaimana Pemegang Amanah mengikut budi bicara mutlaknya anggap wajar;
- (c) Pemegang Amanah akan menjadi berhak untuk mengekalkan mana-mana bahagian Aset Dana dalam tangannya di bawah peruntukan Seksyen 8.7(6) sehingga tahap yang diperlukan, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk membuat peruntukan penuh bagi kesemua kos, caj, perbelanjaan, tuntutan dan permintaan yang ditanggung, dibuat atau difahami oleh Pemegang Amanah merupakan sama ada berhubung dengan atau timbul daripada penyelesaian Dana atau sebaliknya perlu dibayar balik sewajarnya daripada Aset-aset Dana selaras dengan Surat Ikatan atau undang-undang yang terpakai dan daripada wang yang disimpan tersebut untuk ditanggung rugi dan dipastikan tidak memudaratkan terhadap apa-apa kos, caj, perbelanjaan, tuntutan dan permintaan;
- (d) mana-mana tunai yang tidak dituntut yang dipegang oleh Pemegang Amanah pada masa tertentu akan diuruskan selaras dengan Akta Wang Tidak Dituntut, 1965; dan
- (e) tidak ada Unit-unit selanjutnya akan diterbitkan dan tidak ada Unit yang ada boleh ditebus dari masa permulaan penyelesaian dan selepas penyelesaian Dana.

8.8 Mesyuarat Pemegang-pemegang Unit

- (1) Pemegang Amanah atau Pengurus masing-masing boleh pada bila-bila masa mengadakan mesyuarat Pemegang-pemegang Unit pada masa atau tempat tertentu di Malaysia (tertakluk sebagaimana diperuntukkan selepas ini) sebagai pihak yang mengadakan mesyuarat mungkin fikir sesuai dan peruntukan berikut Surat Ikatan akan terpakai kepadanya. Pengurus hendaklah memanggil mesyuarat Pemegang-pemegang Unit sekiranya tidak kurang daripada lima puluh (50) Pemegang Unit atau sepuluh peratus (10%) daripada semua Pemegang Unit, yang mana berkurangan, mengarahkan Pengurus untuk melakukan sedemikian secara bertulis yang dihantar kepada pejabat berdaftar Pengurus bagi tujuan:
 - (a) menimbangkan penyata kewangan terkini Dana;
 - (b) memberi Pemegang Amanah arahan tertentu sebagaimana mesyuarat fikirkan wajar; atau
 - (c) menimbangkan mana-mana perkara lain yang berkaitan dengan Surat Ikatan.
- (2) (a) Di mana mesyuarat diadakan untuk meluluskan resolusi biasa, sekurang-kurangnya empat belas (14) hari notis bertulis (tidak termasuk hari bila mana notis disampaikan atau dianggap sebagai disampaikan dan hari untuk yang mana notis diberi) mengenai mesyuarat tersebut hendaklah diberikan kepada Pemegang-pemegang Unit oleh Pengurus atau Pemegang Amanah dalam cara yang diperuntukkan dalam Surat Ikatan.
- (b) Di mana mesyuarat diadakan untuk meluluskan Resolusi Khas, sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari notis bertulis (tidak termasuk hari bila mana notis disampaikan atau dianggap sebagai disampaikan dan hari untuk yang mana notis diberi) mengenai mesyuarat tersebut hendaklah diberikan kepada Pemegang-

pemegang Unit oleh Pengurus atau Pemegang Amanah dalam cara yang diperuntukkan dalam Surat Ikatan.

- (c) Di mana resolusi yang memerlukan kelulusan oleh tidak kurang daripada dua pertiga daripada semua Pemegang Unit pada mesyuarat Pemegang-pemegang Unit, sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari notis bertulis (tidak termasuk hari bila mana notis disampaikan atau dianggap sebagai disampaikan dan hari untuk yang mana notis diberi) mengenai mesyuarat tersebut hendaklah diberikan kepada Pemegang-pemegang Unit oleh Pengurus atau Pemegang Amanah dalam cara yang diperuntukkan dalam Surat Ikatan.
 - (d) Notis hendaklah dalam bentuk pekeliling dan hendaklah menyatakan tempat, masa mesyuarat, sifat am urusan untuk diuruskan dan terma-terma mana-mana resolusi yang akan dicadangkan di situ. Salinan notis hendaklah dihantar kepada Pemegang Amanah melainkan mesyuarat diadakan oleh Pemegang Amanah. Peninggalan yang tidak disengajakan untuk memberi notis kepada atau ketidakterimaan notis oleh mana-mana Pemegang Unit tidak akan mentaksahkan prosiding pada mana-mana mesyuarat. Pengurus hendaklah menyiarkan iklan yang memberikan notis berkenaan mengenai mesyuarat Pemegang-pemegang Unit sekurang-kurangnya dalam salah satu surat khabar harian Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris yang diedarkan dalam negara. Mesyuarat Pemegang-pemegang Unit hendaklah diadakan tidak kurang daripada dua (2) bulan selepas notis diberi di tempat dan masa yang dinyatakan dalam notis dan iklan.
- (3) Pada mana-mana mesyuarat, sekurang-kurangnya lima (5) Pemegang Unit hadir sendiri atau melalui proksi akan membentuk kuorum bagi mengurus urusan melainkan untuk tujuan meluluskan Resolusi Khas. Kuorum bagi meluluskan Resolusi Khas hendaklah sekurang-kurangnya lima (5) Pemegang Unit yang hadir sendiri atau melalui proksi yang didaftarkan sebagai memegang tidak kurang daripada dua puluh lima peratus (25%) Unit dalam terbitan dengan syarat bahawa sekiranya terdapat hanya lima (5) atau kurang daripada lima (5) Pemegang Unit, kuorum pada mana-mana mesyuarat hendaklah oleh kesemua Pemegang Unit buat masa ini. Tiada urusan boleh diuruskan pada mana-mana mesyuarat melainkan kuorum yang diperlukan hadir pada permulaan urusan.
- (4) Setiap Pemegang Unit (merupakan seorang individu) yang hadir sendiri atau melalui proksi atau (merupakan syarikat) hadir melalui salah seorang wakilnya atau melalui proksi akan mempunyai satu undi bagi setiap Unit yang beliau atau ianya adalah Pemegang Unit dan tidak perlu membuang semua undi kepada mana beliau atau ianya adalah berhak dalam cara yang sama.
- (5) Setiap Pemegang Unit akan berhak untuk hadir dan mengundi pada mana-mana mesyuarat Pemegang-pemegang Unit, dan akan berhak untuk melantik peguambela, juruaudit syarikat yang diluluskan atau orang yang diluluskan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai proksi beliau untuk hadir dan mengundi. Di mana Pemegang Unit adalah penama dibenarkan sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), 1991, ia boleh melantik sekurang-kurangnya seorang (1) proksi berhubung dengan setiap akaun sekuriti yang ia pegang dengan unit-unit yang berada dalam kredit akaun sekuriti tersebut. Di mana Pemegang Unit melantik dua (2) proksi selaras dengan peruntukan ini, pelantikan akan menjadi tidak sah melainkan beliau menyatakan perkadaran pemegangan beliau untuk diwakili oleh setiap proksi. Proksi tersebut akan mempunyai hak yang sama seperti ahli untuk mengundi sama ada atas pengundian secara pol atau atas unjukan tangan, untuk bercakap dan untuk dihitng dalam korum.
- (6) Mana-mana Pemegang Unit merupakan syarikat boleh melalui resolusi para pengarahnya atau badan mentadbir lain memberi kuasa kepada mana-mana orang untuk bertindak sebagai wakilnya pada mana-mana mesyuarat Pemegang Unit, dan orang yang diberi kuasa sedemikian hendaklah pada mesyuarat tersebut menjadi berhak untuk melaksanakan kuasa yang sama bagi pihak syarikat sebagaimana syarikat boleh laksanakanannya sekiranya ia adalah Pemegang Unit individu.

- (7) Dalam hal persamaan undi pengerusi mesyuarat Pemegang Unit akan mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undinya (sekiranya ada) sebagai Pemegang Unit kedua-dua atas unjukan tangan dan atas pengundian secara pol.
- (8) Setiap soalan yang timbul pada mesyuarat agung Pemegang-pemegang Unit hendaklah diputuskan melalui pengundian secara pol.
- (9) Ke atas mana-mana soalan yang diputuskan melalui pengundian secara pol, setiap Pemegang Unit yang hadir sendiri atau melalui proksi akan mempunyai satu undi bagi setiap Unit yang dibayar sepenuhnya.
- (10) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang yang terpakai, Pengurus dan/atau Pemegang Amanah mempunyai kuasa untuk mengadakan mesyuarat Pemegang Unit secara maya melalui persidangan video, komunikasi berasaskan web, kemudahan komunikasi atau elektronik atau teknologi lain yang tersedia dari masa ke masa, tertakluk kepada pemenuhan syarat-syarat berikut:
- (a) Pengurus dan/atau Pemegang Amanah hendaklah:
- (i) memastikan bahawa terdapat infrastruktur yang boleh dipercayai untuk membolehkan perjalanan mesyuarat maya termasuk membolehkan Pemegang-pemegang Unit untuk melaksanakan hak-hak mereka untuk bercakap dan mengundi pada mesyuarat maya;
 - (ii) menyediakan garis panduan kepada Pemegang-pemegang Unit mengenai syarat-syarat dan kaedah mengambil bahagian dalam mesyuarat maya menggunakan platform yang dipilih;
 - (iii) mengenal pasti tempat penyiaran sebagai tempat mesyuarat dan menyatakan platform dalam talian yang akan digunakan untuk mesyuarat maya dalam notis secara bertulis kepada Pemegang-pemegang Unit;
 - (iv) memastikan hanya Pemegang-pemegang Unit dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam mesyuarat maya; dan
 - (v) mematuhi arahan, keselamatan dan keperluan berjaga-jaga yang terpakai yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkenaan;
- (b) tempat penyiaran adalah tempat fizikal di Malaysia di mana pengerusi mesyuarat mesti hadir secara fizikal;
- (c) penyertaan oleh Pemegang Unit dalam mesyuarat Pemegang-pemegang Unit oleh mana-mana kemudahan komunikasi yang disebut dalam Seksyen 8.8 (10) ini akan dianggap sebagai kehadiran dalam mesyuarat Pemegang-pemegang Unit tersebut dan akan dikira dalam kuorum tanpa mengambil kira fakta bahawa Pemegang Unit tidak hadir secara fizikal di tempat utama di mana mesyuarat Pemegang-pemegang Unit akan diadakan; dan
- (d) peruntukan Jadual Kedua Surat Ikatan hendaklah *mutatis mutandis* terpakai kepada mesyuarat maya Pemegang-pemegang Unit.

Melainkan ditetapkan sebaliknya oleh undang-undang yang berkenaan, mesyuarat Pemegang-pemegang Unit dipanggil selaras dengan Seksyen 8.8(10) ini tidak akan dianggap telah diteruskan bagi tempoh atau tempoh-tempoh tertentu di mana kemudahan komunikasi yang dirujukkan dalam Seksyen 8.8 (10) ini telah diputuskan. Pengerusi mesyuarat akan mempunyai budi bicara untuk menangguhkan mesyuarat yang telah dihentikan dan yang tidak dapat disambungkan semula dalam waktu yang munasabah, pada tarikh dan masa lain yang akan dipersetujui oleh Pemegang-pemegang Unit yang hadir dalam mesyuarat.

9. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

9.1 Urus Niaga Pihak Berkaitan Sedia Ada dan Dicadangkan

9.1.1 Pengurus

Semua urus niaga dengan pihak-pihak berkaitan hendaklah disempurnakan atas terma-terma yang paling baik tersebut kepada Dana dan yang tidak kurang menguntungkan kepada Dana daripada urus niaga atas terma-terma biasa antara pihak-pihak bebas. Dana boleh berurusan dengan pihak-pihak yang berkaitan dengan Pengurus. Pihak-pihak berkaitan ditakrifkan adalah AmlIslamic Funds Management Sdn Bhd (“AIFM”), AmlInvestment Bank Berhad, AmlInvestment Group Berhad, AmBank (M) Berhad dan AmBank Islamic Berhad.

9.1.2 Pemegang Amanah

Mana-mana urus niaga pihak berkaitan hendaklah dibuat atas terma-terma yang paling baik tersedia kepada Dana dan yang tidak kurang menguntungkan kepada Dana daripada urus niaga atas terma-terma biasa antara pihak-pihak bebas.

Tertakluk kepada peraturan di atas dan mana-mana peraturan tempatan, Pemegang Amanah dan/atau kumpulan syarikat-syarikat berkaitannya boleh berurusan antara satu sama lain, Dana atau mana-mana Pemegang Unit atau memasuki mana-mana kontrak atau urus niaga antara satu sama lain, Dana atau mana-mana Pemegang Unit atau mengekalkan bagi manfaatnya sendiri apa-apa keuntungan atau manfaat yang diperoleh daripada mana-mana kontrak atau urus niaga atau bertindak dengan kapasiti yang sama atau yang serupa berhubung dengan mana-mana skim lain.

9.2 Percanggahan Kepentingan

Pada 31 Mei 2021, kecuali sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 9.1 dan 9.6 Prospektus ini, Pengurus tidak menyedari akan apa-apa keadaan yang wujud atau berkemungkinan akan wujud untuk menimbulkan kemungkinan keadaan percanggahan kepentingan dalam keupayaannya sebagai Pengurus Dana.

9.3 Polisi-polisi Berurusan dengan Keadaan Percanggahan Kepentingan

9.3.1 Pengurus

Perdagangan dalam sekuriti oleh kakitangan adalah dibenarkan, dengan syarat bahawa polisi dan prosedur berhubung dengan urusan akaun peribadi adalah diperhatikan dan dipatuhi. Para pengarah, ahli jawatankuasa pelaburan dan kakitangan diperlukan untuk mendedahkan pemegang portfolio dan urusan urus niaga mereka sebagaimana diperlukan di bawah Polisi Percanggahan Kepentingan. Selanjutnya, yang disebutkan di atas hendaklah membuat pendedahan mengenai pemegang jawatan pengarah dan kepentingan mereka dalam mana-mana syarikat.

9.3.2 Pemegang Amanah

Pemegang Amanah mempunyai polisi dan prosedur untuk menangani percanggahan kepentingan, sekiranya ada. Pemegang Amanah tidak akan menggunakan secara tidak wajar kedudukannya sebagai pemilik Aset-aset Dana untuk mendapatkan, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa kelebihan atau menyebabkan kerugian kepada kepentingan Pemegang-pemegang Unit. Mana-mana urus niaga pihak berkaitan hendaklah dibuat atas terma-terma yang paling baik tersedia kepada Dana dan yang tidak kurang menguntungkan kepada Dana daripada urus niaga atas terma-terma biasa antara pihak-pihak bebas.

Tertakluk kepada peraturan di atas dan mana-mana peraturan tempatan, Pemegang Amanah dan/atau kumpulan syarikat-syarikat berkaitannya boleh berurusan antara satu sama lain, Dana atau mana-mana Pemegang Unit atau memasuki mana-mana kontrak atau

urus niaga antara satu sama lain, Dana atau mana-mana Pemegang Unit atau mengekalkan bagi manfaatnya sendiri apa-apa keuntungan atau manfaat yang diperoleh daripada mana-mana kontrak atau urus niaga atau bertindak dengan kapasiti yang sama atau yang serupa berhubung dengan mana-mana skim lain.

9.4 Butir-butir mengenai Kepentingan Langsung dan Tidak Langsung para Pengarah Pengurus dalam Syarikat-syarikat Lain yang Menjalankan Perniagaan yang Serupa

Para pengarah AFM mungkin mempunyai kepentingan langsung atau tidak langsung melalui jawatan pengarah mereka dalam AIFM. Berikut adalah butir-butir mengenai para pengarah:

- Tai Terk Lin adalah pengarah bebas AIFM.
- Goh Wee Peng adalah pengarah bukan bebas AIFM.

9.5 Butir-butir mengenai Kepentingan Langsung dan Tidak Langsung Pemegang-pemegang Saham Utama Pengurus dalam Syarikat-syarikat Lain yang Menjalankan Perniagaan yang Serupa

Kecuali sebagaimana dinyatakan di bawah, pada 31 Mei 2021, pemegang saham utama Pengurus tidak mempunyai kepentingan langsung atau tidak langsung dalam syarikat-syarikat lain yang menjalankan perniagaan yang serupa:

Nama	Perniagaan/Syarikat	Jenis Kepentingan	Kepentingan Langsung	Kepentingan Tidak Langsung
AmInvestment Bank Berhad	AmIslamic Funds Management Sdn Bhd	Pemegang saham	% 100.0	% -

9.6 Perisytiharan Percanggahan Kepentingan

Pada 31 Mei 2021, melainkan sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 7.10, Seksyen 9.1 dan Seksyen 9.3 Prospektus ini, tidak ada penasihat (iaitu Pemegang Amanah, penasihat cukai, juruaudit dan peguamcara) yang mempunyai apa-apa percanggahan kepentingan sedia ada atau berpotensi dalam keupayaan nasihat dengan Dana dan/atau kami.

10. PERCUKAIAN

Sulit & Peribadi

11 Februari 2021

Lembaga Pengarah
AmFunds Management Berhad
Tingkat 9 & 10, Bangunan AmBank Group
No. 55, Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur

Tuan

ABF Malaysia Bond Index Fund Percukaian Dana dan Pemegang-pemegang Unit

1. Surat ini telah disediakan untuk kemasukan dalam Prospektus berhubung dengan tawaran unit-unit dalam ABF Malaysia Bond Index Fund (selepas ini dirujuk sebagai "Dana").

Yang berikut adalah maklumat am berdasarkan undang-undang cukai Malaysia yang berkuat kuasa pada masa penyerahan simpan Prospektus Induk dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan pelabur-pelabur hendaklah menyedari bahawa undang-undang cukai mungkin berubah pada bila-bila masa. Sehingga tahap tertentu, pemakaian undang-undang cukai bergantung kepada keadaan individu pelabur. Maklumat yang disediakan di bawah tidak membentuk nasihat undang-undang cukai. Pengurus dengan itu mengesyorkan agar pelabur meminta nasihat akauntan atau penasihat cukai beliau mengenai persoalan tentang kedudukan cukai individu beliau.

2. Percukaian Dana

2.1 Cukai Pendapatan

Memandangkan Pemegang Amanah Dana adalah residen di Malaysia, Dana dianggap sebagai residen di Malaysia. Percukaian Dana adalah pada dasarnya ditadbir oleh Seksyen 61 dan 63B Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967 ("MITA").

Selaras dengan Seksyen 2(7) MITA, apa-apa rujukan kepada faedah akan terpakai, *mutatis mutandis*, kepada laba atau keuntungan yang diterima dan perbelanjaan yang ditanggung, sebagai ganti faedah, dalam urus niaga yang dijalankan selaras dengan prinsip-prinsip Syariah. Kesan daripada ini adalah bahawa apa-apa laba atau keuntungan yang diterima dan perbelanjaan yang ditanggung, sebagai ganti faedah, dalam urus niaga yang dijalankan selaras dengan prinsip-prinsip Syariah, akan diberi pengolahan cukai yang sama seolah-olah ia adalah faedah.

Pendapatan Dana berhubung dengan dividen, faedah atau keuntungan daripada deposit dan lain-lain pendapatan pelaburan (selain daripada pendapatan yang dikecualikan daripada cukai) yang diperoleh daripada atau terakru di Malaysia adalah boleh dikenakan cukai pendapatan. Dana mungkin menerima pendapatan seperti yuran keluar yang akan menjadi tertakluk kepada cukai pada kadar cukai lazim yang terpakai ke atas Dana. Laba atas pelupusan pelaburan oleh Dana tidak akan tertakluk kepada cukai pendapatan.

Kadar cukai pendapatan terpakai kepada Dana adalah 24%.

Faedah dikecualikan cukai sebagaimana tersenarai dalam Apendiks dilampirkan yang diterima oleh Dana adalah tidak tertakluk kepada cukai pendapatan.

...2/-

Berkuat kuasa dari 1 Januari 2014, Malaysia berpindah sepenuhnya kepada sistem cukai pendapatan satu tier. Dana tidak tertakluk kepada cukai ke atas mana-mana dividen diperoleh dari Malaysia yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan kepada Dana di bawah sistem cukai satu tier, di mana syarikat membayar dividen tersebut tidak berhak untuk menolak cukai di bawah MITA. Potongan cukai untuk potongan lain oleh Dana terhadap pendapatan dividen tersebut tidak akan diambil kira dalam menentukan pendapatan Dana yang boleh dicukai.

Selain daripada dividen satu tier yang mungkin diterima oleh Dana, Dana mungkin juga menerima dividen Malaysia yang dikecualikan cukai daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat yang telah sebelum ini menikmati atau yang sedang menikmati pada masa ini pelbagai insentif cukai yang diperuntukkan di bawah undang-undang. Dana adalah tidak tertakluk kepada cukai pendapatan ke atas pendapatan dividen yang dikecualikan cukai sedemikian.

Dana mungkin juga menerima dividen, keuntungan dan lain-lain pendapatan daripada pelaburan yang di luar Malaysia. Pendapatan yang diperoleh daripada sumber di luar Malaysia dan diterima di Malaysia oleh amanah saham adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan Malaysia. Walau bagaimanapun, pendapatan sedemikian mungkin tertakluk kepada cukai asing dalam negara daripada mana pendapatan diperoleh.

Pengolahan cukai instrumen perlindungan nilai akan bergantung kepada instrumen perlindungan nilai tertentu yang dimasuki. Pada amnya, apa-apa keuntungan atau kerugian berkait dengan bahagian pokok akan dianggap sebagai keuntungan atau kerugian modal. Keuntungan atau kerugian berkait dengan bahagian pendapatan akan biasanya dianggap sebagai keuntungan atau kerugian hasil. Keuntungan atau kerugian ke atas penilaian semula akan hanya dicukai atau dituntut apabila direalisasikan. Apa-apa keuntungan atau kerugian ke atas pertukaran asing adalah dianggap sebagai keuntungan atau kerugian modal sekiranya ia timbul daripada penilaian semula bahagian pokok pelaburan.

Pada amnya, pendapatan daripada pengagihan oleh Amanah Pelaburan Harta Tanah Malaysia ("REIT") akan diterima bersih daripada cukai tahanan sebanyak 10%. Tiada cukai selanjutnya perlu dibayar oleh Dana ke atas pengagihan. Pengagihan daripada pendapatan tersebut oleh Dana juga tidak akan tertakluk kepada cukai selanjutnya dalam tangan Pemegang-pemegang Unit.

Perbelanjaan yang merupakan imbuhan pengurus, penyelenggaraan daftar Pemegang-pemegang Unit, perbelanjaan pendaftaran saham, yuran kesetiausahaan, audit dan perakaunan, caj telefon, kos pencetakan dan alat tulis dan pos, yang tidak dibenarkan di bawah peraturan potongan am, layak bagi potongan khas, tertakluk kepada minimum 10% dan maksimum 25% daripada perbelanjaan tersebut selaras dengan Seksyen 63B MITA.

2.2 Keuntungan ke atas Pelupusan Pelaburan

Keuntungan ke atas pelupusan pelaburan oleh Dana tidak akan tertakluk kepada cukai pendapatan tetapi di mana pelaburan mewakili saham-saham dalam syarikat-syarikat harta tanah, keuntungan tersebut mungkin tertakluk kepada Cukai Keuntungan Harta Tanah ("RPGT") di bawah Akta RPGT, 1976. Sebuah syarikat harta tanah adalah syarikat terkawal yang memiliki atau membeli harta tanah atau saham-saham dalam syarikat harta tanah dengan nilai pasaran tidak kurang daripada 75% daripada jumlah aset ketaranya. Sebuah syarikat terkawal adalah syarikat yang tidak mempunyai lebih daripada 50 ahli dan dikawal oleh tidak lebih daripada 5 orang.

2.3 Cukai Perkhidmatan

Penerbitan unit-unit oleh Dana kepada pelabur-pelabur tidak akan tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan. Sebarang pengagihan yang dibuat oleh Dana kepada Pemegang-pemegang Unit juga tidak tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan. Dana tidak akan diperlukan untuk membayar Cukai Perkhidmatan ke atas pengambilalihan perkhidmatan pengurusan Dana daripada Pengurus Dana.

...3/-

Sehingga tpa yang Dana labur dalam mana-mana produk perkhidmatan kewangan (sebagai contoh sekuriti, derivatif, unit-unit dalam dana atau amanah saham), pengambilalihan kepentingan ini juga tidak akan tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan.

Sekiranya Dana memperoleh mana-mana perkhidmatan boleh dicukai yang diimport daripada penyedia perkhidmatan luar Malaysia, perkhidmatan ini akan menjadi tertakluk kepada 6% Cukai Perkhidmatan. Dana akan diperlukan untuk memfailkan penyata SST-02A atas dasar *ad hoc* dan melaporkan serta membayar jumlah cukai ini kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

3. Percukaian Pemegang-pemegang Unit

3.1 Pengagihan Boleh Dicukai

Pemegang-pemegang Unit akan dikenakan cukai ke atas jumlah yang bersamaan dengan bahagian mereka daripada jumlah pendapatan Dana boleh dicukai sehingga tahap pendapatan tersebut diagihkan kepada mereka. Pemegang-pemegang Unit juga bertanggungjawab untuk membayar cukai pendapatan ke atas pengagihan pendapatan boleh dicukai yang dibayar oleh Dana. Pengagihan pendapatan boleh dicukai membawa kredit cukai berhubung dengan cukai boleh dikenakan ke atas bahagian tersebut daripada Dana. Pemegang-pemegang Unit akan tertakluk kepada cukai ke atas jumlah bersamaan dengan pengagihan pendapatan boleh dicukai bersih campur cukai mendasari boleh dikaitkan dibayar oleh Dana.

Pendapatan diagihkan kepada Pemegang-pemegang Unit biasanya boleh dicukai seperti berikut di Malaysia :-

Pemegang-pemegang Unit	Kadar Cukai Malaysia bagi Tahun Taksiran 2020	Kadar Cukai Malaysia bagi Tahun Taksiran 2021
<p>Residen cukai Malaysia:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pemegang-pemegang Unit Individu dan bukan korporat ▪ Pertubuhan koperasi <p>Residen cukai Malaysia:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Badan amanah 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kadar cukai progresif berkisar daripada 0% hingga 30% ▪ Kadar cukai progresif berkisar daripada 0% hingga 24% ▪ 24% 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kadar cukai progresif berkisar daripada 0% hingga 30% ▪ Bagi individu residen cukai dalam lingkungan pendapatan boleh dikenakan cukai sebanyak RM50,000 hingga RM70,000, kadar cukai akan dikurangkan sebanyak 1% ▪ Kadar cukai progresif berkisar daripada 0% hingga 24% ▪ 24%

Pemegang-pemegang Unit	Kadar Cukai Malaysia bagi Tahun Taksiran 2020	Kadar Cukai Malaysia bagi Tahun Taksiran 2021
<ul style="list-style-type: none"> • Pemegang-pemegang Unit Korporat <ul style="list-style-type: none"> i. Syarikat dengan modal berbayar berhubung dengan saham biasa tidak lebih daripada RM2.5 juta di mana modal berbayar berhubung dengan saham biasa lain-lain syarikat dalam kumpulan yang sama dengan syarikat tersebut adalah tidak lebih daripada RM2.5 juta (pada permulaan tempoh asas bagi tahun taksiran) dan mempunyai pendapatan kasar daripada sumber atau sumber-sumber yang terdiri daripada perniagaan tidak lebih daripada RM50 juta bagi tempoh asas tahun taksiran. ii. Syarikat-syarikat selain daripada yang disebut dalam (i) di atas. <p>Residen cukai bukan Malaysia:</p> <ul style="list-style-type: none"> iii. Pemegang-pemegang Unit Individu dan bukan korporat iv. Pertubuhan koperasi 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 17% bagi setiap RM600,000 pertama daripada pendapatan boleh dikenakan dicukai ▪ 24% bagi pendapatan boleh dikenakan cukai melebihi RM600,000 ▪ 24% • 30% • 24% 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 17% bagi setiap RM600,000 pertama daripada pendapatan boleh dikenakan dicukai ▪ 24% bagi pendapatan boleh dikenakan cukai melebihi RM600,000 ▪ 24% • 30% • 24%

Kredit cukai yang boleh dikaitkan kepada pendapatan diagih kepada Pemegang-pemegang Unit akan tersedia untuk ditolak terhadap cukai yang perlu dibayar oleh Pemegang-pemegang Unit. Tiada cukai tahanan ke atas pengagihan boleh dicukai yang dibuat kepada Pemegang-pemegang Unit bukan residen.

Pemegang-pemegang Unit bukan residen juga boleh menjadi tertakluk kepada cukai dalam bidang kuasa mereka masing-masing dan bergantung pada peruntukan perundangan cukai berkenaan dan apa-apa triti cukai dua kali dengan Malaysia, cukai Malaysia yang ditanggung boleh dikreditkan dalam bidang kuasa cukai asing.

...5/-

3.2 Pengagihan Dikecualikan Cukai

Pengagihan dikecualikan cukai yang dibuat daripada keuntungan daripada realisasi pelaburan dan lain-lain pendapatan dikecualikan yang diperolehi oleh Dana tidak akan menjadi tertakluk kepada cukai Malaysia dalam tangan Pemegang-pemegang Unit, sama ada individu atau korporat, residen atau bukan residen. Kesemua Pemegang Unit tidak membayar cukai ke atas bahagian pengagihan pendapatan mereka daripada akaun penyamaan pengagihan Dana.

3.3 Baucar Pengagihan

Untuk membantu melengkapkan penyata cukai Pemegang-pemegang Unit, Pengurus akan menghantar kepada setiap Pemegang Unit baucar pengagihan bila dan apabila pengagihan dibuat. Ini menetapkan pelbagai komponen pendapatan diagih dan jumlah boleh dikaitkan dengan cukai pendapatan yang telah pun dibayar oleh Dana.

3.4 Jualan, Pemindahan atau Penebusan Unit

Apa-apa keuntungan yang direalisasikan oleh Pemegang Unit ke atas jualan, pemindahan atau penebusan unit-unit beliau adalah biasanya keuntungan modal bebas cukai melainkan Pemegang Unit adalah syarikat insurans, institusi kewangan atau orang yang berdagang atau berurusan dalam sekuriti. Pada amnya, keuntungan yang direalisasi oleh kategori Pemegang Unit ini membentuk pendapatan perniagaan di mana cukai boleh dikenakan.

3.5 Pelaburan Semula Pengagihan

Pemegang-pemegang Unit yang menerima pengagihan pendapatan mereka melalui pelaburan dalam bentuk pembelian unit-unit baru akan dianggap telah menerima pengagihan pendapatan selepas cukai mereka dan melaburkan semula jumlah tersebut ke dalam Dana.

3.6 Pecahan Unit

Pecahan-pecahan unit yang diterbitkan oleh Dana tidak akan dicukai dalam tangan Pemegang-pemegang Unit.

Yang benar

Mark Chan Keat Jin
Pengarah Eksekutif

Pendapatan Amanah Saham Dikecualikan Cukai

1. Faedah atau diskaun dibayar atau dikreditkan kepada mana-mana individu, amanah saham dan dana tertutup tersenarai berhubung dengan yang berikut akan dikecualikan daripada cukai: -
 - Sekuriti atau bon yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan; atau
 - Debentur atau sukuk, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, diluluskan atau dibenarkan oleh, atau diserahkan simpan dengan, SC; atau
 - Bon Simpanan Malaysia yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.

2. Pendapatan amanah saham berhubung dengan faedah yang diperoleh dari Malaysia dan dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana bank atau institusi kewangan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("FSA") atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA") or atau mana-mana institusi kewangan pembangunan yang dikawal selia di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 ("DFIA").

Dengan syarat bahawa pengecualian tidak terpakai kepada faedah yang dibayar atau dikreditkan kepada unit amanah yang adalah dana jualan borong yang merupakan dana pasaran wang.

Selain daripada yang di atas, Menteri Kewangan ("MoF") telah memaklumkan melalui surat mereka bertarikh 23 Januari 2020 kepada SC bahawa pengecualian cukai ke atas pendapatan faedah yang diterima oleh pelabur-pelabur korporat bagi pelaburan dalam dana pasaran wang runcit akan ditarik balik berkuat kuasa mulai 1 Julai 2020. Walau bagaimanapun, MoF telah bersetuju untuk menangguhkan tarikh luput kepada 1 Julai 2021 melalui suratnya kepada SC bertarikh 17 April 2020.

3. Faedah berhubung dengan mana-mana sijil simpanan yang diterbitkan oleh Kerajaan.
4. Faedah dibayar atau dikredit kepada mana-mana orang berhubung dengan Sukuk yang berasal daripada Malaysia, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diterbitkan dalam mana-mana mata wang selain daripada RM dan diluluskan atau dibenarkan oleh, atau diserahkan simpan dengan, SC atau diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Labuan.
5. Faedah yang diterima berhubung dengan bon-bon dan sekuriti-sekuriti yang diterbitkan oleh Pengurusan Danaharta Nasional Berhad di dalam dan di luar Malaysia.
6. Pendapatan faedah yang diperoleh daripada bon-bon (selain daripada stok pinjaman boleh tukar) yang dibayar atau dikreditkan oleh mana-mana syarikat yang tersenarai di Malaysia Exchange of Securities Dealing and Automated Quotation Berhad ("MESDAQ") (sekarang dikenali sebagai Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad).
7. Pendapatan yang diperoleh daripada Terbitan Sukuk yang telah diterbitkan oleh Malaysia Global Sukuk Inc.
8. Diskaun atau keuntungan yang diterima daripada jualan bon-bon atau sekuriti-sekuriti yang diterbitkan oleh Pengurusan Danaharta Nasional Berhad atau Danaharta Urus Sendirian Berhad di dalam dan di luar Malaysia.
9. Pendapatan yang diperoleh daripada Sukuk Ijarah, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diterbitkan dalam mana-mana mata wang oleh 1Malaysia Sukuk Global Berhad.
10. Laba atau keuntungan yang diterima daripada pelaburan dalam sekuriti Islam, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diterbitkan selaras dengan prinsip *Mudharabah*, *Musyarakah*, *Ijarah*, *Istisna'* atau mana-mana prinsip lain yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan oleh SC di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

11. Laba atau keuntungan sebagai ganti faedah, diperoleh daripada Sukuk Wakala selaras dengan prinsip *Al-Wakala Bil Istithmar*, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diterbitkan dalam mana-mana mata wang oleh Wakala Global Sukuk Berhad.
12. Pendapatan yang diperoleh daripada Sukuk Kijang adalah dikecualikan daripada bayaran cukai pendapatan selaras dengan Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 10) Perintah 2013. Bagi tujuan perintah ini, "Sukuk Kijang" bermaksud Sekuriti Islam bernilai nominal sehingga dua ratus dan lima puluh juta dolar Amerika Syarikat (USD\$250,000,000) diterbitkan atau akan diterbitkan selaras dengan prinsip Syariah Ijarah oleh BNM Kijang Berhad.
13. Laba atau keuntungan yang diperoleh, sebagai ganti faedah, diperoleh daripada Sukuk Wakala dengan nilai nominal sehingga satu bilion dan lima ratus juta Dolar Amerika Syarikat (USD1,500,000,000.00) selaras dengan prinsip *Wakala Bil Istithmar*, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diterbitkan oleh Malaysia Sovereign Sukuk Berhad.
14. Laba atau keuntungan yang diperoleh, sebagai ganti faedah daripada Sukuk Wakala dengan nilai nominal sehingga satu bilion dan lima ratus juta Dolar Amerika Syarikat (US\$1,500,000,000.00) selaras dengan prinsip *Wakala*, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diterbitkan oleh Malaysia Sukuk Global Berhad (dahulunya dikenali sebagai 1Malaysia Sukuk Global Berhad).
15. Pendapatan yang diterima oleh Dana daripada Malaysia Building Society Berhad ("MBSB").

11. MAKLUMAT LANJUT

11.1 Kontrak material

Tiada kontrak material di luar perjalanan perniagaan telah ditandatangani oleh Pengurus berhubung dengan Dana pada tarikh Prospektus ini.

11.2 Kebenaran

Pemegang Amanah dan wakil Pemegang Amanah (kustodian) telah memberikan kebenaran mereka kepada kemasukan akan nama-nama dan kenyataan mereka dalam bentuk dan konteks dalam mana ia kelihatan dalam Prospektus ini dan tidak menarik balik kebenaran tersebut sebelum tarikh Prospektus ini dikeluarkan.

Penasihat cukai telah memberi kebenarannya kepada kemasukan akan namanya dan surat penasihat cukai dalam bentuk dan konteks dalam mana ia kelihatan dalam Prospektus ini dan tidak menarik balik kebenaran tersebut sebelum Prospektus ini dikeluarkan.

11.3 Dokumen untuk Pemeriksaan

Salinan dokumen berikut boleh diperiksa di pejabat utama Pengurus dan/atau Pemegang Amanah semasa waktu perniagaan biasa:-

- (a) Surat Ikatan atau surat ikatan tambahan (sekiranya ada);
- (b) Kontrak material yang dirujuk dalam Seksyen 11.1 Prospektus ini;
- (c) Laporan tahunan terkini Dana;
- (d) Penyata kewangan teraudit Pengurus dan Dana bagi tiga (3) tahun kewangan yang terbaru atau tempoh lebih pendek yang Dana telah wujud, sebelum tarikh Prospektus ini;
- (e) Surat penasihat cukai dirujuk dalam Seksyen 10 Prospektus ini;
- (f) Surat kebenaran yang dirujuk dalam Seksyen 11.2 Prospektus ini; dan
- (g) Prospektus ini dan prospektus tambahan.

11.4 Kelulusan dan Syarat-syarat

SC telah, melalui surat bertarikh 20 Julai 2005, perhatikan bahawa IOPV setiap Unit akan didasarkan NAV setiap Unit dan akan disiarkan sekali sehari. SC juga meluluskan permohonan Pengurus untuk membenarkan Dana untuk melabur dalam derivatif tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat berikut:

- pelaburan hadapan dan swap, yang bersama dengan derivatif lain yang dibenarkan seperti niagaan hadapan, waran dan opsiyen tidak boleh melebihi 20% daripada NAV Dana; dan
- penarafan pihak satu lagi bagi pelaburan hadapan dan swap mestilah menunjukkan keselamatan yang mencukupi bagi bayaran perdagangan daripada obligasi kewangan. Lebih-lebih lagi, pihak-pihak harus mempunyai profil kredit yang mencukupi dan menguntungkan yang ditaraf oleh mana-mana agensi penarafan domestik atau global yang setara.

SC telah, melalui surat bertarikh 11 Februari 2014, meluluskan permohonan bagi variasi kepada perenggan 9.08 daripada Garis Panduan Dana yang didagangkan pada Bursa yang dikeluarkan pada 11 Jun 2009 yang memperuntukkan kesemua permintaan bagi pembentukan dan penebusan hendaklah dilakukan melalui peniaga yang mengambil bahagian daripada unit-unit dana yang didagang pada bursa. Pengurus dibenarkan untuk menerima permohonan Pembentukan Tunai secara langsung dan bukan melalui Peniaga yang Mengambil Bahagian dalam keadaan luar biasa sebagaimana dinyatakan di bawah perenggan 11.14 Garis Panduan Dana yang didagang pada Bursa yang dikeluarkan pada 11 Jun 2009 dan tertakluk kepada terma-terma berikut:

- (a) permintaan yang diterima secara langsung daripada pelabur-pelabur adalah untuk permohonan Pembentukan Tunai yang lebih kecil, iaitu permohonan Pembentukan Tunai yang tidak mencukupi untuk mengumpul *basket*;
- (b) jumlah keseluruhan yang diterima bagi permohonan Pembentukan Tunai semasa tempoh urus niaga tunai akan dikenakan tidak melebihi 5% daripada nilai aset bersih Dana;
- (c) permintaan sedemikian akan hanya diterima semasa mengimbangi semula Dana; dan
- (d) Pengurus mempunyai hak untuk menolak permohonan Pembentukan Tunai sekiranya ia merugikan Dana.

11.5 Tempat mendapatkan Nasihat

Semua pertanyaan, notis dan komunikasi kepada Pengurus hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar ke alamat berikut:

Tingkat 9 & 10, Bangunan AmBank Group
No. 55, Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur

No. Tel.: 03 – 2032 2888
No. Faks.: 03 – 2031 5210
E-mel: enquiries@aminvest.com

Maklumat mengenai laman web Dana boleh diperolehi di laman web Dana, www.abfmy1.com.my.

11.6 Perdagangan Bersilang

Pengurus boleh menjalankan perdagangan bersilang antara dana dan mandat persendirian yang diuruskannya dengan syarat bahawa semua kriteria yang dikenakan oleh pengawal selia dipenuhi

Tanpa mengambil kira yang di atas, perdagangan silang antara akaun peribadi kakitangan Pengurus dan akaun Dana dan antara akaun perdagangan proprietari Pengurus dan akaun Dana adalah dilarang sama sekali. Pelaksanaan perdagangan bersilang akan dilaporkan kepada jawatankuasa pelaburan dan dinyatakan dalam laporan Dana dengan sewajarnya.

AmFunds Management Berhad

(198601005272 [154432-A])

Tel : 03-2032 2888

Fax : 03-2031 5210

Email : enquiries@aminvest.com